

**METODOLOGI PENULISAN HADITH HUKUM:  
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KITAB AL-  
MUNTAQA DENGAN BULUGH AL-MARAM**

**SITI SARAH BINTI IBRAHIM**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

**METODOLOGI PENULISAN HADITH HUKUM:  
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KITAB AL-  
MUNTAQA DENGAN BULUGH AL-MARAM**

**SITI SARAH BINTI IBRAHIM**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II  
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

## ABSTRAK

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani merupakan dua orang tokoh hadith yang terkenal di dalam ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Ilmu tersebut adalah sebahagian daripada pengajian hadith yang membincangkan mengenai hukum-hukum yang terdapat di dalam hadith. Walaubagaimanapun, tiada kajian yang membincangkan ilmu tersebut secara khusus. Berdasarkan keperluan ini, kajian ini dijalankan untuk menganalisis personaliti dan sumbangan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam bidang hadith hukum (*Hadith Ahkam*) melalui metodologi penulisan kedua-dua tokoh tersebut di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Kajian ini juga bertujuan untuk memperkenalkan biografi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani bagi menyingkap sejarah kemunculan dan perkembangan ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Seterusnya penulis membuat perbandingan di antara kedua-dua kitab tersebut. Perbandingan ini meliputi keistimewaan, kelemahan, persamaan, perbezaan dan metodologi atau kaedah penulisan yang digunakan di dalam kedua-dua kitab yang masyhur ini. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (*Library Research*) sepenuhnya. Hasil kajian ini menunjukkan kedua-dua kitab tersebut adalah sumbangan yang tinggi nilainya di dalam ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Ia membuktikan kaedah penulisan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani adalah penulisan yang lebih sistematik, tersusun, terkini dan lebih menepati sebagai rujukan yang lengkap untuk koleksi-koleksi hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Di dalam kedua-dua kitab tersebut terdapat himpunan hadith-hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Hadith-hadith tersebut telah dirujuk daripada kitab-kitab yang

berautoriti seperti kitab *Sohih Bukhari*, *Sohih Muslim*, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, *Jami' Abi Isa al-Tarmidhi*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Abi Dawud* dan *Sunan Ibn Majah*.

## ABSTRACT

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah and Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani are two well-known figures in the tradition of legal science of hadith (*Hadith Ahkam*). Science is an integral part of the hadith that discusses the laws found in the hadith. However, no studies that specifically discuss the science. Based on these requirements, the study is to analyze the personalities and contributions of Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah and Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani in the field of legal traditions (*Hadith Ahkam*) through a methodology of writing the two characters are in the *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* and the book *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. This study also aims to introduce the biography Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah and Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani to uncover the history of the emergence and development of legal science traditions (*Hadith Ahkam*). Next the writer makes a comparison between the two scriptures. This comparison includes features, weaknesses, similarities, and differences in methodology or method of writing used in both this famous book. In this study, the authors use the methods of research library (Library Research) in full. The study showed that both these books are valuable contributions to the science of law tradition (*Hadith Ahkam*). It proves the method of writing Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah and Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani is writing a more systematic, orderly, timely and more faithful as a complete reference to the law hadith collections (*Hadith Ahkam*). In both these books are a collection of legal traditions (*Hadith Ahkam*). Traditions that have been referred to the books as books *Sohih* berautoriti *Sohih Bukhari*, *Sohih Muslim*, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, *Jami’ Abi Isa al-Tarmidhi*, *Sunan al-Nasa’i*, *Sunan Abi Dawud* and *Sunan Ibn Majah*.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji-pujian bagi Allah s.w.t yang telah mengurniakan nikmat dan hidayah kepada penulis yang akhirnya mampu untuk menunaikan amanah akademik ini yang bertajuk ‘Metodologi Penulisan Hadith Hukum : Kajian Perbandingan Antara Kitab al-Muntaqa Dengan Bulugh Al-Maram.

Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. yang mulia dan para sahabat baginda yang *istiqamah* dalam menegakkan agama Islam dan memartabatkan agama Allah s.w.t.

Di kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat di dalam penulisan ini samada secara langsung ataupun tidak langsung. Bantuan, kerjasama dan sokongan yang dihulurkan amatlah dihargai.

Justeru terima kasih penulis lakarkan kepada yang dimuliakan Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman selaku pensyarah dan penyelia di atas kesabaran, ketabahan dan kesungguhan beliau membimbing penulis sepanjang penulis menuntut ilmu dengan beliau dan ketika menyiapkan penulisan ini. Semoga Allah s.w.t mengurniakan beliau anugerah yang tidak ternilai di dalam dunia akademik.

Penghargaan khusus buat para pensyarah di Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Unversiti Malaya, khususnya Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Ahmad dan Prof Madya Dr. Zulkifli Hj. Mohd Yusof yang sentiasa memberi dorongan

dan motivasi kepada penulis. Sekalung penghargaan kepada semua pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang banyak membantu penulis di dalam menyiapkan penulisan ini.

Selautan kasih istimewa buat bonda Dalilah bt Ab Hamid, ayahanda Ibrahim b. Razali, bonda mertua Sa'diah bt. Syariff dan ayahanda mertua Mohamad Rais b. Rashid yang mendidik dan membimbing penulis tanpa jemu serta sentiasa mendoakan kejayaan penulis. Tidak dilupakan juga adik beradik yang disayangi, salam sayang atas sokongan yang diberikan.

Khusus untuk suami tercinta Muhamad Maududi b. Mohamad Rais yang sudi menemani penulis dalam menuntut ilmu ini, terima kasih di atas segala bantuan, dorongan dan motivasi yang dihulurkan. Penghargaan khusus juga buat anakanda-anakanda yang dikasihi dan dicintai, Muhammad Muzaffar dan Syamilah Sofiyah. Semoga kejayaan mama hari ini menjadi pembakar semangat untuk anak-anak mama lebih berjaya di masa hadapan. Terima kasih yang tidak terhingga di atas pengorbanan yang kalian lakukan.

Buat sahabat-sahabat seperjuangan terutama sekali, Siti Aisyah, Kak Fazlida, Kak Salmah dan sahabat-sahabat seangkatan, *syukran* diucapkan di atas sokongan dan bantuan kalian serta lakaran kenangan yang tidak mungkin dilupakan buat selamanya.

Akhirnya, semoga Allah s.w.t mencucuri rahmat dan dianugerahkan ganjaran di atas segala kerjasama, bimbingan dan dorongan yang diberikan samada secara langsung mahupun tidak langsung. Amin.

**SITI SARAH BINTI IBRAHIM**

NO. 90, LORONG DELIMA 4B,  
BANDAR PARKLANDS,  
PANDAMARAN, 41200 KLANG  
SELANGOR DARUL EHSAN

**28HB FEBRUARI 2011**



## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
<b>Abstrak</b>	ii
<b>Abstract</b>	iv
<b>Penghargaan</b>	v
<b>Isi kandungan</b>	viii
<b>Senarai Jadual</b>	xv
<b>Senarai Kependekan</b>	xvi
<b>Jadual Transliterasi</b>	xviii

## PENDAHULUAN

<b>0.1 Pengenalan</b>	1
<b>0.2 Masalah Kajian</b>	3
<b>0.3 Objektif Kajian</b>	4
<b>0.4 Kepentingan Kajian</b>	5
<b>0.5 Skop Kajian</b>	5
<b>0.6 Huraian Istilah</b>	6
<b>0.7 Ulasan Penulisan (<i>Review Of Literature</i>)</b>	9
<b>0.8 Metodologi Atau Kaedah Penyelidikan</b>	12
0.8.1    Metode Penentuan Subjek Atau Persampelan	12
0.8.2    Metode Pengumpulan Data	12

	(a) <u>Metode Historis</u>	12
	(b) <u>Metode Dokumentasi</u>	13
0.8.3	Metode Penganalisaan Data	14
	0.8.3.1 <u>Metode Kualitatif</u>	14
	(a) <u>Metode Induktif</u>	15
	(b) <u>Metode Deduktif</u>	15
	(c) <u>Metode Komparatif</u>	16
	0.8.3.2 <u>Metode Kuantitatif</u>	16
<b>0.9</b>	<b>Sistematika Penulisan</b>	17
0.9.1	Bab Satu	17
0.9.2	Bab Dua	18
0.9.3	Bab Tiga	18
0.9.4	Bab Empat	18
0.9.5	Bab Lima	19

## **BAB 1 :**

### **Pengenalan dan Kronologi Perkembangan Ilmu Hadith Hukum (*HADITH AHKAM*)**

<b>1.1</b>	<b>Pengenalan</b>	20
<b>1.2</b>	<b>Pengajian <i>'Ulum al-Hadith</i></b>	21
1.2.1	Hadith <i>Riwayah</i> (حديث رواية)	21
1.2.2	Hadith <i>Dirayah</i> (حديث دراية)	22
<b>1.3</b>	<b>Kedudukan al-Sunnah Sebagai Sumber Kedua Perundangan Islam</b>	23

<b>1.4</b>	<b>Pengenalan Dan Kronologi Perkembangan Ilmu Hadith Hukum</b>	
	<i>(Hadith Ahkam)</i>	32
<b>1.4.1</b>	<b>Kitab-kitab Mengenai Ilmu Hadith Hukum</b>	<i>(Hadith Ahkam)</i>
1.4.1.1	Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla</i>	
	<i>Allah 'Alayh Wasallam</i>	33
1.4.1.2	Kitab <i>Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar</i>	
	<i>Min Ahadith Sayyid al-Akhyar</i>	34
1.4.1.3	Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	34
1.4.1.4	Kitab <i>Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram</i>	
	<i>Min Adillah al-Ahkam</i>	34
1.4.1.5	Kitab <i>Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam</i>	35
1.4.1.2	Kitab <i>Koleksi Hadis-Hadis Hukum</i>	36
1.4.1.3	Kitab <i>Tawdih al-Ahkam Min Bulugh al-Maram</i>	37
<b>1.5</b>	<b>Kesimpulan</b>	38

## **BAB 2 :**

### **BIOGRAFI MAJD AL-DIN 'ABD AL-SALAM IBN TAYMIYYAH DAN IBN HAJAR AL-'ASQALANI**

<b>2.1</b>	<b>Biografi Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah</b>	
2.1.1	Nama Dan Keturunan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam	
	Ibn Taymiyyah	39
2.1.2	Kelahiran Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah	41
2.1.3	Tempat Kelahiran Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam	
	Ibn Taymiyyah	41

2.1.4	Latar Belakang Keluarga Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah	44
2.1.5	Sejarah Pendidikan Dan Pengembaraan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah Dalam Mencari Ilmu	49
2.1.6	Guru-guru Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah	51
2.1.7	Murid-murid Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah	52
2.1.8	Pandangan Atau Pujian ‘ulama’ Terhadap Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah	53
2.1.9	Hasil-hasil Karya Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah	55
2.1.10	Kewafatan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah	56
<b>2.2</b>	<b>Biografi Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani</b>	
2.2.1	Nama Dan Keturunan Imam Ibn Hajar al-Asqalani	57
2.2.2	Kelahiran Imam Ibn Hajar al-Asqalani	58
2.2.3	Pengembaraan Mencari Ilmu Imam Ibn Hajar al-Asqalani	59
2.2.4	Pendidikan Dan Guru-Guru Imam Ibn Hajar al-Asqalani	62
2.2.5	Murid-murid Imam Ibn Hajar al-Asqalani	64
2.2.6	Pandangan Atau Pujian ‘ulama’ Terhadap Imam Ibn Hajar al-Asqalani	65
2.2.7	Hasil-hasil Karya Imam Ibn Hajar al-Asqalani	66
2.2.8	Jawatan Yang Disandang Oleh Imam Ibn Hajar al-Asqalani	67
2.2.9	Kewafatan Imam Ibn Hajar al-Asqalani	68
<b>2.3</b>	<b>Kesimpulan</b>	69

### **BAB 3 :**

## **Pengenalan Kitab *AL-MUNTAQA MIN AKHBAR AL-MUSTAFA SOLLA ALLAH 'ALAYH WASALLAM* DAN KITAB *BULUGH AL-MARAM MIN ADILLAH AL-AHKAM* SEBAGAI KITAB HADITH HUKUM (*HADITH AHKAM*)**

<b>3.1</b>	<b>Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i></b>	
	<i>Wasallam</i>	71
3.1.1	Pengenalan Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	71
3.1.2	Pujian 'ulama' Terhadap kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	73
3.1.3	Sumber Rujukan kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	75
3.1.4	Kitab Syarh Bagi Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	76
3.1.5	Isi Kandungan Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	78
3.1.6	Metodologi Penulisan Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	78
<b>3.2</b>	<b>Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i></b>	
3.2.1	Pengenalan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	94
3.2.2	Sumber Rujukan kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	96

3.2.3	Kitab Syarh Bagi Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	97
3.2.4	Isi Kandungan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	99
3.2.5	Metodologi Penulisan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	99
<b>3.3</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>112</b>

#### **BAB 4 :**

### **KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KITAB *AL-MUNTAQA MIN AKHBAR AL-MUSTAFA SOLLA ALLAH 'ALAYH WASALLAM* DENGAN KITAB *BULUGH AL-MARAM MIN ADILLAH AL-AHKAM* SEBAGAI KITAB HADITH HUKUM (*HADITH AHKAM*)**

4.1	Persamaan Antara Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i> Dan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	115
4.2	Perbezaan Antara Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i> Dan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	127
4.3	Keistimewaan Dan Kelemahan Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	142

4.3.1	Keistimewaan Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	142
4.3.2	Kelemahan Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	143
4.4	Keistimewaan Dan Kelemahan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	144
4.4.1	Keistimewaan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	144
4.4.2	Kelemahan Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	145
4.5	Kesimpulan	146

## **BAB 5 :**

### **PENUTUP**

5.1	Hasil Kajian	147
5.2	Cadangan Dan Saranan	153
5.3	Penutup	156

<b>BIBLIOGRAFI</b>	158
--------------------	-----

### **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1 : Isi Kandungan kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	78
Jadual 3.2 : Isi Kandungan kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam</i>	99
Jadual 4.1: Jadual perbezaan dari sudut persamaan maksud atau makna tetapi penggunaan <i>istilah</i> yang lain	131
Jadual 4.2: Jadual perbezaan dari sudut bilangan <i>Kitab-kitab</i> (كتاب) atau tajuk-tajuk perbahasan, <i>Bab</i> (باب) dan hadith	136



## SENARAI KEPENDEKAN

APIUM	Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Ab	Abdul
B. atau b.	Bin
Bt	Binti
c.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	Doktor
Ed.	Edit
Edit.	Edisi
H	Hijrah
h.	Halaman
<i>Ibid</i>	Ibidam (Rujukan sama seperti sebelum)
pada	tempat, kitab, fasal halaman yang sama
j	Jilid
juz.	Juzuk
k.w.	Karramallah Wajhah
Kitab <i>al-Muntaqa</i>	Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa</i> <i>Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>
Kitab <i>Bulugh al-Maram</i>	Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adillah al-</i> <i>Ahkam</i>
no.	Nombor

<i>op. cit.</i>	Opera Citato (Rujukan berselang bagi karya tersebut)
Prof.	Profesor
r.a.	<i>Radhi Allah 'Anhu</i>
s.a.w	<i>Sallallahu 'Alaihi Wasallam</i>
s.w.t.	<i>Subhanahu wa ta'ala</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
t. tmpt	Tanpa tempat terbit
t.t	Tanpa tarikh
terj.	Terjemahan
UM	Universiti Malaya
&	Dan

## JADUAL TRANSLITERASI

HURUF ARAB	TRANSLITERASI	HURUF ARAB	TRANSLITERASI
ا, ء	a, hamzah	ط	T
ب	B	ظ	Z
ت	T	ع	'
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	H	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	و	W
س	S	ه	H
ش	Sy	ي	Y
ص	S	ة	H
ض	D		

## VOKAL PANJANG

HURUF ARAB	TRANSLITERASI
آ	A
و	u
ى	i

## VOKAL PENDEK

HURUF ARAB	TRANSLITERASI
Fathah	a

<b>Dammah</b>	<b>u</b>
<b>Kasrah</b>	<b>i</b>

## DIFTONG

HURUF ARAB	TRANSLITERASI	HURUF ARAB	TRANSLITERASI
او	Aw	يَ	iy / i
اى	Ay	وَّ	uww

*Sumber: Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi 2001), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*

## PENDAHULUAN

### 0.1 Pengenalan

Memaparkan ketokohan dan sumbangan ‘ulama’ silam yang terlibat di dalam perkembangan dan pengukuhan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Islam. Di antara aspek ilmu yang dimaksudkan ialah hadith dan cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengannya. Berhubung dengan perkembangan ilmu hadith para ‘ulama’ silam khususnya telah mengembeling usaha dan tenaga bagi memastikan kedudukan hadith sebagai salah satu sumber rujukan umat Islam tetap terpelihara dan terus berkembang.

Berdasarkan komitmen inilah, penulis berusaha untuk memaparkan ketokohan dan sumbangan dua orang tokoh ‘ulama’ yang masyhur dan terkenal. Kedua-dua tokoh yang dimaksudkan itu ialah Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani. Ketokohan dan sumbangan mereka khususnya di bidang ilmu-ilmu lain seperti pemikiran Islam dan *Fiqh* dapat dibuktikan melalui pemikiran dan hasil karya mereka yang banyak di dalam bidang tersebut. Di sini penulis cuba untuk menskopkan kepada sumbangan mereka di dalam bidang ilmu Hadith hukum (*Hadith Ahkam*).

Kajian ini akan menumpukan terhadap biodata atau latar belakang kehidupan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani bagi meneliti proses pendidikan dan persekitaran yang telah menjadikan mereka sebagai salah seorang tokoh ‘ulama’ hadith yang terkenal di zaman mereka.

Bagi membuktikan ketokohan dan sumbangan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam bidang Hadith hukum (*Hadith Ahkam*), tumpuan akan diberikan terhadap pemikiran mereka yang berhubung dengan persoalan-persoalan tertentu di dalam bidang ilmu Hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Tujuan diberikan penumpuan terhadap aspek ini bagi memperlihatkan penelitian dan analisa Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani terhadap pengajian ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*).

Bagi memperlihatkan secara khusus ketokohan dan sumbangan kedua-dua tokoh hadith tersebut di dalam bidang pengajian ilmu Hadith *Ahkam* (hadith hukum) tumpuan akan difokuskan terhadap sebuah karya karangan mereka iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min*

*Adillah al-Ahkam*. Seterusnya penulis akan membuat perbandingan dari sudut persamaan dan perbezaan kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) tersebut.

Adalah diharapkan melalui penulisan ini akan dapat memberikan sedikit sumbangan kearah memaparkan usaha di dalam memperkukuhkan dan memantapkan lagi kedudukan hadith hukum (*Hadith Ahkam*) di dalam Islam.

Usaha ini secara langsung diharapkan juga akan dapat menjawab dan memantapkan tuduhan-tuduhan dari pihak-pihak yang meragui ketokohan dan kewibawaan ‘ulama’-‘ulama’ silam di dalam memperkemaskan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur’an dan al-Hadith.

## **0.2 Masalah Kajian**

Berhubung dengan perkembangan ilmu hadith, para ‘ulama’ silam telah mengembeling usaha dan tenaga bagi memastikan kedudukan hadith sebagai salah satu sumber rujukan umat Islam tetap terpelihara dan terus berkembang. Oleh yang demikian antara persoalan pokok yang dapat diperincikan sebagai masalah kajian kepada penyelidikan ini adalah sebagaimana berikut:-

- 0.2.1 Kepentingan mengkaji tokoh ‘ulama’ silam. Iaitu apakah biodata atau biografi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani.

- 0.2.2 Apakah bentuk dan corak pemilihan hadith di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alaihi Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* sebagai kitab ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum).
- 0.2.3 Apakah metodologi penulisan dan penyusunan yang diaplikasikan oleh kedua-dua tokoh ini di dalam menghasilkan kitab tersebut.
- 0.2.4 Apakah hasil kajian yang dapat dilihat dari sudut persamaan dan perbezaan yang terdapat pada kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* sebagai suatu kajian perbandingan.

### **0.3 Objektif Kajian**

Di antara objektif kajian bagi penulisan disertasi ini ialah:

- 0.3.1 Untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Pengajian Kursus Sarjana Usuluddin di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia.
- 0.3.2 Mengenali biografi atau biodata Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani dengan lebih dekat dan mendalam lagi sebagai tokoh hadith yang telah memberi sumbangan besar di dalam bidang *Hadith Ahkam* (hadith hukum).

- 0.3.3 Memperkenalkan lagi dengan lebih mendalam kepada pembaca mengenai kitab yang berotoriti dan termasyhur di dalam bidang *Hadith Ahkam* (hadith hukum). Iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.
- 0.3.4 Mengenalpasti dan mendedahkan metodologi penulisan atau penyusunan yang diaplikasikan di dalam penulisan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.
- 0.3.5 Menjelaskan aspek-aspek utama persamaan dan perbezaan yang terdapat pada kedua-dua karya tersebut.

#### **0.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini akan menampilkan usaha dan sumbangan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani di dalam bidang ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum). Sebagaimana yang telah dijelaskan bidang ini adalah salah satu cabang pengajian yang terpenting di mana kedudukan institusi hadith itu sendiri sebagai sumber kedua perundangan Islam.

Kajian ini mampu mempertengahan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani sebagai contoh tokoh ilmuan di dalam bidang ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum). Sekaligus mencungkil kaedah dan metodologi yang digunakan oleh kedua-dua tokoh hadith tersebut di dalam menyelusuri



bidang pengajian ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum). Seterusnya kajian ini akan membuat perbandingan dari sudut persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam kedua-dua kitab hadith yang menjadi fokus kajian. Hasil daripada kajian ini seterusnya akan menyerlahkan lagi autoriti dan keunggulan institusi hadith sebagai sumber pensyariatan yang dihormati dan diiktiraf.

## **0.5 Skop Kajian**

Di dalam kajian ini, penulis akan meninjau ketokohan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani di dalam pengajian ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum) yang merangkumi biodata atau latar belakang kehidupan mereka, pengenalan umum kepada pengajian ilmu hadith dan ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum) itu sendiri, metodologi atau kaedah penulisan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* serta sumbangan kedua-dua tokoh tersebut kepada ilmu *hadith Ahkam* (hadith hukum).

Oleh kerana kajian disertasi ini di dalam bentuk dan corak perbandingan, maka penulis telah membataskan skop kajian ini dengan menekankan kepada perbandingan metodologi atau kaedah penulisan dari sudut persamaan dan perbezaan serta keistimewaan dan kelemahan yang terdapat di dalam kedua-dua kitab tersebut. Akhir sekali, penulis menyatakan kesimpulan dan mengutarakan beberapa saranan dan cadangan agar ianya dapat diberi perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

## 0.6 Huraian Istilah

Penulis akan menghuraikan beberapa pengertian perkataan yang terkandung di dalam kajian disertasi ini supaya pembaca mendapat kefahaman dan penjelasan yang lebih lanjut mengenainya.

Di dalam memberi penjelasan untuk menghuraikan pengertian tajuk kajian disertasi ini, penulis hanya memilih perkataan-perkataan yang dianggap penting sahaja. Di antara perkataan-perkataan tersebut ialah :-

### 0.6.1 Hadith

Al-Hadith dari segi bahasa ialah baharu, atau *Khabar* (berita). Al-Hadith dari segi istilah ialah :

ما أضيف إلى النبي صلى الله عليه وسلم قولاً أو فعلاً أو تقريراً "

"أو صفة"

Maksudnya :-

*"Sesuatupun yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. sama ada perkataan, perbuatan, ikrar atau sifat".<sup>1</sup>*

Menurut al-Imam Taqiy al-Din bin Taymiyyah sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qasami, apabila disebut lafaz hadith yang dimaksudkan ialah sesuatu yang diperkatakan mengenai Rasulullah s.a.w. setelah beliau dibangkitkan menjadi rasul.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad Jamal al-Din al-Qasami (1961), *Qawa'id al-Tahdith*. Mesir: Isa al-Babi al-Halabi, h. 61.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 12.

Manakala menurut Ibn Hajar al-Asqalani sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Suyuti, perkataan al-Hadith di kalangan ahli-ahli hadith disandarkan kepada *Marfu'*, *Mauquf* dan *Maqtu'*.<sup>3</sup>

Secara etimologis, hadith bererti sesuatu yang baru. Hadith juga bererti khabar berita, baik sedikit ataupun banyak.<sup>4</sup>

Dari segi istilah hadith bererti khabar turun temurun yang menyatakan tentang pertuturan, perbuatan dan kelakuan Nabi Muhammad s. a. w. Hadith boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu hadith *Sohih*, *Hasan*, *Da'if* dan *Mardud* (Palsu). Hadith *Sohih* dan hadith *Hasan* boleh dijadikan rujukan untuk menjadi dalil sesuatu hukum di dalam Islam, tetapi hadith *Da'if* tidak boleh. Manakala hadith *Mardud* (palsu) dilarang keras oleh syarak untuk meriwayatkannya dan hukumnya haram menceritakannya kecuali diterangkan kepalsuannya terlebih dahulu.<sup>5</sup>

## 0.6.2 Hukum

Hukum menurut istilah *Usul Fiqh* ialah setiap titah Allah dan rasul, baik yang merupakan menyuruh mengerjakan sesuatu atau melarang atau menerangkan kebolehan atau sebagainya.<sup>6</sup> Hukum yang dimaksudkan di dalam kajian disertasi ini ialah hukum-hukum hadith yang terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini.

## 0.6.3 Kitab

---

<sup>3</sup> 'Abd al-Rahman bin Abi Bakar al-Suyuti (1966), *Tadrib al-Rawi*, j. 1. Mesir: Matba'ah Sa'adah, h. 42.

<sup>4</sup> M. 'Ajjaj al-Khatib (Dr.) (1999), *Hadits Nabi Sebelum Dibukukan*, c. 1. Jakarta: Gema Insani Press, h. 42.

<sup>5</sup> *Ensiklopedia Islam* (1998), jil. 4. c. 1. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia, h. 15.

<sup>6</sup> Dusuki bin Haji Ahmad (1988), *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Ilmiah Malaysia, h. 109.

Kitab bermaksud buku suci yang mengandungi perkara-perkara keagamaan seperti hukum ajuran dan lain-lain.<sup>7</sup> Kitab yang dimaksudkan di sini ialah bahan kajian yang menjadi tumpuan utama penulis dalam penulisan disertasi ini iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

#### 0.6.4 Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*

Ia adalah nama khusus bagi kitab yang dihasilkan oleh Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah di dalam bidang ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum).

#### 0.6.5 Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

Ia adalah nama khusus bagi kitab yang dihasilkan oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani di dalam bidang ilmu *Hadith Ahkam* (hadith hukum).

### **0.7 Ulasan Penulisan (*Review Of Literature*)**

Setelah kajian di buat, penulis mendapati terdapat dua kajian terdahulu mengenai tajuk yang dibincangkan. Namun begitu penulis mendapati masyarakat hari ini kurang pengetahuan mengenai ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Ilmu ini juga masih baru dan segar di kalangan masyarakat pada hari ini. Di atas kesedaran inilah penulis merasakan kajian disertasi seperti ini amat perlu diperbanyakkan lagi dan penulis

---

<sup>7</sup> Teuku Iskandar (Dr.) (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 1238.

memilih untuk membuat perbandingan di antara kedua-dua kitab yang masyhur di dalam bidang ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) tersebut. Kajian atau penulisan tersebut ialah :

0.7.1 Tulisan atau kajian oleh Ishak bin Hj. Sulaiman, pelajar sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial tahun 1995/1996 dalam kajian disertasinya yang bertajuk “Ibn Hajar al-Asqalani Dan Sumbangannya Kepada Hadith : Tumpuan Terhadap Kitabnya *Bulugh al-Maram*”.

Tulisan atau kajian Ishak bin Hj. Sulaiman, pelajar Sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial 1995/1996 dalam kajian disertasinya yang bertajuk “Ibn Hajar al-Asqalani Dan Sumbangannya Kepada Hadith : Tumpuan Terhadap Kitabnya *Bulugh al-Maram*”. Kajian ini membincangkan mengenai latar belakang Ibn Hajar al-Asqalani, kehidupan beliau berumahtangga serta jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau. Penulis kajian ini juga turut mengkaji tentang pemikiran tokoh ini di dalam bidang ilmu hadith. Di antara aspek yang difokuskan oleh penulis kajian ini ialah pandangan Ibn Hajar al-Asqalani terhadap mendefinisikan istilah-istilah di dalam ilmu hadith, konsep *Mutawatir* dan *Ahad*, pengkajian sanad yang meliputi sanad *Hadith Sahih*, *Hadith Hasan* dan *Hadith Da'if* serta persoalan *Rijal al-Hadith* seperti perawi *al-Sahabah* dan sifat *'Adil* mereka sebagai perawi hadith.

Di dalam bab terakhir, penulis kajian disertasi ini memberi tumpuan secara khusus terhadap kitab *Bulugh al-Maram*. Aspek yang diberi penekanan ialah sumber rujukan hadith dan para *Rijal al-Hadith* yang terdapat di dalamnya. Kitab *Bulugh al-Maram* merupakan di antara salah sebuah daripada kitab di dalam bidang ilmu hadith hukum

(*Hadith Ahkam*). Yang mana bidang hadith hukum (*Hadith Ahkam*) merupakan skop atau aspek yang diberi penekanan kepada kajian disertasi ini.

Tumpuan juga diberikan terhadap metodologi dari sudut kandungan dan penyusunan setiap bab dan kitab disamping penggunaan istilah-istilah tertentu yang disusun di dalam kitab *Bulugh al-Maram*.

Seterusnya kajian ini diakhiri dengan penutup yang mengandungi kesimpulan dan saranan-saranan serta cadangan-cadangan daripada kajian yang telah dijalankan oleh penulis kajian disertasi ini.

0.7.2 Tulisan atau kajian oleh Dr. Muhammad ‘Umar bin Salim Bazmul, pelajar Universiti Umul Qura’ di Mekah al-Mukarramah dalam kajian doktor falsafah (PHD) yang bertajuk “*al-Imam Majd al-Din Ibn Taymiyyah Wa Juhuduhu Fi Ahadith al-Ahkam*”.

Kajian ini dilakukan atau ditulis di dalam bahasa Arab. Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan secara terperinci mengenai biografi atau latar belakang kehidupan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah. Ianya merangkumi biodata, perjalanan menuntut ilmu, kelahiran beliau, kematian dan sebagainya.

Di dalam bahagian kedua kajian ini pula, penulis kitab ini mengfokuskan kepada metodologi atau kaedah penulisan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* secara mendalam dan terperinci.

Kesimpulan yang dapat dibuat oleh penulis hasil pengkajian terhadap kajian atau penulisan yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, dilihat dapat ditambahkan lagi kepada tumpuan terhadap perbandingan dari sudut persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam metodologi atau kaedah penulisan di antara kedua-dua kitab *Hadith Ahkam* (hadith hukum) tersebut.

Penulis berharap semoga kajian disertasi ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

## **0.8 Metodologi Atau Kaedah Penyelidikan**

### 0.8.1 Metode Penentuan Subjek Atau Persampelan

Menerusi metode ini, penulis memilih hasil penulisan atau hasil karya Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* serta kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* sebagai subjek kajian. Berdasarkan kedua-dua kitab ini, penulis memberikan penumpuan kepada perbincangan ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) dengan meneliti metodologi atau kaedah yang digunakan dan diaplikasikan oleh kedua-dua tokoh hadith tersebut di dalam hasil karya mereka. Melalui hasil karya tersebut, penulis menyingkap kehebatan dan ketokohan Imam Majd al-Din ‘Abd

al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani sebagai subjek bagi kajian ini.

#### 0.8.2 Metode Pengumpulan Data

Untuk memperolehi maklumat bagi mengumpulkan data<sup>8</sup> mengenai pengkajian ini, penulis menggunakan metode pengumpulan data yang menjadi rutin bagi penyelidikan perpustakaan iaitu:-

##### (a) Metode Historis

Melalui metode ini, penulis meneliti perkembangan sejarah penulisan pengajian ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Metode ini turut dipilih bagi menyelusuri sejarah kehidupan atau biografi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani serta hasil karya mereka iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

##### (b) Metode Dokumentasi

Metode ini dilakukan sebagai satu kaedah pengumpulan data untuk menilai dan meneliti dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop kajian. Dokumen-dokumen yang dikumpulkan adalah berbentuk bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai masalah-masalah kajian.

---

<sup>8</sup> Data diertikan sebagai fakta, perkataan, surat, rajah, carta atau simbol yang mewakili objek situasi, keadaan atau idea dalam sesebuah kajian. Lihat Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 259.



Di antara bahan yang menjadi rujukan utama ialah al-Qur'an, buku-buku klasik dan terkini, Jurnal, Tesis atau Disertasi dan bahan-bahan yang tidak diterbitkan yang lain sama ada di dalam bahasa Arab, bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris. Berdasarkan bahan yang diterbitkan, penulis mengumpulkan bahan-bahan yang berkaitan kajian seperti karya biografi kedua-dua tokoh tersebut dan kitab hasil karya mereka, kitab-kitab atau buku-buku yang membincangkan mengenai sejarah ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) dan sebagainya.

Penulis juga meneliti kajian lampau melalui data-data yang dilihat daripada bahan-bahan yang tidak diterbitkan seperti Jurnal, Tesis atau Disertasi, Ensiklopedia dan sebagainya. Hasil daripada penelitian ini, penulis dapat melihat bentuk kajian dan penyelidikan yang terbaik dari kajian terdahulu.

Di antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan utama ialah:-

- i. Perpustakaan utama Universiti Malaya
- ii. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- iv. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
- v. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa
- vi. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- vii. Perpustakaan Kolej Universiti Islam Darul Ehsan (KUIS), Bangi
- viii. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur

### 0.8.3 Metode Penganalisaan Data<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> Analisa data merupakan aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Ia melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih dan menjadual bahan yang diperolehi. Lihat Mohd Majid Konting (1990), *Ibid.*, h. 309.

Setelah bahan dokumen dikumpulkan, kesemua data yang diperolehi diteliti. Penulis turut melakukan penyusunan, penilaian, pengkategorian, perbandingan dan pemerhatian terhadap keseluruhan data yang diperolehi dalam menganalisa data.

Untuk mencapai hasil daripada pengkaedahan ini, penulis mengaplikasikan beberapa metode penganalisaan data sebagaimana berikut:-

#### 0.8.3.1 Metode Kualitatif

Untuk menganalisis data yang bersifat kualitatif atau nilai data yang tidak dapat dinilai dengan angka iaitu data yang menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, konsep dan seumpamanya.<sup>10</sup>

Bagi mendapatkan hasil kajian daripada metode ini, penulis melakukan beberapa metode yang berkaitan. Iaitu:-

##### (a) Metode Induktif

Metode ini dikenali sebagai suatu kaedah yang menggunakan pendekatan *induktif* – *generatif*. Iaitu suatu kaedah yang memerlukan penyelidik mengumpulkan yang bersifat terhad dan berasingan yang diperolehi daripada pembacaan (*Istiqra'*) secara berterusan bagi menghuraikan fenomena yang dikaji.<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, APIUM Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication, h. 6.

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 82.

Pada peringkat awal kajian ini, penulis mengumpulkan data-data yang berkaitan biografi kedua-dua tokoh dan landasan teori yang menjadi subjek kajian iaitu ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Kemudian penulis mencari hubungan antara fakta yang diperolehi iaitu perkaitan antara karya kedua-dua tokoh dengan perkembangan ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Penulis juga melihat perkaitan antara data-data lain bagi merumuskan dan menjelaskan masalah kajian.

#### (b) Metode Deduktif

Metode ini adalah satu kaedah membuat analisa atau kesimpulan daripada data-data umum yang diperolehi kepada kenyataan-kenyataan secara lebih khusus. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah *Istinbat* di dalam *Usul al-Fiqh*.<sup>12</sup>

Penulis menggunakan kaedah ini bagi menganalisa data-data yang dikumpulkan khusus bagi bab Empat dan bab terakhir. Iaitu penulis membuat kesimpulan terhadap analisa yang dilakukan ke atas metodologi penulisan kitab yang dipilih melalui idea yang dicetuskan. Hasil dari analisa tersebut, penulis membuat kesimpulan terhadap sumbangan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani di dalam bidang ilmu yang cuba diketengahkan.

#### (c) Metode Komparatif

Melalui metode penganalisan yang ketiga ini, penulis meneliti dan merumuskan analisa data yang diperolehi di dalam bentuk perbandingan. Penulis turut melakukan pengkategorian dan penyusunan data yang diperolehi di dalam penyelidikan yang dibuat.

---

<sup>12</sup> *Ibid.*

Melalui kaedah ini, penulis mengumpulkan data-data yang diperolehi dari sumber-sumber utama. Kemudian penulis membandingkan sumber yang mempunyai persamaan atau perbezaan yang diperolehi bagi mendapatkan maklumat yang lebih kuat. Hasil daripada perbandingan dan penelitian yang dilakukan oleh penulis akan dijadikan kesimpulan bagi kajian ini. Kaedah ini diaplikasikan bagi keseluruhan bab iaitu merangkumi kajian ke atas biografi tokoh, karya dan aplikasi ilmu yang dibincangkan. Kaedah ini juga merupakan kaedah yang terpenting bagi bab 4 (Empat) di dalam kajian disertasi ini.

#### 0.8.3.2 Metode Kuantitatif

Penulis turut menggunakan metode kuantitatif. Metode ini adalah di dalam bentuk angka atau bilangan dengan menggunakan kaedah tertentu seperti kaedah statistik dan seumpamanya.<sup>13</sup> Penulis menggunakan kaedah ini bagi menjelaskan bilangan hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

### **0.9 Sistematika Penulisan**

Dalam penulisan disertasi ini, penulis menggunakan gaya bahasa yang ringkas, tepat dan sistematik. Secara keseluruhannya penulis menbahagikan kepada beberapa bab utama seperti berikut:-

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 6.

### 0.9.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis menyebut tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian seperti masalah kajian, objektif kajian, kerangka teori kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian, huraian istilah, ulasan penulisan (*review of literature*), metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan yang menjadi sumber umum kepada keseluruhan kajian disertasi ini.

### 0.9.2 Bab Satu

Di dalam bab ini, penulis membicarakan tentang pengajian ilmu al-Hadith sebagai suatu pengenalan. Yang mana di dalam bab ini merangkumi pengajian *'Ulum al-Hadith*, kedudukan al-Sunnah sebagai sumber kedua perundangan Islam, pengenalan dan kronologi perkembangan ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) dan kitab-kitab mengenai hadith hukum (*Hadith Ahkam*) seperti kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam*, *Taudih al-Ahkam Min Bulugh al-Maram*, Koleksi hadis-hadis hukum Hasbiey al-Siddiqi dan sebagainya.

### 0.9.3 Bab Dua

Di dalam bab ini, penulis memaparkan biografi kedua-dua tokoh yang dibincangkan iaitu Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani secara terperinci untuk memperkenalkan mereka kepada pembaca dengan lebih dekat lagi dan dapat menyelami kehidupan keilmuan kedua-dua tokoh tersebut sehingga berjaya menjadi salah seorang daripada tokoh yang agung dan

masyhur. Di samping itu, penulis membawakan hasil-hasil karya mereka yang meliputi pelbagai bidang ilmu.

#### 0.9.4 Bab Tiga

Di dalam bab ini, penulis memperkenalkan kepada pembaca serta menelusuri secara halus tentang pengenalan kedua-dua kitab tersebut iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

#### 0.9.5 Bab Empat

Di dalam bab ini, penulis akan membuat perbandingan mengenai metodologi penulisan dan penyusunan di antara kedua-dua kitab tersebut. Penulis membuat perbandingan dari sudut persamaan dan perbezaan serta keistimewaan dan kelemahan yang terdapat di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) tersebut.

#### 0.9.6 Bab Lima

Bahagian terakhir iaitu bahagian penutup atau kesimpulan. Di dalam bab ini, penulis akan menyatakan kesimpulan secara keseluruhan mengenai kajian disertasi ini dan seterusnya hasil daripada kesimpulan tersebut akan dibawakan saranan dan juga cadangan untuk perhatian semua pihak bagi memantapkan lagi kajian disertasi ini.

## **BAB 1**

### **Pengenalan dan Kronologi Perkembangan Ilmu Hadith Hukum (*HADITH AHKAM*)**

#### **1.1 Pengenalan**

Hadith merupakan sumber kedua terpenting di dalam perundangan Islam. Memahami kandungan hadith yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. adalah dituntut di dalam Islam kerana ia membantu masyarakat Islam melaksanakan tuntutan syariat di dalam kehidupan dengan lebih sempurna. Melihat kepada keperluan ini, para ‘ulama’

khususnya ‘ulama’ hadith meletakkan tuntutan dalam memahami hadith adalah suatu cabang dari ilmu pengajian hadith. Kedudukan ilmu tersebut sebagai sebahagian daripada ilmu pengajian hadith terbukti kepentingannya dengan kemunculan ramai daripada ‘ulama’ terdahulu yang menghasilkan kitab-kitab atau hasil-hasil karya di dalam bidang tersebut.

Di dalam bab 1 kajian disertasi ini, penulis cuba menjelaskan mengenai pengajian ‘*Ulum al-Hadith*, kedudukan al-Sunnah sebagai sumber kedua perundangan Islam serta pengenalan dan kronologi perkembangan ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang merangkumi kitab-kitab mengenai hadith hukum (*Hadith Ahkam*) dengan lebih terperinci lagi.

## 1.2 Pengajian ‘*Ulum al-Hadith*

Pengajian ‘*Ulum al-Hadith* merupakan suatu bidang yang penting. Dengan ilmu ini membolehkan seseorang itu memahami dan berpegang dengan sesuatu hadith serta mengetahui darjat atau hukum sesebuah hadith sama ada ia diterima atau ditolak. Perbincangan mengenai Pengajian ‘*Ulum al-Hadith* dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Iaitu:-

1.2.1 Hadith *Riwayah* (حديث رواية)

1.2.2 Hadith *Dirayah* (حديث دراية)



### 1.2.1 Hadith *Riwayah* (حديث رواية)

Ibn al-Afkani (m. 794H)<sup>14</sup> mendefinisikan ilmu hadith *Riwayah* (حديث رواية) sebagai ilmu yang meliputi pemindahan perkataan dan perbuatan nabi, periwayatan, pencatatan dan penghuraian lafaz-lafaznya.<sup>15</sup>

Namun demikian definisi yang dikemukakan oleh Ibn al-Afkani (m. 794H) merupakan definisi yang masyhur tetapi dianggap tidak menyeluruh kerana tidak menyebutkan *taqrir* dan sifat Nabi selain tidak mengambil kira skop hadith yang merangkumi apa yang dinisbahkan kepada sahabat dan tabi'in.<sup>16</sup>

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib pula memberikan pengertian ilmu hadith *Riwayah* (حديث رواية) sebagai ilmu yang membahas tentang pemindahan (periwayatan) segala sesuatu yang disandarkan kepada nabi s.a.w. berupa perkataan, perbuatan, *taqrir* (ketetapan atau pengakuan), sifat jasmaniah atau tingkah laku (akhlak) dengan cara yang teliti dan terperinci.<sup>17</sup>

Daripada definisi di atas, dapatlah difahami bahawa ilmu hadith *Riwayah* (حديث رواية) pada dasarnya membahaskan mengenai tata cara periwayatan, pemeliharaan dan penulisan atau pembukuan hadith nabi s.a.w. Objek kajian ilmu hadith *Riwayah* (حديث

---

<sup>14</sup> Beliau ialah Syams al-Din Muhammad bin Ibrahim bin Sa'id al-Ansari al-Afkani al-Sanjari (m. 794H).

<sup>15</sup> Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi (1961), *Qawa'id al-Tahdith Min Funun Wa Mustalah al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 75.

<sup>16</sup> Nur al-Din 'Itr (1992), *Manhaj al-Naqd Fi 'Ulum al-Hadith*, c. 3. Dimasyq: Dar al-Fikr, h. 30.

<sup>17</sup> Muhammad 'Ajjaj al-Khatib (1971), *Usul al-Hadith 'Ulumuh Wa Mustalah*, Beirut : Dar al-Fikr, h. 7.

(رواية) adalah hadith nabi s.a.w. dari segi periwayatan dan pemeliharaannya. Hal tersebut mencakupi :-

- a) Kaedah periwayatan hadith, baik dari segi cara penerimaan dan cara penyampaiannya dari seorang perawi kepada perawi yang lain.
- b) Kaedah pemeliharaan hadith iaitu dalam bentuk penghafalan, penulisan dan pembukuan hadith tersebut.

### 1.2.2 Hadith *Dirayah* (حديث دراية)

Pengertian Hadith *Dirayah* (حديث دراية) menurut majoriti 'ulama' hadith ialah:

- a) Ilmu yang memperkenalkan segala kaedah dan masalah yang mana dapat diketahui dengannya keadaan perawi, hal-hal yang mempunyai kaitan dengan *Sanad* (perawi) atau kecacatan hadith.
- b) Ilmu yang mengkaji tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan keadaan perawi dan apa yang diriwayatkan dari aspek penerimaan dan penolakan.
- c) Ilmu tentang kaedah-kaedah atau cara bagi menilai kesahihan atau kedaifan sesebuah hadith. Dalam konteks lain, ilmu Hadith *Dirayah* (حديث دراية) juga dikenali dengan:-


- a. *'Ulum al-Hadith*
- b. *Mustalah al-Hadith*
- c. *Usul al-Hadith*<sup>18</sup>

### 1.3 Kedudukan al-Sunnah Sebagai Sumber Kedua Perundangan Islam

Telah sepakat 'ulama' Islam, bahawa hadith (Sunnah) adalah dasar bagi hukum Islam. Umat Islam juga diwajibkan untuk mematuhi hadith (Sunnah) sebagaimana diwajibkan mematuhi al-Qur'an.

Banyak ayat al-Qur'an yang memberi pengertian secara tegas bahawa hadith itu suatu pokok atau dasar bagi *Syari'at* Islam, yang mana kita wajib mentaatinya sebagaimana kita mentaati al-Qur'an. Umat Islam tidak boleh membelakangi, meninggalkan atau menentang hukum al-Qur'an, hukum hadith atau hukum keduanya sekali sama ada dengan alasan atau pun tidak.

Hujah ini dapat dibuktikan dengan firman Allah s.w.t. iaitu:-


 وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

.Surah al-Imran (3): 132

Terjemahannya :

*“Dan taatilah Allah dan rasul, supaya kamu diberi rahmat”*.<sup>19</sup>

<sup>18</sup> Rosmawati Ali @ Mat Zin (1997), *Pengantar Ulum Hadis*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise, h. 6.

<sup>19</sup> Syeikh 'Abd Allah bin Muhammad Basmeih (2000), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an 30 Juzu*, c.16. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 125.

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي  
 الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ  
 الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا  
 وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

.Surah al-Hasyr (59): 7

Terjemahannya :

*“Apa saja harta rampasan yang diberikan Allah kepada RasulNya (dari harta benda) yang berasal dari penduduk kota-kota Maka adalah untuk Allah, untuk rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang Kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya”*.<sup>20</sup>

Jelaslah, bahawa taat kepada hukum Rasulullah s.a.w. adalah wajib. Sama dengan kewajipan taat kepada Allah s.w.t. Menyalahinya adalah satu maksiat yang membawa kepada kesesatan dan terpesong daripada jalan hidup yang betul.

Sebagaimana yang diketahui, al-Qur’an sememangnya mempunyai ciri-ciri tertentu serta keistimewaan mutlak, namun ia tidak dapat dipisahkan daripada al-Sunnah. Hal ini kerana apa sahaja yang datang daripada Rasulullah s.a.w. memang

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 1225.

mempunyai hubungan dengan al-Qur'an, baik secara langsung atau tidak langsung. Sebagai contoh, al-Sunnah bertindak sebagai penyokong *nas* al-Qur'an, menghuraikan *nas mujmal*, mentakhsiskan *nas* umum, menasakhkan *nas*, membataskan *nas* mutlak serta menambahkan hukum yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an. Keadaan ini dapat difahami melalui *nas* al-Qur'an tersebut. Antaranya firman Allah s.w.t. yang berbunyi:-

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ  
وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

.Surah al-Nahl (16): 44

Terjemahannya :

*“Dan kami turunkan kepadamu Al Qur'an, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan”*.<sup>21</sup>

Justeru itu, kita mestilah mengetahui peranan al-Sunnah terhadap al-Qur'an<sup>22</sup>. Di antara peranan tersebut ialah:-

- (1) Al-Sunnah mentafsirkan atau menjelaskan maksud al-Qur'an yang *mujmal*.
- (2) Al-Sunnah mentafsir dan menjelaskan *nas* umum. Antara contohnya ayat al-Qur'an yang diturunkan berkaitan dengan suruhan atau kewajipan sembahyang. Sebagaimana dengan firman Allah s.w.t. :-

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُوتًا ﴿١١٣﴾

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 521.

<sup>22</sup> Rosmawati Ali @ Mat Zin (1997), *op. cit.*, h. 53.

Terjemahannya :

*“Sesungguhnya sembahyang itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman”.*<sup>23</sup>

*Nas* tersebut dalam bentuk *mujmal*, dimana tidak diterangkan cara, bentuk, syarat dan masanya yang khusus. Oleh itu di dalam hadith, Rasulullah s.a.w menunjukkan teori dan pratikal sembahyang tersebut. Sebagaimana Sabda Nabi Muhammad s.a.w kepada seorang lelaki yang tidak tahu mengerjakan sembahyang dengan cara yang betul.

إذا قمت إلى الصلاة فكبر ثم اقرأ ما تيسر معك من القرآن ثم اركع

حتى تطمئن راركعاً ثم ارفع حتى تعتدل قائماً ثم اسجد حتى تطمئن

• ساجداً ثم اجلس حتى تطمئن جالساً ثم افعل ذلك في صلاتك كلها.

Hadith riwayat Abu Daud

Maksudnya :

*“Apabila engkau berdiri betul, maka takbirlah, kemudian bacalah mana-mana ayat yang mudah bagi kamu, kemudian ruku’lah hingga tetap, kemudian angkat kepala hingga berdiri betul, kemudian engkau sujud hingga tetap, kemudian engkau duduk hingga tetap. Demikianlah seterusnya engkau lakukan dalam semua ibadah sembahyang engkau”.*

---

<sup>23</sup> Syeikh ‘Abd Allah bin Muhammad Basmeih (2000), *op.cit.*, h. 175.

- (3) Al-Sunnah mentafsir dan menjelaskan ayat yang kesamaran. Di dalam al-Qur'an terdapat ayat yang kesamaran tentang maksud sebenarnya serta sukar difahami oleh pemikiran manusia. Walaupun ayat tersebut mempunyai makna zahir, tetapi makna sebenar yang dikehendaki ialah sebaliknya. Antara contohnya firman Allah s.w.t. :-

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ  
الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۗ

.Surah al-Baqarah (2): 187

Terjemahannya :

*“Dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, Iaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sampai (datang) malam”.*<sup>24</sup>

Maksud ‘Benang Putih’ dan ‘Benang Hitam’ di dalam ayat tersebut adalah samar-samar. Manusia sukar untuk memahaminya. Rasulullah s.a.w telah menjelaskan yang dimaksudkan dengan ‘Benang Putih’ ialah siang. Manakala ‘Benang Hitam’ bermaksud malam.<sup>25</sup>

- (4) Al-Sunnah mengkhusus *nas* yang umum. Dimana di dalam al-Qur'an terdapat *nas* yang disebut secara umum, maka al-Sunnahlah yang mengkhususkan keumuman *nas* tersebut. Maksud sebenar yang dikehendaki oleh al-Qur'an bukanlah keumuman ayat itu, tetapi hukum yang telah

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 58.

<sup>25</sup> Rosmawati Ali @ Mat Zin (1997), *op. cit.*, h. 56.

dikhususkan oleh al-Sunnah. Antara contohnya sebagaimana firman Allah s.w.t. yang berkaitan dengan wasiat:-

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ

Terjemahannya :

“Allah mensyari’atkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu”.<sup>26</sup>

Hukum ayat di atas adalah berbentuk umum, ia tidak menjelaskan siapakah yang berhak mewarisi harta pusaka. Maka al-Sunnah lah yang mengkhususkannya.<sup>27</sup> Antara pengkhususan tersebut ialah:-

a. al-Sunnah menjelaskan bahawa anak-anak Nabi tidak berhak mewarisi harta pusaka. Ini dapat dibuktikan dengan Sabda Nabi Muhammad s.a.w daripada Jubair Ibn Mu’tim yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

انا معاشر الأنبياء لا نورث

Maksudnya :

“Kami para Nabi tidak dipusakai”.

(5) Al-Sunnah membataskan dan memuqayyadkan yang mutlak. Ia bermaksud di mana *nas* dan ayat yang bersifat mutlak diterangkan oleh al-Sunnah dengan terperinci dan *Qayyid*. Contohnya firman Allah s.w.t. :-

<sup>26</sup> Syeikh <sup>27</sup> Rosmaw



.Surah al-Ma'idah (5): 38

Terjemahannya :

*“Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.*<sup>28</sup>

Ayat di atas adalah mutlak, di mana tidak diterangkan secara terperinci sempadan yang patut dipotong apabila sabit kesalahan dan tidak dibataskan jumlah barang curian yang boleh menyebabkan tangan mereka dipotong.<sup>29</sup> Dengan ini, al-Sunnah membataskan kadar barang yang dicuri sebagaimana Sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:-

لا تقطع يد السارق الا في ربع دينار فصاعدا

Maksudnya :

*“Tidak dipotong tangan seseorang pencuri melainkan apabila ia mencuri barangan yang bernilai ¼ dinar atau lebih”.*

- (6) Al-Sunnah membawa hukum baru atau juga menerangkan tentang hukum yang tiada di dalam al-Qur'an. Sebagai contoh, pengharaman menghimpunkan isteri dengan emak saudara serentak. Iaitu sebagai isteri

<sup>28</sup> Syeikh 'Abd Allah bin Muhammad Basmeih (2000), *op.cit.*, h. 207.

<sup>29</sup> Rosmawati Ali @ Mat Zin (1997), *op. cit.*, h. 58.

pertama dan juga isteri kedua. Apa yang dijelaskan di dalam al-Qur'an ialah hanya tidak boleh menghimpunkan dua orang adik beradik sahaja di dalam satu masa sebagai isteri pertama dan juga isteri kedua. Maka al-Sunnah menjelaskan pengharaman menghimpunkan isteri dengan emak saudara serentak.<sup>30</sup> Sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:-

لا يجمع بين المرأة وعمتها ولا بين المرأة وخالتها

Maksudnya :

*“Jangan kamu himpunkan antara isteri dengan emak saudaranya, sebelah ibu atau bapa”.*

- (7) Al-Sunnah menyokong dan menguatkan hukum yang didatangkan oleh al-Qur'an. Walaupun al-Qur'an itu diturunkan di dalam bahasa yang mudah difahami dan mudah dibaca. Namun ia tetap memerlukan al-Sunnah untuk menguatkannya. Sebagai contoh, di dalam al-Qur'an terdapat ayat yang menyuruh umat Islam mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat. Antaranya ialah firman Allah s.w.t. iaitu:-

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

.Surah al-Baqarah (2): 83

Terjemahannya :

---

<sup>30</sup> *Ibid.*

“Dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat”.<sup>31</sup>

Ayat di atas telah disokong oleh al-Sunnah sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim:-

بني الاسلام على خمس , شهادة أن لا اله الا الله وأن محمدا عبده

ورسوله واقام الصلاة وايتاء الزكاة وحج البيت وصوم رمضان

Maksudnya :

“Islam diasaskan atas lima rukun: mengakui bahawa tiada tuhan lain yang layak disembah melainkan Allah s.w.t., Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pesuruh Allah s.w.t., mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan”.

- (8) Al-Sunnah sebagai sumber untuk mengetahui *Nasakh* dan *Mansukh*. Di mana untuk mengetahui dan untuk menentukan *Nasakh* dan *Mansukh* daripada *nas* al-Qur’an bukan perkara mudah. Oleh itu al-Sunnah memainkan peranan penting serta sebagai dalil untuk mensabitkannya.<sup>32</sup>

Sebagai kesimpulannya, Rasulullah s.a.w. diberi amanah dan tugas sebagai penggubal al-Qur’an, iaitu di dalam perkara dan permasalahan tertentu yang tiada *nas* di

---

<sup>31</sup> Syeikh ‘Abd Allah bin Muhammad Basmeih (2000), *op. ci.*, h. 26.

<sup>32</sup> Rosmawati Ali @ Mat Zin (1997), *op.cit.*, h. 61.

dalam al-Qur'an. Dalam konteks lain juga, al-Sunnah dan Rasulullah s.a.w. diberi tugas untuk menyampaikan *Syari'at*, mentafsir, menjelas, serta membawa atau menambah pengajaran yang tiada di dalam al- Qur'an. Jadi jelaslah di sini, kedudukan al-Sunnah sebagai sumber kedua perundangan Islam.

#### **1.4 Pengenalan Dan Kronologi Perkembangan Ilmu Hadith Hukum (*Hadith Ahkam*)**

Mengikut kajian penulisan, sebenarnya pada masa dahulu lagi ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) telah muncul iaitu di zaman awal pembukuan kitab-kitab hadith. Tetapi kemunculan kitab-kitab hadith itu tidak terperinci kepada ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang sebenar-benarnya. Pada abad ke 7 hijrah, barulah muncul kitab al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam karangan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut kemunculan dan perkembangan ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*), kita perlulah mengetahui kitab-kitab mengenai hadith hukum (*Hadith Ahkam*) itu sendiri.

##### **1.4.1 Kitab-kitab Mengenai Hadith Hukum (*Hadith Ahkam*)**

Ramai 'ulama' yang terdahulu dan yang terkini menghasilkan kitab-kitab mengenai hadith hukum (*Hadith Ahkam*) di dalam penulisan mereka. Karya-karya yang dihasilkan mengikut keperluan zaman bagi masyarakat Islam. Antara karya-karya utama yang terkenal di dalam bidang ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ialah:-

1.4.1.1 Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*.<sup>33</sup>

Kitab *al-Muntaqa' Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah sebuah kitab utama karangan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah. Untuk keterangan lanjut sila lihat bab tiga di dalam kajian disertasi ini. Penulis telah menghuraikan dengan lebih lanjut di dalam pengenalan kitab *al-Muntaqa' Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*.

1.4.1.2 Kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*.<sup>34</sup>

Kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* merupakan kitab *Syarh* bagi kitab *al-Muntaqa' Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*. Kitab ini dikarang oleh Syaikh al-Imam al-Mujtahid al-'Alamah al-Rabani Qadi Qadah al-Qatru al-Yamani Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani. Beliau meninggal dunia pada tahun 1255 hijrah. Untuk keterangan lanjut sila lihat bab tiga di dalam kajian disertasi ini. Penulis telah menghuraikan dengan lebih lanjut di dalam bab Kitab *Syarh* Bagi Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*.

1.4.1.3 Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*, j. 1, c. 2. Dar al-Fikr.

<sup>34</sup> Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, j. 1, c. 2. t. tmpt : Dar al-Fikr, h. ج-ب.

<sup>35</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1998), *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Riyad: Dar al-Samai'i. h. 8

Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* adalah sebuah kitab utama karangan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani. Untuk keterangan lanjut sila lihat bab tiga di dalam kajian disertasi ini. Penulis telah menghuraikan dengan lebih lanjut di dalam pengenalan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

#### 1.4.1.4 Kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam*<sup>36</sup>

Kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam* dikarang oleh al-Imam Muhammad bin Isma’il al-Amir al-Yamani al-San’ani. Beliau meninggal dunia pada tahun 1182 hijrah. Kitab ini telah ditulis pada kurun ke 9 hijrah. Kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam* merupakan kitab *Syarh* bagi kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Untuk keterangan lanjut sila lihat bab tiga di dalam kajian disertasi ini. Penulis telah menghuraikan dengan lebih lanjut di dalam bab Kitab *Syarh* Bagi kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

#### 1.4.1.5 Kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh ‘Umdah al-Ahkam*<sup>37</sup>

Kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh ‘Umdah al-Ahkam* dikarang oleh Syeikh ‘Imad al-Din al-Qadi bin al-Athir al-Halabi. Hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab ini kesemuanya merupakan hadith-hadith hukum. Kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh ‘Umdah al-Ahkam* ini mempunyai 4 *juzu*’ yang mana *juzu*’ pertama mempunyai

<sup>36</sup> Muhammad bin Isma’il al-Amir al-Yamani al-San’ani (t.t.), *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam*, j. 1. al-Azhar: Maktabah ‘Atif.

<sup>37</sup> Syeikh ‘Imad al-Din al-Qadi bin al-Athir al-Halabi (t.t.), *Ihkam al-Ahkam Syarh ‘Umdah al-Ahkam*, juz. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

148 hadith, *juzu*' kedua mempunyai 157 hadith, *juzu*' ketiga mempunyai 103 hadith, dan *juzu*' keempat mempunyai 128 hadith. Kesemua hadith yang terdapat di dalam kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam* berjumlah 536 buah hadith.

Kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam* ini dimulai dengan Kitab

كتاب الطهارة وتعريفها لغة وشرعا وبيان الحكمة في ترتيب الكتب : وتخرىج الحديث الأول

كتاب الجهاد مشروعيته ... بيان ) وهو ( انما الأعمال بالنيات

ان من اعظم اسباب تفوق الأمة وحفظ كيانها وضمان مستقبلها الجهاد

Di dalam kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam* ini, pengarang mensyarahkan hadith-hadith hukum tersebut dengan cara menerangkan secara terperinci *sanad* dan *matan* hadith tersebut, hukum-hukum hadith dan diterangkan atau dibawa juga keterangan atau pendapat *madhab-madhab* 'ulama' *Fiqh*.

Pengarang kitab *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam* ini telah menghimpunkan hadith-hadith hukum di dalam sebuah buku dengan berpandukan kepada kitab-kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang terkenal seperti *Sohih Bukhari*, *Sohih Muslim*, *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar*, *Bulugh al-Maram* dan sebagainya.

#### 1.4.1.6 Kitab Koleksi Hadis-hadis Hukum<sup>38</sup>

<sup>38</sup> Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy (2001), *Koleksi Hadis-hadis Hukum*, c. 3. Jakarta: PT. Pustaka Rizki Putra.

Kitab Koleksi Hadis-hadis Hukum dikarang oleh Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy. Beliau menghimpunkan hadith-hadith hukum di dalam sebuah buku dengan berpandukan kepada kitab-kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang terkenal seperti:

- (a) Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* karangan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah.
- (b) Kitab *Bulugh al-Maram* karangan al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani.
- (c) Kitab *al-Muharrar* yang disusun oleh al-'Alamah Ibn Qadamah al-Maqdisy

Di dalam kitab Koleksi Hadis-hadis Hukum ini, beliau telah terjemahkan hadith tersebut dan beliau berikan keterangan-keterangan yang diperlukan untuk lebih memahami hadith-hadith tersebut. Kitab ini menghimpunkan hadith-hadith hukum dan pendapat-pendapat ahli *Fiqh*.

#### 1.4.1.7 Kitab *Tawdih al-Ahkam Min Bulugh al-Maram*

Kitab *Tawdih al-Ahkam Min Bulugh al-Maram* dikarang oleh al-Imam 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman al-Bassam. Kitab ini dikarang pada tahun 1423 hijrah bersamaan 2003 Masihi dan mempunyai 7 jilid atau *juzu*'. Kitab ini dimulai dengan Kitab al-Taharah (كتاب الطهارة) di akhiri dengan Kitab al-Jami' (الجامع) di bawahnya terdapat *bab-bab* barulah didatangkan hadith-hadith.



Penulis kitab ini telah menerangkan mengenai Ilmu *Mustalah Hadith, Usul al-Fiqh, Qawa'id Fiqhiyyah* dan *Maqasid al-Syar'iyyah* dengan lebih terperinci seperti membahaskan ilmu-ilmu tersebut dari sudut makna dan *ta'rif*, bahagian-bahagian yang terkandung di dalam setiap ilmu tersebut, faedah mempelajari dan sebagainya.

Penulis juga ada membincangkan mengenai biodata atau latar belakang Imam Ibn Hajar al-'Asqalani dan kitab karangan beliau iaitu kitab *Bulugh al-Maram*. Di dalam penulisan kitab ini juga ada diterangkan mengenai *Muqaddimah* Imam Ibn Hajar al-'Asqalani di dalam kitab *Bulugh al-Maram*.

Kesemua hadith-hadith yang diambil di dalam kitab ini merupakan hadith-hadith daripada kitab *Bulugh al-Maram* karangan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani tetapi setiap hadith tersebut diterangkan secara terperinci lagi. Contohnya كتاب الطهارة باب المياه.

Di dalam kitab ini diterangkan pengertian Taharah dari sudut bahasa dan *syara'*, (*Maratib al-Taharah*) مراتب الطهارة dan perbezaan pendapat para 'ulama' di dalam membincangkan mengenai bab tersebut.<sup>39</sup>

---

<sup>39</sup> 'Abd. Allah bin 'Abd al-Rahman al-Bassam (2003) *Tawdih al-Ahkam Min Bulugh al-Maram*, j. 7, c. 5. Makkah: Maktabah al-Asadi, h. 113.

Hadith-hadith di dalam kitab ini juga diterangkan secara terperinci dari sudut darjat hadith, pengertian *matan* hadith tersebut, apa yang diambil daripada hadith dan perbezaan pendapat-pendapat ‘ulama’.<sup>40</sup>

## **1.5 Kesimpulan**

Melalui penelitian terhadap sejarah kemunculan karya-karya di dalam ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*), dapat dijelaskan kepentingan ilmu tersebut di dalam pengajian ilmu hadith. Penghasilan hasil karya sepanjang zaman membuktikan usaha para ‘ulama’ di dalam menghasilkan karya yang lebih baik di dalam bidang ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Ia juga sekaligus memelihara kedudukan hadith Rasulullah s.a.w. sebagai sumber kedua di dalam perundangan Islam. Hasil usaha para ilmuan Islam khususnya ahli hadith perlu diketengahkan lagi bagi memelihara karya-karya yang dihasilkan agar tidak diabaikan dan dilupakan oleh generasi yang akan datang.

## **BAB 2**

### **BIOGRAFI IMAM MAJD AL-DIN ‘ABD AL-SALAM IBN TAYMIYYAH DAN IMAM IBN HAJAR AL-‘ASQALANI**

Di dalam bab 2 kajian disertasi ini, penulis akan menumpukan terhadap biografi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani bagi meneliti proses pendidikan dan persekitaran yang telah menjadikan mereka sebagai seorang tokoh ‘ulama’ yang terkenal di zaman mereka.

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 115.

## 2.1 Biografi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

### 2.1.1 Nama Dan Keturunan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

Nama penuh beliau ialah Majd al-Din bin Taymiyyah Syeikh al-Islam Abu al-Barakah ‘Abd al-Salam bin ‘Abd Allah bin Abi al-Qasim al-Khidr bin Muhammad bin ‘Ali bin Taymiyyah al-Harani.<sup>41</sup>

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah merupakan salah seorang tokoh yang paling terkenal dari kalangan keluarga Taymiyyah. Beliau juga merupakan seorang ‘ulama’ yang terbesar dan terbilang daripada imam-imam *Fiqh* al-Hanbali.<sup>42</sup>

*Nasab* dan keturunan beliau ialah al-Harrani. Iaitu merupakan salah sebuah negeri yang terletak di negeri Syam. Manakala *laqab* keturunan beliau pula ialah Taymiyyah.

Para ‘ulama’ berselisih pendapat mengenai gelaran beliau iaitu Taymiyyah. Ada di antara mereka yang berpendapat, salah seorang daripada datuk beliau sedang menunaikan ibadah haji dan berjalan di sebuah jalan yang bernama Tayma’, lalu beliau terlihat seorang budak perempuan. Apabila beliau balik daripada menunaikan ibadah

---

<sup>41</sup> Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.) *Syadhrah al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, j. 5. al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 257. Lihat juga: al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (1976) *Tabaqat al-Mufassirin*, c. 1. al-Fajalah: Matba’ah al-Hadarah al-‘Arabiyyah, h. 100, Muhammad Hamid al-Fiqh (1953) *Kitab al-Dhil ‘Ala Taqat al-Hanabalah Li Ibn Rajab*, j. 2. Kaherah: Matba’ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, h. 249, al-Imam Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1990) *Siyar A’lam al-Nubala’*, j. 23, c. 7. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, h. 292, Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963) *al-Qamus al-Islami*, j. 1. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 528, ‘Umar Reda Kahalah (t.t.), *Mu’jam al-Mu’allifin Tarajim Musannifin al-Kutub al-‘Arabiyyah*, j. 5. Beirut: Dar Ahya’ al-Turath al-‘Arabi, h. 227, Abu al-Fada’ al-Hafiz Ibn Kathir (1966) *al-Bidayah wa al-Nihayah*, j. 13, c. 1. Beirut: Maktabah al-Ma’arif, h. 185., Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata (1997) *al-Suluk Li Ma’rifah Duwal al-Muluk*, j. 1, c. 1. Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 486, Isma’il Basya bin Muhammad Amin bin Mirsalim (1982) *Idah al-Maknun Fi al-Dhil ‘Ala Kasyf al-Zunun ‘An Asma al-Kutub wa al-Funun*, j. 4. T. tmpt: Dar al-Fikr, h. 570, Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (t.t.), *al-Musawwadah Fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Matba’ah al-Madani, Syeikh al-Imam Majd al-Din Abi Barakah (t.t.), *al-Muharrar Fi al-Fiqh ‘Ala Madhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, h. 11. Dan Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Nayl al-Autar Syarah Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, j. 1, c. 2. T. tmpt: Dar al-Fikr, h. ٤.

<sup>42</sup> Muhammad Abu Zuhrah (t.t.) *Ibn Taymiyyah Hayatuh wa ‘Asruh Ara’uh wa Fiqhuh*. T. tmpt: Dar al-Fikr al-‘Arabi, h. 19.

haji tersebut isteri beliau telah bersalin dan melahirkan seorang anak perempuan. Anak perempuan tersebut telah diberi nama dan dipanggil dengan nama “*Ya Taymiyyah*”. Iaitu menyerupai anak perempuan yang beliau terlihat semasa di Tayma’.

Menurut pendapat ‘ulama’ yang lain pula, ibu datuk beliau bernama Taymiyyah dan digelar dengan gelaran Taymiyyah sebagai untuk mengingati nama ibu datuk beliau.<sup>43</sup>

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah banyak menguasai pelbagai bidang ilmu. Di antaranya ialah beliau terkenal dan pakar sebagai ‘ulama’ *Fiqh*, ‘ulama’ *Usul Fiqh*, ‘ulama’ Tafsir, ‘ulama’ Hadith, ‘ulama’ Tatabahasa Arab, seorang Hafiz dan seorang Qari.<sup>44</sup>

Jelaslah di sini, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah mempunyai kecerdasan yang luar biasa, teguh pegangan agama dan mempunyai nama yang harum dalam pelbagai bidang keilmuan.

## 2.1.2 Kelahiran Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

Menurut kebanyakan pendapat ‘ulama’, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dilahirkan di Bandar Harran pada tahun 590<sup>45</sup> hijrah bersamaan 1193

<sup>43</sup> Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *op. cit.*, h. 2.

<sup>44</sup> ‘Umar Reda Kahalah (t. t.), *Mu’jam al-Mu’allifin Tarajim Musannifin al-Kutub al-‘Arabiyyah*, j. 5. Beirut: Dar ahya’ al-Turath al-‘Arabi, h. 227. Dan lihat juga; Muhammad Hamid al-Fiqh (1953) *Kitab al-Dhil ‘Ala Tabaqat al-Hanabalah li Ibn Rajab*, j. 2. Kaherah: Matba’ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, h. 249. Dan Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.) *Syadhrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, j. 5. al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 257.

<sup>45</sup> Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963) *al-Qamus al-Islami*, j. 1. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 528, Dan lihat juga, ‘Umar Reda Kahalah (t.t.), *Ibid.*, Muhammad Hamid al-Fiqh (1953) *Ibid.*, Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t. t.), *Ibid.*, al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (1976) *Tabaqat al-Mufassirin*, c. 1. al-Fajalah: Matba’ah al-Hadarah al-‘Arabiyyah, h. 100, al-Imam Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1990) *Siyar A’lam al-Nubala’*, j. 23, c. 7. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 292, Abu al-Fada’ al-Hafiz Ibn Kathir (1966) *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, j. 13, c. 1 Beirut: Maktabah al-Ma’arif, h. 185, Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (t. t.), *al-Musawwadah Fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Matba’ah al-Madani, Syeikh al-Imam Majd al-Din Abi Barakah (t.t.), *al-Muharrar Fi al-Fiqh ‘Ala Madhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, h. 11. Dan Muhammad Bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Nayl al-Autar Syarah Muntaqa*

masihi.<sup>46</sup> Tetapi fakta ini tidak pula menyebut bilakah tarikh, hari dan masa sebenar kelahiran beliau.

### 2.1.3 Tempat Kelahiran Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

Mengikut al-Syawkani di dalam kitab *Nayl al-Autar*, negeri Harran merupakan salah sebuah daripada negeri Syam.<sup>47</sup>

Harran tempat kelahiran Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah mengikut sesetengah ahli sejarah merupakan sebuah bandar tua tempat kelahiran Nabi Ibrahim.<sup>48</sup> Di namakan dengan Harran kerana bersempena atau dinisbahkan kepada Harran iaitu saudara kepada Nabi Ibrahim yang merupakan individu yang mula-mula mengasaskan bandar Harran tersebut.<sup>49</sup>

Bagi sesetengah ahli sejarah pula mengatakan, bandar Harran ini bukan tempat kelahiran Nabi Ibrahim. Tetapi tempat tinggal Nabi Ibrahim untuk beberapa ketika. Mengikut pendapat sesetengah ahli sejarah ini seluruh penduduk dunia pada ketika itu semuanya dalam keadaan kafir kecuali Nabi Ibrahim, isterinya dan Nabi Lut. Manakala penduduk Harran sendiri adalah terdiri daripada individu-individu yang menyembah berhala dan bintang.<sup>50</sup>

---

*al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, j. 1, c. 2. T. tmpt: Dar al-Fikr, h. 2

<sup>46</sup> Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963), *Ibid*. Dan lihat juga; ‘Umar Reda Kahalah (t.t.), *Ibid*.

<sup>47</sup> Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *op. cit*.

<sup>48</sup> Syahab al-Din Abi ‘Abdullah Yaqt bin ‘Abdullah al-Hamawi (1965) *Mu’jam al-Buldan*, j. 2. Tahrn: Maktabah al-Asad, h. 331.

<sup>49</sup> *Ibid*.

<sup>50</sup> Abu al-Fada’ al-Hafiz Ibn Kathir (1966) *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, j. 1, c. 1. Beirut: Maktabah al-Ma’arif, h. 140.

Bandar Harran telah dibuka pada masa pemerintahan khalifah ‘Umar bin al-Khattab (m. 23 H/644 M.)<sup>51</sup> oleh Iyad bin Ghanam.<sup>52</sup>

Di bandar Harran inilah lahir beberapa ilmuan atau ‘ulama’-‘ulama’ seperti Abu al-Hassan ‘Ali bin Allan bin ‘Abd al-Rahman al-Harrani al-Hafiz, Abu Urubah al-Hasan bin Muhamad bin Abi Mashar al-Harrani al-Hafiz, Hilal bin al-Muhsin dan Abu Ja’far al-Hazin.

Bandar Harran sekarang termasuk di dalam wilayah Turki. Bandar Harran ini terletak kira-kira sejauh 40 kilometer dari sempadan di antara Turki dan Syria (Syam) iaitu di sebelah Tal-Abyad.<sup>53</sup>

Menurut kitab *Mu’jam al-Buldan* karangan Syeikh al-Imam Syihab al-Din Abi ‘Abd Allah Yaqut bin ‘Abd Allah al-Hamawi al-Rawi al-Baghdadi, Harran (حران) dengan huruf ‘ra’ yang bersabdu diakhiri dengan huruf ‘nun’. Perkataan Harran (حران) boleh juga di atas *wazan* " فعالا " lalu disebut " حرن " daripada kalimah asal " حرن " iaitu yang bermaksud apabila kuda tersebut tidak mahu bergerak. Atau di atas *wazan* " فعلان " maka akan menjadi " حران " daripada perkataan asal " الحر " iaitu kepanasan.

---

<sup>51</sup> Khair al-Din al-Zarkali (1969) *al-‘Alam*, j. 5. Beirut: t. p, h. 203 – 204.

<sup>52</sup> *Ibid.*, j. 5, h. 282.

<sup>53</sup> Puteh Ishak (1993), *Ibn Taimiyah Sejarah Hidup Dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 7.

Menurut Batlimus, panjang Harran ialah 73 darjah dan 30 minit. Manakala lebarnya pula 27 darjah 30 minit. Tempat ini (Harran) beriklim empat musim.

Telah berkata Abu ‘Aun dalam kitabnya *al-Zij*, panjang Harran ialah 77 darjah dan lebarnya 37 darjah. Tempat ini merupakan sebuah bandar yang sangat besar dan masyhur. Ia terletak di kepulauan Aqwar ( أقور ) dan ianya adalah sebahagian penempatan kaum Mudor ( مضر ). Di antara Harran dengan al-Roha ( الرها ) sehari perjalanan dan di antara Harran dengan al-Riqqah ( الرقة ) selama dua hari perjalanan. Ianya juga terletak di dalam perjalanan ke Musil, Syam dan juga Rom.

Pendapat lain mengatakan di namakan Harran sempena nama saudara Nabi Ibrahim. Ini kerana beliau ialah yang mula-mula membinanya kemudian kalimah tersebut telah diadaptasikan di dalam bahasa Arab menjadi “Harran”. Ada juga pendapat lain mengatakan ianya merupakan bandar yang pertama dibina di atas muka bumi selepas taufan melanda suatu ketika dahulu. Di dalam kitab *al-Milal Wa al-Nihal*, penduduk di Harran terdiri daripada kaum al-Sobiah.

Menurut Sudaif bin Maimun:-

*“Aku sangkakan diriku kental akan tetapi kubur di Harran telah menjadikan aku lemah. Disinilah tempatnya agama dijunjung”.*

Yang dimaksudkan oleh beliau ialah kubur Ibrahim Ibn al-Imam Muhammad bin ‘Ali bin ‘Abd Allah bin ‘Abas yang telah dikurung oleh Marwan bin Muhammad di

Harran sehinggalah beliau meninggal dunia setelah dua bulan diserang penyakit taun. Ada pendapat lain mengatakan beliau telah dibunuh iaitu pada tahun 232 hijrah.

Harran juga merupakan sebuah kampung di Halab. Harran al-Kubra dan Harran al-Sughra adalah dua buah kampung yang terletak di Bahrin. Iaitu penempatan Bani ‘Amir bin al-Harith bin Anmar bin ‘Amru bin Wadi’ah bin Lakiz bin Afso bin ‘Abd al-Qais. Harran juga merupakan sebuah kampung di Ghutah Damsyiq.<sup>54</sup>

#### **2.1.4 Latar Belakang Keluarga Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah**

Ibn Taymiyyah adalah gelaran kepada sebuah keluarga yang sangat terkenal dari kalangan ahli-ahli *Fiqh* di dalam Madhab Imam Ahmad Ibn al-Hanbal. Di dalam tajuk ini akan dibincangkan sebahagian daripada ahli-ahli keluarga Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah yang sangat terkenal sebagai tokoh-tokoh ilmuan Islam. Di antara ahli-ahli keluarga beliau yang akan dibincangkan di bawah tajuk ini ialah;

2.1.4.1 Fakhr al-Din bin Taymiyyah

2.1.4.2 Syihab al-Din bin Taymiyyah

2.1.4.3 Taqiy al-Din bin Taymiyyah

2.1.4.1 Fakhr al-Din bin Taymiyyah

---

<sup>54</sup> Syeikh al-Imam Syihab al-Din ‘Abd Allah Yaqut bin ‘Abd Allah al-Hamawi al-Rawi al-Baghdadi (1956), *Mu’jam al-Buldan*, j. 2. Beirut: t. p., h. 235-236.



Imam Fakhr al-Din bin Taymiyyah merupakan bapa saudara dan ayah mertua kepada Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah.

Nama sebenar beliau ialah Abu ‘Abd Allah Muhammad bin al-Khidr bin Muhammad Ibn al-Khidr. Beliau dilahirkan di Harran pada tahun 543 Hijrah bersamaan dengan 1148 Masihi.

Beliau merupakan seorang tokoh ilmuan yang sangat terkenal pada zaman beliau. Beliau banyak mengarang kitab-kitab dalam bidang *Fiqh*. Antara kitab-kitab hasil karya beliau ialah *Takhlis al-Mutallib Fi Talkhis al-Madhab* dan *Diwan al-Khatab al-Jum’iyyah*.

Beliau meninggal dunia di Musqit pada awal tahun 622 hijrah bersamaan dengan 1225 Masihi.<sup>55</sup>

#### 2.1.4.2 Syihab al-Din bin Taymiyyah

Syihab al-Din bin Taymiyyah merupakan anak kepada Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah.

Nama sebenar beliau ialah Abu Ahmad ‘Abd al-Halim bin ‘Abd al-Salam.<sup>56</sup> Beliau lahir di Harran pada tahun 627 Hijrah bersamaan dengan 1229 Masihi.

Beliau menuntut ilmu dengan bapanya sendiri iaitu Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah. Beliau juga terkenal dan bersungguh-sungguh di dalam *Fiqh* Madhab al-Hanbali.

---

<sup>55</sup> Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963) *al-Qamus al-Islami*, j.1. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 528.

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 529. Dan lihat juga; Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (t.t.), *al-Musawwadah Fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Matba’ah al-Madani.

Beliau sentiasa memberi pengajian dan khutbah kepada masyarakat sekeliling di tempat beliau. Beliau pernah berpindah ke Damsyiq. Pada masa beliau berada di Damsyiq, beliau telah menjadi pengetua kepada Dar al-Hadith al-Sukriyyah. Iaitu sebuah tempat yang merupakan salah sebuah madrasah Madhab Hanbali.

Beliau meninggal dunia pada tahun 681 Hijrah bersamaan dengan 1282 Masihi.<sup>57</sup>

#### 2.1.4.3 Taqiy al-Din bin Taymiyyah

Taqiy al-Din bin Taymiyyah merupakan anak kepada Syihab al-Din bin Taymiyyah dan cucu kepada Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah.

Nama sebenar beliau ialah Imam dan syeikh al-Islam Taqiy al-Din ‘Abu al-‘Abas Ahmad bin ‘Abd al-Halim bin ‘Abd al-Salam.<sup>58</sup> Manakala menurut al-Imam Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi di dalam kitabnya yang bernama *Tadkirah al-Hufaz* nama sebenar beliau ialah Taqiy al-Din Abu al-‘Abas Ahmad Ibn al-Mufti Syihab al-Din ‘Abd al-Halim Ibn al-Imam al-Mujtahid Syeikh al-Islam Majd al-Din ‘Abd al-Salam bin ‘Abd Allah bin Abi al-Qasim al-Harani.<sup>59</sup>

Beliau berasal daripada keluarga yang cintakan ilmu pengetahuan. Kealiman dan keilmuan beliau adalah hasil daripada galakan dan bimbingan daripada datuk dan ayah beliau. Ini kerana datuk dan ayah beliau menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Contohnya datuk beliau yang bernama ‘Abd al-Salam terkenal sebagai ahli *Fiqh, Usul,*

---

<sup>57</sup> Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963), *Ibid*.

<sup>58</sup> *Ibid*. Dan lihat juga Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (t.t.), *op.cit*. Dan al-Imam al-Hafiz al-Syeikh Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakar al-Suyuti (t.t.), *Tabaqat al-Huffaz*, c. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 520.

<sup>59</sup> Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1998), *Kitab Tadkhkirah al-Hufaz*, j. 3, c. 1. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 192.

*Tafsir, Hadith, Bahasa, Qari* dan juga terkenal sebagai *Hafiz*. Oleh sebab itu, kebolehan tersebut telah diwarisi oleh beliau yang lahir sebagai '*Zuriyyat Tayyibat*' di dalam keluarga Ibn Taymiyyah.<sup>60</sup>

Beliau juga merupakan seorang tokoh 'ulama' yang paling masyhur dari kalangan keluarga Imam Ibn Taymiyyah. Beliau sangat terkenal dengan gelaran Ibn Taymiyyah.

Beliau dilahirkan di Harran pada tahun 661 Hijrah bersamaan dengan 1263 Masihi. Beliau mula-mula mengajar ketika berumur 20 tahun dan menunaikan ibadah haji pada tahun 691 Hijrah.

Beliau banyak menghasilkan karya-karya ilmu yang bermutu. Antaranya ialah 200 buah buku dan risalah-risalah yang telah dikenal pasti dan hampir 300 tajuk lagi yang belum dapat dikesan. Karya-karya beliau menyentuh mengenai pelbagai bidang antaranya bidang *al-Qur'an, Hadith, Fiqh, Syair*, penulisan dalam bentuk manuskrip dan lain-lain.<sup>61</sup> Beliau banyak mengarang kitab-kitab yang terkenal di kalangan tokoh-tokoh ilmuan Islam. Di antara hasil karya beliau ialah:-

- a) *al-Jawami' Fi al-Siyasah al-Illahiyyah Wa al-Ayat al-Nubuwiyyah*
- b) *al-Furqan Baina Auliya' Allah Wa Auliya' al-Syaitan*
- c) *Manhaj al-Sunnah*
- d) *Ma'alim al-Usul*
- e) *al-Sarim al-Maslul 'Ala Syatim al-Rasul*
- f) *al-Tabyan Fi Nuzul al-Qur'an*
- g) *al-Sahih Liman Badal Din al-Masih*

---

<sup>60</sup> *Ensiklopedia Islam* (1998), j. 5. c. 1. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia, h. 15.

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 16.

- h) *Takhjil Ahli al-Anjil*
- i) *Fatawa* dan banyak lagi.

Beliau meninggal dunia pada tahun 728 Hijrah bersamaan dengan 1328 Masihi.<sup>62</sup> Beliau meninggal dunia ketika berusia 65 tahun. Jenazah beliau telah dikebumikan di perkuburan al-Sufiyyah berhampiran makam saudaranya yang bernama Syarf al-Din. Tanah perkuburan ini terletak di sebuah taman kecil di dalam kampus Universiti Dimasyq di Syria.<sup>63</sup>

### **2.1.5 Sejarah Pendidikan Dan Pengembaraan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah Dalam Mencari Ilmu**

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah menghafal al-Qur’an dan mempelajari hadith daripada bapa saudaranya iaitu al-Khatib Fakhr al-Din dan al-Hafiz ‘Abd al-Qadir al-Rahawi.<sup>64</sup>

Pada tahun 603 hijrah, beliau merantau ke negeri Baghdad untuk menuntut ilmu bersama anak bapa saudaranya iaitu yang bernama Saif al-Din ‘Abd al-Ghani. Di

<sup>62</sup> Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963), *al-Qamus al-Islami*, j. 1. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 528.

<sup>63</sup> *Op. cit.*, h. 16-17.

<sup>64</sup> *op. cit.*. Dan lihat juga; Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.) *Syadhrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, j. 5. al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 257, Muhammad Hamid al-Fiqh (1953) *Kitab al-Dhil ‘Ala Tabaqat al-Hanabalah li Ibn Rajab*, j. 2. Kaherah: Matba’ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, h. 250, al-Imam Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1990) *Siyar A’lam al-Nubala’*, j. 23, c. 7. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 292, ‘Umar Reda Kahalah (t. t.), *Mu’jam al-Mu’allifin Tarajim Musannifin al-Kutub al-‘Arabiyyah*, j. 5. Beirut: Dar Ahya’ al-Turath al-‘Arabi, h. 227, al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (1976) *Tabaqat al-Mufassirin*, c. 1. al-Fajalah: Matba’ah al-Hadarah al-‘Arabiyyah, h. 100, Abu al-Fada’ al-Hafiz Ibn Kathir (1966) *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, j. 1, c. 1. Beirut: Maktabah al-Ma’arif, h. 140, Muhammad Abu Zuhrah (t.t.) *Ibn Taymiyyah Hayatuh wa ‘Asruh Ara’uh wa Fiqhuh*. T. tmpt: Dar al-Fikr al-‘Arabi, h. 20, Husein Muhammad (2001), *Pakar-Pakar Fiqh Sepanjang Sejarah*. ‘Abd Allah Mustafa al-Maraghi (terj.), c. 1. Yogyakarta: LKPSM. 202-203. Dan Puteh Ishak (1993), *Ibn Taimiyyah Sejarah Hidup Dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 11-12.

Baghdad beliau berguru atau menuntut ilmu dengan Ibn Sakinah, Ibn al-Akhdar, Ibn Tabarzad dan tokoh-tokoh ilmuan yang lain. Beliau tinggal di Kota Baghdad ini selama 6 tahun.<sup>65</sup>

Pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang beliau pelajari. Di antaranya ialah seperti ilmu Hadith, Bahasa Arab, Ilmu Hisab, al-Jabar, Fara'id dan ilmu Qira'at. Selepas itu, barulah beliau pulang semula ke Harran dan meneruskan pelajaran beliau melalui bapa saudara beliau iaitu Imam Fakhr al-Din.

Selepas berada beberapa lama di Harran beliau merantau semula ke Baghdad. Di sana beliau berguru atau menuntut ilmu dengan Abi Bakr bin Ghunaimah al-Halawi dan Fakhr Isma'il.<sup>66</sup>

Pada usia beliau 16 tahun beliau telah menulis sebuah karya atau kitab yang bertajuk "*Jannah al-Nazir*" iaitu sebuah kitab mengenai ilmu *Fiqh*. Kitab ini telah diperlihatkan kepada Fakhr al-Din Isma'il. Kemudian Fakhr al-Din Isma'il telah memberi komen dan pujian terhadap kitab tersebut.

Telah berkata Syeikh Jamal al-Din bin Malik:

*"Di tangan Syeikh Majd al-Din, ilmu Fiqh menjadi sangat mudah seperti besi di tangan Nabi Daud."*

Di Hijaz, 'Iraq dan Syam, beliau memberikan dan mengajar pelajaran hadith dan menulis banyak buku atau kitab. Rumah beliau pula selalu dikunjungi oleh para 'ulama' dan tokoh-tokoh besar di dalam bidang ilmu. Beliau dipandang sebagai 'ulama'

---

<sup>65</sup> Abi al-Falah 'Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.), *Ibid*.

<sup>66</sup> Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *op.cit*.

terkemuka dalam bidang hadith pada zaman beliau, ahli *Fiqh* dan merupakan tokoh ilmunan yang menghafal pelbagai pendapat ‘ulama’.<sup>67</sup> Beliau telah menunaikan ibadah haji pada tahun 51 Hijrah.<sup>68</sup>

Al-Burhan al-Maraghi telah menceritakan;

*“Bahawa pada suatu hari ada masalah yang ditanyakan kepada Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah. Beliau kemudian menjawab: “ persoalan ini dapat dijawab dari 60 segi dan beliau menghuraikan satu persatu sampai lengkap. Al-Burhan al-Maraghi dengan rendah hati meminta beliau mengulangi kembali jawapan beliau. Lalu beliau pun mengulangi jawapan tersebut dengan sempurna. Keadaan ini membuatkan al-Burhan al-Maraghi sangat kagum terhadap kebolehan beliau.”*<sup>69</sup>

Jelaslah disini, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah merupakan seorang ‘ulama’ yang tiada tandingannya dalam semua cabang ilmu. Di antara cabang-cabang ilmu itu ialah seperti ilmu *Fiqh*, *usul Fiqh*, *Hadith*, *Qira’at*, *Tafsir* dan sebagainya.

#### 2.1.6 Guru-Guru Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah banyak mempelajari dan menimba ilmu daripada tokoh-tokoh ilmunan yang besar dan terkenal. Di antara guru-guru yang memberi tunjuk ajar dan ilmu kepada beliau ialah:-

---

<sup>67</sup> Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.), *op. cit*, j.5, h. 257-258.

<sup>68</sup> Syeikh al-Imam Majd al-Din Abi Barakah (t.t.), *al-Muharrar Fi al-Fiqh ‘Ala Madhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, h. 12.

<sup>69</sup> Muhammad Hamid al-Fiqh (1953) *Kitab al-Dhil ‘Ala Tabaqat al-Hanabalah li Ibn Rajab*, j. 2. Kaherah: Matba’ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, h. 251.

- 2.1.6.1 Khatib Fakhr al-Din. Iaitu bapa saudara beliau sendiri.
- 2.1.6.2 Al-Hafiz ‘Abd al-Qadir al-Rahawi.
- 2.1.6.3 Hanbal al-Rasafi.
- 2.1.6.4 ‘Abd al-Wahab bin Sukainah.
- 2.1.6.5 Al-Hafiz bin al-Ahdar.
- 2.1.6.6 Ibn Tabarzad.
- 2.1.6.7 Diya’bin al-Khuraif.
- 2.1.6.8 Yusuf bin Mubarak al-Khafaf.
- 2.1.6.9 ‘Abd ‘Aziz bin Munaina.
- 2.1.6.10 Abi Bakar bin Ghunaimah.
- 2.1.6.11 Ahmad bin al-Hasan al-‘Aqula.
- 2.1.6.12 Fakhr Isma’il
- 2.1.6.13 ‘Abd al-Maula bin Abi Tamam bin Bad.<sup>70</sup>
- 2.1.6.14 Abi Ahmad bin Sukainah.
- 2.1.6.15 Yusuf Ibn Kamil.
- 2.1.6.16 ‘Uddah.
- 2.1.6.17 Imam Ahmad bin Hanbal
- 2.1.6.18 ‘Abd al-Qadir al-Hafiz
- 2.1.6.19 Syeikh ‘Abd al-Wahid bin Sultan.<sup>71</sup>

## **2.1.7 Murid-Murid Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah**

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah merupakan seorang tokoh ilmuan yang sangat terkenal dan terkemuka. Jadi tidak hairanlah, ramai tokoh-tokoh

---

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 250. Dan lihat juga; Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t. t.), *Syadhrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, j. 5. al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 257. Dan al-Imam Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1990) *Siyar A’lam a-Nubala’*, j. 23, c. 7. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, h. 291.

<sup>71</sup> Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1990), *Ibid.*

ilmuan atau ‘ulama’-‘ulama’ yang lain ingin menuntut ilmu daripada beliau. Di antara tokoh-tokoh ilmuan yang mempelajari dan mendalami ilmu dengan beliau ialah:-

- 2.1.7.1 Syihab al-Din Abu al-‘Abas
- 2.1.7.2 Hafiz ‘Abd al-Mu’min al-Dimyati
- 2.1.7.3 Al-Amin bin Syuqir al-Harani
- 2.1.7.4 Abu Ishaq bin al-Zahiri al-Hafiz
- 2.1.7.5 Muhammad bin Ahmad al-Qazaz
- 2.1.7.6 Ahmad al-Dusyti
- 2.1.7.7 Muhammad bin Zanatir
- 2.1.7.8 Al-‘Afif Ishaq al-Amdi
- 2.1.7.9 Syeikh Nur al-Din al-Busra
- 2.1.7.10 Abu ‘Abd Allah bin al-Dawalini
- 2.1.7.11 ‘Abd al-Ghani bin Mansur al-Muazzin
- 2.1.7.12 Muhammad bin Muhammad al-Kanjiyu
- 2.1.7.13 Syeikh Muhammad bin Zabatar
- 2.1.7.14 Al-Wa’iz Muhammad bin ‘Abd al-Muhsin al-Kharrat
- 2.1.7.15 ‘Uddah
- 2.1.7.16 Abu al-‘Abas Ibn al-Zahiri
- 2.1.7.17 Ahmad al-Dusti
- 2.1.7.19 Taqy al-Din Sulaiman bin Hamzah al-Hakim
- 2.1.7.20 Zainab binti al-Kamal
- 2.1.7.21 Ahmad bin ‘Ali al-Juzri.<sup>72</sup>

---

<sup>72</sup> *Ibid.* Dan lihat juga; Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *op. cit.*, h. 253, Syeikh al-Imam Majd al-Din Abi al-Barakah (t.t.), *al-Muharrar Fi al-Fiqh ‘Ala Madhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, h. 14. Dan. Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t t.), *Nayl al-Autar Syarah Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, j. 1, c. 2. T. tmpt: Dar al-Fikr, h. ح.



## 2.1.8 Pandangan Atau Pujian ‘Ulama’ Terhadap Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

Di antara pandangan atau pujian tokoh-tokoh ‘ulama yang terkemuka terhadap Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah ialah:-

### 2.1.8.1 Syeikh Jamal al-Din bin Malik:-

*“Di tangan syeikh Majd al-Din, ilmu Fiqh menjadi sangat mudah seperti besi di tangan Nabi Daud”.*<sup>73</sup>

### 2.1.8.2 Syeikh Najm al-Din bin Hamdan pengarang kitab *al-Ra’ayah*:-

*“Aku hadir ke pengajian Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah, beliau menghuraikan banyak persoalan masalah yang aku tidak tahu sebelum ini”.*

### 2.1.8.3 Ibn Hamdan berkata di dalam kitab *Tarajim Syuyukh Harran*:-

*“Aku berkawan dengan Imam Majd al-Din di Madrasah al-Ghuriyyah, selepas kedatanganku dari Damsyiq. Banyak ilmu yang aku dengar daripada beliau. Beliau adalah seorang yang mulia di dalam madhab beliau dan beberapa madhab yang lain”.*

### 2.1.8.4 Berkata ‘Azz al-Din al-Syarif:-

<sup>73</sup> Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *Ibid.*, h. 250 – 251. Dan lihat juga; Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-‘Imad al-Hanbali (t.t.), *Syadhrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, j. 5. al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 257.

*“Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah meriwayatkan hadith di Negeri Hijaz, ‘Iraq, Syam dan negeri Harran. Beliau banyak mengarang atau menulis kitab”.*

#### 2.1.8.5 Berkata al-Dhahabi:-

*“ Telah berkata oleh Syeikh kami, beliau sangat hairan pada hafazan Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah terhadap hadith beserta matannya dan pelbagai madhab dengan tidak ada kesusahan”.*

Menurut pandangan al-Dhahabi lagi:-

*“Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah merupakan tokoh yang tiada tandingan pada zaman beliau. Seorang ketua pada ilmu Fiqh dan Usul Fiqh. Mahir dalam ilmu Hadith dan maknanya. Pentafsiran yang luas di dalam Tafsir al-Qur’an dan mengetahui tentang al-Qur’an. Beliau banyak mengarang kitab dan merupakan tokoh ilmuwan yang termasyhur. Terkenal juga sebagai tokoh madhab Hanbali, kecerdikan beliau serta teguh dan kuat pendirian agama beliau”.*

#### 2.1.8.6 Al-Burhan Al-Maraghi:-

*“Pada suatu hari ada masalah yang ditanyakan kepada Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah. Beliau menjawab persoalan ini dapat di jawab dari 60 segi serta menghuraikan jawapan persoalan tersebut satu persatu sehingga lengkap.”<sup>74</sup>*

### 2.1.9 Hasil-Hasil Karya Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah banyak meninggalkan kepada kita khazanah-khazanah atau kitab-kitab ilmu yang tiada tandingannya. Di antara hasil-hasil karya beliau ialah:

---

<sup>74</sup> Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *Ibid.* Dan Syeikh al-Imam Majd al-Din Abi al-Barakah (t.t.), *op. cit.*, h. 12 – 13.

- 2.1.9.1 *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*.<sup>75</sup>
- 2.1.9.2 *Al-Muntaqa' Fi Ahadith al-Ahkam An Khair al-Anam*,<sup>76</sup> kitab ini telah disyarahkan oleh al-Syawkani di dalam kitabnya yang bertajuk *Nail al-Autar*.<sup>77</sup>
- 2.1.9.3 *Al-Muharrar Fi al-Fiqh*.<sup>78</sup>
- 2.1.9.4 *Muntaha al-Ghayah Fi Syarh al-Hidayah*<sup>79</sup>
- 2.1.9.5 *Arjuzah Fi al-Qiraat*.<sup>80</sup>
- 2.1.9.6 *Atraf Ahadith al-Tafsir*<sup>81</sup>
- 2.1.9.7 *Ahkam al-Kubra* yang terdapat dalam beberapa jilid tebal.<sup>82</sup>
- 2.1.9.8 *Al-Musawwadah Fi Usul al-Fiqh*.<sup>83</sup>

## 2.1.10 Kewafatan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah

<sup>75</sup> Ahmad 'Atiyyah Allah (1963) *al-Qamus al-Islami*, j. 1. Kaherah: Maktbah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 528.

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 528 – 529. Dan lihat juga; Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *op.cit.*, h. 252, 'Umar Reda Kahalah (t.t.), *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannifin al-Kutub al-Arabiyyah*, j. 5. Beirut: Dar Ahya' al-Turath al-'Arabi, h. 227, Muhammad Abu Zuhrah (t.t.), *Ibn Taymiyyah Hayatuh Wa 'Asruh Ara'uh Wa Fiqhuh*. T. tmpt: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 20, Isma'il Basya bn Muhammad Amin bin Mirsalim (1982) *Idah al-Maknun Fi al-Dhil 'Ala Kasyf al-Zunun 'An Asma al-Kutub Wa al-Funun*, j. 4. T. tmpt: Dar al-Fikr, h. 570. Dan Abi al-Falah 'Abd al-Hayyi bin al-'Imad al-Hanbali (t.t.) *Syadhrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, j. 5. al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 258.

<sup>77</sup> Ustaz Muhammad al-Mubarak (t.t.) *al-Siyasah al-Syar'iyyah Fi Islah al-Ra'yi Wa al-Ra'yah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.

<sup>78</sup> 'Umar Reda Kahalah (t.t.), *op.cit.* Dan lihat juga; Abi al-Falah 'Abd al-Hayyi bin al-'Imad al-Hanbali (t.t.), *op.cit.* Dan Ahmad 'Atiyyah Allah (1963) *al-Qamus al-Islami*, j. 1. Kaherah: Maktbah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 529.

<sup>79</sup> 'Umar Reda Kahalah (t.t.), *Ibid.* Dan lihat juga; Abi al-Falah 'Abd al-Hayyi bin al-'Imad al-Hanbali (t.t.), *Ibid.*

<sup>80</sup> Umar Reda Kahalah (t.t.), *Ibid.* Dan lihat juga; Abi al-Falah 'Abd al-Hayyi bin al-'Imad al-Hanbali (t.t.), *ibid.* Dan Muhammad Hamid al-Fiqh (1953) *Kitab al-Dhil 'Ala Tabaqat al-Hanabalah li Ibn Rajab*, j. 2. Kaherah: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, h. 252.

<sup>81</sup> Umar Reda Kahalah (t.t.), *Ibid.* Dan lihat juga; Abi al-Falah 'Abd al-Hayyi bin al-'Imad al-Hanbali (t.t.), *Ibid.*

<sup>82</sup> Abi al-Falah 'Abd al-Hayyi bin al-'Imad al-Hanbali (t.t.), *Ibid.* Dan lihat juga; Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *op. cit.*

<sup>83</sup> Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *Ibid.*

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah wafat pada tahun 652 Hijrah,<sup>84</sup> bersamaan 1254 Masihi.<sup>85</sup>

Beliau meninggal dunia pada hari Jumaat ‘Aidil Fitri selepas sembahyang Jumaat dan beliau dikebumikan di Pemakaman ‘ulama’-‘ulama’ madhab Hanbali di Harran.<sup>86</sup>

Sehari sebelum kewafatan beliau, isteri beliau iaitu yang bernama Budrah binti Fakhr al-Din yang merupakan anak kepada bapa saudaranya iaitu Imam Fakhr al-

Din telah meninggal dunia.<sup>87</sup>

## 2.2 Biografi Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani

### 2.2.1 Nama Dan Keturunan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani<sup>88</sup>

Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Mahmud bin Ahmad bin Hajar al-Kanani al-Qabilah yang berasal dari alAsqalan. Bagaimanapun di dalam menentukan nama dan keturunan yang lengkap

---

<sup>84</sup> al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (1976) *Tabaqat al-Mufassirin*, c. 1. al-Fajalah: Matba’ah al-Hadarah al-‘Arabiyyah, h. 100. Dan lihat juga; al-Imam Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1990) *Siyar A’lam al-Nubala’*, j. 23, c. 7. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 293, Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963) *al-Qamus al-Islami*, j. 1. Kaherah: Maktbah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 529, ‘Umar Reda Kahalah (t.t.), *Mu’jam al-Mu’allifin Tarajim Musannifin al-Kutub al-Arabiyyah*, j. 5. Beirut: Dar Ahya’ al-Turath al-‘Arabi, h. 227. Dan Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (t.t.), *al-Musawwadah Fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Matba’ah al-Madani.

<sup>85</sup> Ahmad ‘Atiyyah Allah (1963), *Ibid*.

<sup>86</sup> Abu al-Fada’ al-Hafiz Ibn Kathir (1966) *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, j. 1, c. 1. Beirut: Maktabah al-Ma’arif, h. 185. Dan lihat juga; Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-‘Imad al-Hanbali (t.t.) *Syadhrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, j. 5. al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 258 dan 259. Dan Muhammad Hamid al-Fiqh (1953) *Kitab al-Dhil ‘Ala Tabaqat al-Hanabalah li Ibn Rajab*, j. 2. Kaherah: Matba’ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, h. 253.

<sup>87</sup> Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-‘Imad al-Hanbali (t.t.), *Ibid*. Dan lihat juga; Muhammad Hamid al-Fiqh (1953), *Ibid*.

<sup>88</sup> Ishak Hj. Sulaiman (1996), *Ibn Hajar al-‘Asqalani Dan Sumbangannya Kepada Hadith: Tumpuan Terhadap Kitabnya Bulugh al-Maram*. Universiti Malaya: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, h. 1.

selepas datuknya yang bernama 'Ali terdapat beberapa perbezaan. Di antara perbezaan tersebut ialah:-

- 2.2.1 Kitab *Raf 'al-'Asr*<sup>89</sup> dan kitab *al-Jawahir Wa al-Durar*<sup>90</sup> karangan al-Sakhawi, nama dan keturunannya yang sebenar ialah Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Ahmad.
- 2.2.2 Kitab *'Anba' al-Ghumar*<sup>91</sup> nama dan keturunan beliau ialah Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Ahmad Ibn Mahmud bin Ahmad bin Hajar.
- 2.2.3 Kitab *al-Majma'*<sup>92</sup> nama dan keturunan sebenar beliau ialah Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Mahmud bin Ahmad.
- 2.2.4 *Muqaddimah Fath al-Bari* menjelaskan nama dan keturunan beliau ialah Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar.<sup>93</sup>
- 2.2.5 Kitab *al-Daw' al-Lami'*,<sup>94</sup> nama dan keturunan beliau yang sebenar ialah Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar bin Ahmad.

Beliau terkenal dengan gelaran Ibn Hajar al-Kinani al-Asqalani. Beliau sering menggunakan kalimah al-Kinani di dalam menyebut nama dan keturunannya yang lengkap.

Manakala bagi perkataan Asqalani ataupun Asqalan mempunyai pengertian yang tersendiri. Menurut Ya'qut Asqalan dari segi bahasa ialah bahagian tertinggi kepala.<sup>95</sup>

<sup>89</sup> Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t.), *Raf al-'Asr 'An Qudat Misr*. t.t.mpt: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h. 36.

<sup>90</sup> Abu al-Khayr Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *al-Jawahir Wa al-Durar Fi Tarjamah Sheikh al-Islam Ibn Hajar*. T.t.mpt: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h.15.

<sup>91</sup> Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (1969), *'Anba' al-Ghumar Bi 'Anba' al-'Umr*. T.t.mpt: Da'irah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah, h. 1-3.

<sup>92</sup> Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t.), *al-Majma'*. T.t.mpt: al-Iskandariyyah, h. 243.

<sup>93</sup> Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t.), *Muqaddimah Fath al-Bari*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.

<sup>94</sup> Abu al-Khayr Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *al-Daw' al-Lami' Li Ahl al-Qrn al-Tasi'*. Beirut: t.p, h. 10.

<sup>95</sup> Shahab al-Din bin 'Abd Allah al-Hamawi al-Rumi Yaqut (1957), *Mu'jam al-Buldan*, j. 4. Beirut: Sadir, h. 122.

Selain itu Asqalani juga bermaksud nama kawasan yang terletak di tepi pantai antara Gaza Bayt Jibrin. Kawasan ini dahulunya terletak di bahagian tertinggi Sham dan Syria, akan tetapi sekarang ini berada di wilayah Palestin.<sup>96</sup>

### 2.2.2 Kelahiran Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani<sup>97</sup>

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah dilahirkan pada tanggal 22 bulan Sya’ban tahun 773 hijrah dipinggiran sungai Nil di Mesir yang berdekatan dengan Dar al-Nahhas di Qaherah berdekatan dengan masjid al-Jadid. Di dalam menentukan tarikh sebenar kelahiran beliau, para ‘ulama’ berselisihan pendapat mengenainya.

Menurut al-Shawkani, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah dilahirkan pada 2 haribulan Sya’ban 773 hijrah.<sup>98</sup> Manakala menurut al-Sayuti<sup>99</sup> dan Ibn ‘Imad al-Hanbali<sup>100</sup> mereka berpendapat bahawa beliau telah dilahirkan pada 12 haribulan Sya’ban 773 hijrah. Menurut pendapat Ibn Taghri Bardi pula, beliau dilahirkan pada 22 haribulan Sya’ban 773 hijrah.<sup>101</sup> Beliau merupakan seorang anak yatim piatu kerana ibu beliau meninggal dunia semasa beliau dilahirkan. Semasa beliau berumur empat tahun, bapa beliau pula meninggal dunia. Bapa beliau mewasiatkan dua orang alim ‘ulama’ untuk mengasuh beliau iaitu imam Zaki al-Din al-Kharrubi dan Syamsuddin Ibn al-Qattan al-Misyri.

---

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> Ishak Hj. Sulaiman (1996), *op. cit.*, h. 3.

<sup>98</sup> ‘Ali bin Muhammad al-Shawkani (t.t.), *al-Badr al-Tali’ Bi Mahasin Man Ba’d al-Qurn al-Sabi’*. Kaerah: t.p, h.88.

<sup>99</sup> Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bi Abi Bakh al-Suyuti (t.t.), *al-Munjam Fi al-Mu’jam*. Kaerah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h. 45.

<sup>100</sup> Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.), *Syadhrrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*. Al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 380.

<sup>101</sup> Abu al-Mahasin Jamal al-Din bin Yusuf Ibn Taghri Bardi (t.t.), *al-Nujum al-Zahirah Fi Mamluk Misr Wa al-Qaherah*. T.tmp: t.p, h. 533.

### 2.2.3 Pengembaraan Mencari ilmu Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani<sup>102</sup>

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani memulakan pengembaraan mencari ilmunya yang pertama di dalam tahun 793H/1390M menuju ke Qus, yang merupakan sebuah kota yang terletak di Mesir dan jaraknya 12 hari berjalan kaki dari Fustat.<sup>103</sup>

Semasa berada di Qus, beliau sempat menemui sekumpulan ‘ulama’ terkenal seperti Nur al-Din ‘Ali bin Muhammad al-‘Ansari (M.801H/1398M).<sup>104</sup> Pada hari Selasa, bulan Zulkaedah tahun 799 Hijrah beliau meneruskan pengembaraan beliau ke Iskandariyyah.<sup>105</sup>

Pemergian beliau ke Iskandariyyah ini adalah bertujuan untuk menemui sekumpulan ‘ulama’ hadith dan Isnad yang terkenal pada masa itu seperti Ibn Sulaiman al-Fishi (M. 798H/1396M),<sup>106</sup> Ibn al-Buri (M. 802H/1400M)<sup>107</sup> dan Ibn al-Hussayn al-Tunisi (M. 803H/1401M).<sup>108</sup>

Setelah berada lebih dari setahun di Iskandariyyah beliau meneruskan pengembaraan ilmunya di Damsyiq.<sup>109</sup> Semasa di Damsyiq beliau mula menulis dan dapat menghasilkan sebuah karya yang bertajuk *al-Durar al-Mudi’ah Min Fawa’id al-Iskandariyyah*.<sup>110</sup>

---

<sup>102</sup> Ishak Hj. Sulaiman (1996), *op. cit.*, h. 19.

<sup>103</sup> Ahmad bin ‘Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani (t.t.), *al-Majma’*. T.tmp: al-Iskandariyyah, h. 66. Dan lihat juga: Abu al-Khayr Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *al-Jawahir Wa al-Durar Fi Tarjamah Sheikh al-Islam Ibn Hajar*. T.tmp: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h.23.

<sup>104</sup> *Ibid.*

<sup>105</sup> *Ibid.*

<sup>106</sup> Beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin Sulayman al-Fishi al-Marjany. *Ibid.*, h. 165.

<sup>107</sup> Beliau ialah Muhammad bin ‘Ali bin Ahmad bin Hibbatullah bin al-Buri al-Iskandarani. *Ibid.*, h. 167.

<sup>108</sup> Beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Hassan bin ‘Ali bin al-Fakhr al-Tunisi al-Iskandarani. *Ibid.*, h. 157.

<sup>109</sup> Ahmad bin ‘Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani (t.t.), *op. cit.*, h. 530.

<sup>110</sup> *Ibid.*

Pada hari Khamis, 22 Syawal tahun 799 Hijrah beliau menuju ke Yaman.<sup>111</sup> Beliau telah mendalami Bahasa Arab disamping ilmu hadith dari al-Najm Wa al-Marjani (M. 827H/1424M).<sup>112</sup> Beliau juga turut berguru dengan seorang ketua Majlis Fatwa Yaman iaitu Ahmad bin Abi Bakr al-Nasiri (M. 815H/1413M) dan al-Sharif bin al-Maqri (M. 837H/1334M) untuk mempelajari ilmu *Fiqh*, Bahasa Arab dan Sastera.<sup>113</sup>

Bagi mendalami lagi pengetahuan di bidang kesusteraan dan *Qiraat* al-Qur'an, beliau telah menuntut ilmu dengan al-Radhi bin Musta'zayn (M.816H/1414M).<sup>114</sup> Selepas menamatkan pengajian ini, beliau telah menulis karya-karya beliau yang bertajuk *Ta'liq*, *Tahdhib al-Tahdhib* dan *Lisan al-Mizan*.<sup>115</sup>

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani juga telah mempelajari dan mengambil hadith daripada 'ulama'-'ulama' di Yaman. Diantaranya ialah Bihaqi Ahmad bin Ibrahim al-Qawsi dan 'Ali bin Ahmad al-San'ani (M. 806H/1404M).<sup>116</sup>

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani telah bertemu dengan 'ulama'-'ulama' hadith yang pakar mengenai *sanad* (perawi) hadith di Sham pada 21 Ramadhan 802H/1399M).<sup>117</sup> Beliau telah berada di sana selama 100 hari.

Pada tahun 836 hijrah, beliau telah pergi ke Halb, Syria untuk bertemu dengan seorang 'ulama' *sanad* (perawi) yang bernama 'Umar bin 'Aidghamash

---

<sup>111</sup> *Ibid.*, h. 531.

<sup>112</sup> Beliau ialah Muhammad bin Abi Bakr bin 'Ali bin Yusuf al-Misri. Lihat: Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (1969), '*Anba' al-Ghumar Bi 'Anba' al-'Umr*'. T.tmt: Da'irah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah, h. 338, *al-Majma'*. T.tmt: al-Iskandariyyah, h. 262, Abu al-Khayr Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *al-Daw al-Lami' Li Ahl al-Qrn al-Tasi'*. Beirut: t.p, h. 182 dan *al-Jawahir Wa al-Durar Fi Tarjamah Sheikh al-Islam Ibn Hajar*. T.tmt: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h.28.

<sup>113</sup> *Ibid.*

<sup>114</sup> *Ibid.*

<sup>115</sup> Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t.), *al-Majma'*. T.tmt: al-Iskandariyyah, h. 244.

<sup>116</sup> *Ibid.*

<sup>117</sup> Abu al-Khayr Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *al-Jawahir Wa al-Durar Fi Tarjamah Sheikh al-Islam Ibn Hajar*. T.tmt: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h. 30.



(801H/1399M).<sup>118</sup> Beliau juga sempat bertemu dan bermuzakarah dengan Ibn Khatib al-Nasiriyyah (M. 843H/1440M).<sup>119</sup>

Manakala menurut sumber atau pendapat ‘ulama’ yang lain walaupun Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani yatim piatu, beliau memiliki semangat yang tinggi untuk belajar sejak beliau masih kecil lagi. Beliau mempelajari membaca *al-Qur’an* semasa berumur lima tahun. Apabila beliau sembilan tahun beliau telahpun menghafal *al-Qur’an*.

Semasa masih kecil juga, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menghafal kitab-kitab ilmu yang ringkas. Kitab-kitab tersebut seperti *al-Umdah*, *al-Hawi al-Saghir*, *Mukhtasar Ibn Hajib* dan *Milhatul I’rab*. Beliau tidak hanya mencari ilmu di Mesir sahaja tetapi beliau telah melakukan perjalanan menuntut ilmu ke seluruh negeri. Di antara negeri-negeri yang beliau lawati dalam menuntut ilmu ialah:-

2.2.3.1 Mekah dan Madinah:- Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani tinggal di Mekah al Mukarramah dan sembahyang Terawih di Masjidil Haram pada tahun 785 Hijrah. Iaitu ketika umur beliau 12 tahun. Beliau mendengar *Sohih al-Bukhari* di Mekah dari Syaikh ‘Afifuddin an-Naisaburi kemudian al- Makki Rahimahullah. Beliau berulang kali pergi ke Mekah untuk melakukah haji dan umrah.

2.2.3.2 Dimasyq (Damaskus):- Di negeri ini, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani bertemu dengan murid-murid ahli sejarah dari kota Syam iaitu Ibu ‘Asakir Rahimahullah. Beliau menimba ilmu dari Ibnu Mulaqqin dan al Bulqini.

---

<sup>118</sup> *Op. cit.*, h. 281.

<sup>119</sup> *Ibid.*

2.2.3.3 Baitul Maqdis, kota-kota di Palestin seperti Nablus, Khalil, Ramlah dan Ghuzzah. Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani bertemu dengan para ‘ulama’ di tempat-tempat tersebut dan mengambil manfaat daripada mereka.

2.2.3.4 Shana’ dan beberapa kota di Yaman:- Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani melakukan semua ini untuk menuntut, menimba dan mengambil ilmu terus secara langsung dari ‘ulama’-‘ulama’ besar.

## 2.2.4 Pendidikan Dan Guru-Guru Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani<sup>120</sup>

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah memulakan pendidikan ketika umurnya 5 tahun dan beliau telah dapat menghafal al-Qur’an apabila umurnya meningkat 9 tahun di bawah bimbingan seorang pengajar yang bernama Sadr al-Din al-Safti (M. 845H/1441M).<sup>121</sup>

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani mempunyai ramai guru yang terkenal di dalam pelbagai bidang ilmu. Berdasarkan keterangan beliau di dalam *al-Majma’ al-Mu’assas li al-Mu’jam al-Mufhras* atau juga dikenali sebagai *Mu’jam al-Syuyukh*, beliau menganggarkan guru beliau seramai 742 orang guru.

Di antara guru-guru beliau ialah :

2.2.4.4 al-Syams al-Qattan (Pakar *Fiqh*, Bahasa Arab dan Ilmu Hisab)

2.2.4.5 al-Nur al-Adami dan Anbasi (Pakar *Fiqh*)

---

<sup>120</sup> Ishak Hj. Sulaiman (1996), *op. cit.*, h. 12-14.

<sup>121</sup> Abu al-Khayr Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *op.cit.*, h. 22.

- 2.2.4.6 Izzuddin bin Jama'ah (790H-819H) (Pakar pelbagai disiplin ilmu)
- 2.2.4.7 al-Fairuz Abadi (Pakar ilmu Bahasa, beliau penyusun *Qamus al-Muhith*)
- 2.2.4.8 al-Ghumari dan al-Muhibb bin Hisyam (Pakar ilmu Bahasa Arab)<sup>122</sup>
- 2.2.4.9 al-Iraqi (Tokoh ilmu dalam bidang *Hadith*)
- 2.2.4.10 al-Siraj al-Din al-Bulqini (M. 805H/1403M) (Pakar dalam bidang ilmu *Usul al-Fiqh*)
- 2.2.4.11 al-Bulqani (Tokoh ilmu *Hadith Ahkam*)
- 2.2.4.12 Ibn Mulaqqin (M. 804H/1401M) (Tokoh ilmu *Hadith*)
- 2.2.4.13 Ibrahim bin Ahmad bin 'Abd Wahid bin 'Abd Mu'min bin Said bin 'Ilwan bin Kamil al-Tanukhi. (M. 800H/1397M) Bidang *al-Qur'an* atau *Qiraat*.
- 2.2.4.14 'Ali bin Abi Bakr bin Sulayman bin Abi Bakr bin 'Umar bin Salleh al-Haythami (M. 800H/1397M) (Pakar dalam bidang *Matan (teks) al-Hadith* atau *Takhrij*).
- 2.2.4.15 Muhammad bin Ya'qut bin Muhammad bin Ibrahim bin 'Umar al-Shirazi (M. 817 H/1415M) (Pakar bidang Bahasa).<sup>123</sup>

## 2.2.5 Murid-Murid Imam Ibn Hajar al-'Asqalani<sup>124</sup>

Berdasarkan senarai di dalam *al-Jawahir*, murid-murid Imam Ibn Hajar al-'Asqalani yang dikenali ialah seramai 600 orang.<sup>125</sup> Di antara murid-murid beliau yang telah lahir sebagai tokoh-tokoh 'ulama' Islam ialah :

<sup>122</sup> *Ibid.*

<sup>123</sup> Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t.), *al-Majma'*. T.t.mpt: al-Iskandariyyah, h. 5-6.

<sup>124</sup> Ishak Hj. Sulaiman (1996), *op. cit.*, h. 15-18.

<sup>125</sup> Abu al-Khayr Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *op. cit.*, h. 254-274.

- 2.2.5.1 Hafiz Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi (M. 902H/1496M). Terkenal sebagai ‘ulama’ di dalam bidang *Hadith*, *Usul al-Hadith* dan Sejarah.
- 2.2.5.2 Yaghribardi (M. 874 H /1469M) terkenal sebagai tokoh Sejarah.
- 2.2.5.3 Ibn Fahd al-Makki (M. 885H/1480M) terkenal sebagai tokoh Sejarah.
- 2.2.5.4 Burhan al-Din al-Halabi (M. 884H /1479M) terkenal dalam bidang *Hadith*.
- 2.2.5.5 Abu al-Fadl Qalqashqandi (M. 871H/1466M) terkenal dalam bidang *Hadith*.
- 2.2.5.6 Muhammad bin Muhammad al-Kamal al-Shumunni (M. 821H /1418M).
- 2.2.5.7 Nasim al-Din al-Murshidi (M. 833H/1429M) ( Tokoh dalam *Hafiz al-Qur’an* dan Sarjana di dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.
- 2.2.5.8 Muhammad bin Ahmad al-Taqi al-Fasi (M. 879H/1418M) Tokoh dalam bidang bahasa atau penyajak yang terkenal.

## **2.2.6 Pandangan Atau Pujian ‘Ulama’ Terhadap Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani**

Di antara pandangan atau pujian tokoh-tokoh ‘ulama yang terkemuka terhadap Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani ialah:-

### 2.2.6.1 Zain al-Din ‘Abd al-Rahim al-‘Iraqi<sup>126</sup>:-

*“Ibn Hajar, Abu Zura’ah dan al-Haithami adalah pengganti saya selepas kematian saya. Imam Ibn Hajar merupakan di antara anak murid saya yang paling menguasai ilmu hadith”.*

---

<sup>126</sup> *Ibid.*, h. 263. Dan lihat juga: Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.), *Syadhrat al-Dhahab Fi Akhbar Man Dhahab*, jil. 7. Al-Azhar: Maktabah al-Qudsi, h. 56.

2.2.6.2 Ibn al-Mughali yang merupakan seorang ‘ulama’ madhab Hanbali<sup>127</sup>:-

*“Ibn Hajar pakar di dalam ilmu al-Rijal, Tabaqat dan Sharh al-Hadith. Ibn Hajar juga mempunyai ingatan yang kuat terhadap teks-teks hadith dan Isnad hadith di samping ketajaman akalunya di dalam menyelesaikan masalah Fiqh”.*

2.2.6.3 Ibn Fahd al-Makki<sup>128</sup>:-

*“Ibn Hajar telah terkenal sejak remaja lagi di dalam disiplin ilmu hadith khususnya ilmu Rijal al-Hadith. Menurutnya lagi Ibn Hajar telah menghasilkan karya-karya yang amat bermutu dan bernilai”.*

2.2.6.4 Syihabuddin Ahmad ‘Abdul Fadhl bin Asy-Syaikh<sup>129</sup>:-

*“Ibn Hajar merupakan seorang al-Imam, al-Alim dan al-Auhad”.*

2.2.6.5 Al-Nur al-Din<sup>130</sup>:-

*“Ibn Hajar mempunyai ramai anak murid yang terdiri daripada para perawi dan syaikh yang pakar di dalam bidang Nasakh dan Mansukh. Beliau juga menguasai al-Muwafaqat dan al-‘Abdal. Beliau dapat membezakan antara perawi yang thiqah dan dha’if. Beliau juga menguasai pelbagai bidang ilmu”.*

## 2.2.7 Hasil-Hasil Karya Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani

---

<sup>127</sup> *Ibid.*

<sup>128</sup> *Ibid.*, Abu al-Khayr Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *op. cit.*, h. 260.

<sup>129</sup> Syaikh Ahmad Farid (t.t.), *60 Biografi Ulama Salaf*. T.tmp: Pustaka al-Kautsar, h. 55.

<sup>130</sup> *Ibid.*

Menurut al-Sakhawi,<sup>131</sup> Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menghasilkan banyak hasil karya semasa hayatnya. Hasil-hasil karya sebenar beliau tidak dapat ditentukan kerana terlampau banyak dan tiada usaha dalam menggumpulkan semua hasil karya beliau. Berikut disenaraikan tajuk-tajuk hasil karya beliau yang meliputi beberapa bidang ilmu pengetahuan:-

2.2.7.1 *Fath al-Bari*

2.2.7.2 *al-Durar al-Kaminah Fi ‘Ayan al-Mi’ah al-Thaminah*

2.2.7.3 *Tahdhib al-Tahdhib*

2.2.7.4 *Taqrib al-Tahdhib*

2.2.7.5 *Ta’jil al-Manfa’ah Bi Zawaid Rijal al-A’immah*

2.2.7.6 *al-Isabah Fi Tamyiz Asma’ al-Sahabah*

2.2.7.7 *Bulugh al-Maram Min ‘Adillah al-Ahkam*

2.2.7.8 *Nata’ij al-Afkar Fi Takhrij Ahadith al-Adhkar*

2.2.7.9 *Lisan al-Mizan*

2.2.7.10 *Talkhis al-Habir Fi Takhrij al-Raf’i al-Kabir*

2.2.7.11 *al-Dirayah Fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*

2.2.7.12 *Taghliq al-Ta’liq ‘Ala Sahih al-Bukhari*

2.2.7.13 *Risalah Tadhkirat al-Athar*

2.2.7.14 *al-Nukat ‘Ala Kitab Ibn Salah*

2.2.7.15 *al-Kafi al-Shafi Fi Takhrij al-Hadith al-Kashf*

2.2.7.16 *Ta’rif Ahl al-Taqdis*

2.2.7.17 *Diwan Sha’ir*

2.2.7.18 *al-Ahkam Li Bayan Ma Fi al-Qur’an Min al-Ahkam*

2.2.7.19 *Tuhfat Ahl al-Hadith ‘An Shuyukh al-Hadith*

---

<sup>131</sup> Abu al-Khayr Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *op. cit.*, h. 78. Dan lihat juga: Kahyr al-Din Zereqli (1979), *al-‘Alam*, juz.1, Beirut: t.p., h. 178.

2.2.7.20 *al-Majalis*

2.2.7.21 *Diwan Khutb*

2.2.7.22 *Tabsir al-Muntabah Fi Tahrin al-Mustabah*<sup>132</sup>

## 2.2.8 Jawatan Yang Disandang Oleh Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani<sup>133</sup>

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah memegang beberapa jawatan yang penting semasa pemerintahan kerajaan Mamluk. Di antara jawatan-jawatan tersebut ialah:

2.2.8.1 Pengerusi majlis mesyuarat ilmu Hadith

2.2.8.2 Pensyarah

2.2.8.3 Ahli Fatwa

2.2.8.4 *Qadi al-Qudat*

2.2.8.5 *Imam dan Khatib*

2.2.8.6 Pustakawan

## 2.2.9 Kewafatan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah jatuh sakit dirumahnya setelah ia meletakkan jawatan sebagai Qadi pada tanggal 25 Jamadil Akhir tahun 852 Hijrah. Sebelum beliau jatuh sakit, beliau merupakan seorang yang sangat sibuk mengarang kitab dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Pertama kali penyakit itu berjangkit pada bulan Zulkaedah tahun 852 Hijrah.<sup>134</sup>

---

<sup>132</sup> Salman, Masyhur Hasan Mahmud & Shuqayrat, Ahmad Sidqi (1998), *Tarajim al-Musannif*. T.t.mpt: Dar Ibn Hazm, h. 18.

<sup>133</sup> Ishak Hj. Sulaiman (1996), *op. cit.*, h. 26.

<sup>134</sup> Syaikh Ahmad Farid (t.t.), *60 Biografi Ulama Salaf*. T.t.mpt: Pustaka al-Kautsar, h. 65

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani kembali ke Rahmatullah pada malam Sabtu, 28 Zulhijjah selepas sembahyang Isyak pada tahun 852 hijrah bersamaan 21 Februari 1449 di Mesir. Ramai orang telah menziarahi beliau. Beliau telah dikebumikan di Qarafa. Seramai lebih 1500 orang Islam telah mengiringi jenazah beliau semasa dibawa ke tanah perkuburan.<sup>135</sup>

### 2.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, sebagai seorang Muslim kita perlulah mengetahui dan menyelusuri kehidupan para karyawan Islam yang banyak memberikan sumbangan kepada pengajian ilmu Islam agar jasa dan peranan para ilmuan Islam ini tidak dapat dilupakan.

Semoga dengan paparan mengenai latar biografi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani ini juga mampu memberi penilaian terhadap hasil karya yang dihasilkan oleh mereka di dalam bidang ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) itu sendiri.

---

<sup>135</sup> Abu al-Khayr Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t.), *op. cit.*, jil. 2, h. 40. Dan lihat juga : Abi al-Falah ‘Abd al-Hayyi bin al-Imad al-Hanbali (t.t.), *op. cit.*, jil. 7, h. 273.



### **BAB 3**

**PENGENALAN KITAB *AL-MUNTAQA MIN AKHBAR AL-MUSTAFA SOLLA ALLAH 'ALAIHI WASALLAM* DAN KITAB *BULUGH AL-MARAM MIN ADILLAH AL-AHKAM* SEBAGAI KITAB HADITH HUKUM (*HADITH AHKAM*)**

Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini dipilih sebagai satu fokus kajian kerana ianya merupakan kitab yang menghimpunkan *matan-matan* atau *teks-teks* hadith terpilih yang menjurus terhadap hukum-hukum Islam.

*Matan-matan* atau *teks-teks* hadith yang dikumpulkan di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini telah dikategorikan pula mengikut tajuk atau *kitab* dan bab-bab tertentu. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* boleh dikategorikan sebagai kitab *matan al-Hadith* yang berwibawa dan berautoriti sebagai rujukan *teks* hadith.

Di dalam penulisan ini, tumpuan terhadap kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini akan dilihat dari sudut pengenalan, pujian 'ulama', sumber rujukan, kitab syarah (*syarh*) bagi kitab ini, isi kandungan, keistimewaan dan metodologi atau kaedah penyusunan dan juga kaedah penulisan.

### **3.1 Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam***

#### **3.1.1 Pengenalan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam***

Kitab *al-Muntaqa' Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah sebuah kitab utama karangan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah. Iaitu seorang tokoh 'ulama' dalam pelbagai bidang ilmu terutamanya ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Kitab ini merupakan antara kitab yang paling lengkap dan menyeluruh yang membahaskan semua topik atau tajuk yang berkaitan hadith hukum (*Hadith Ahkam*).

Di dalam kitab ini mengandungi atau terkumpul jumlah yang besar daripada hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w, yang mana hadith-hadith tersebut merupakan hadith-hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Sebilangan besar 'ulama'-ulama' Islam mengambil rujukan daripada kitab *al-Muntaqa* ini.

Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* terdiri daripada dua *juzu'*. Iaitu *Juzu'* Pertama dan *Juzu'* kedua. *Juzu'* pertama mempunyai 5 buah *kitab* atau tajuk dan *juzu'* kedua mempunyai 49 buah *kitab* atau tajuk. Isi kandungan kitab ini sama seperti kitab-kitab *Fiqh* yang lain. Hanya yang membezakan ia daripada kitab-kitab *Fiqh* yang lain ialah di dalamnya terhimpun hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan hukum-hukum Islam.

Isi kandungan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dimulai dengan *Kitab al-Taharah* (كتاب الطهارة) dan diakhiri dengan *Kitab al-Aqdiyat Wa al-Ahkam* (كتاب الأفضية والأحكام). Di dalam setiap *kitab* ini terdapat bab-bab besar (أبواب) dan juga bab-bab kecil (باب). Manakala jumlah hadith-hadith

hukum yang terkumpul atau terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* sebanyak 5029 buah hadith.

Hadith-hadith hukum yang terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ini diambil daripada *Sohih Bukhari*, *Sohih Muslim*, *Musnad Imam Ahmad Bin Hanbal* dan *Jami' Abi 'Isa al-Tarmidhi*. Di antara kitab-kitab sunan pula yang diambil sebagai rujukan oleh beliau ialah *Kitab Sunan Abi 'Abd al-Rahman al-Nasa'i*, *Kitab Sunan Abi Dawud al-Sajastani*, dan *Kitab Sunan Ibn Majah al-Qazuwaini*.

Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah menggunakan metod atau cara penulisan yang tersendiri. Menurut Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah, hadith-hadith yang diambil di dalam kitab *al-Muntaqa* ini tidak di panjangkan *sanad-sanad* hadith tersebut. Apabila hadith-hadith tersebut beliau ambil dari Bukhari dan Muslim, beliau menulis atau menandakan dengan *Akhrajah* (أخرجاه). Selain daripada Bukhari dan Muslim *Rawah al-Khamsah* (رواه الخمسة). Jika kesemua sekali *Rawah al-Jama'ah* ((رواه الجماعة)). Apabila beliau hanya mengambil hadith-hadith dari riwayat Ahmad, Bukhari dan Muslim, beliau menulis atau menandakan dengan *Muttafaq 'Alayh* (متفق عليه). Manakala riwayat-riwayat yang lain daripada imam-imam tersebut, beliau hanya menulis atau menandakan dengan hanya menyebut nama masing-masing.

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah menyusun hadith-hadith di dalam kitab ini dengan susunan ahli *Fiqh* pada zaman beliau.<sup>136</sup> Ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pembaca atau pengkaji kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* itu sendiri.

### **3.1.2 Pujian ‘Ulama’ Terhadap Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alaihi Wasallam*<sup>137</sup>**

Sebenarnya kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alaihi Wasallam* ini adalah sebagai pembukaan di dalam pengumpulan dan sebagai permulaan yang baru bagi ilmu *Hadith Ahkam* (Hadith hukum). Oleh yang demikian, para ‘ulama’ mengikut setiap langkah Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan menjadikan kitab ini sebagai asas rujukan dalam mendalami dan mempelajari ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*).

Di antara ‘ulama-‘ulama’ yang memuji kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* ini ialah :-

#### **3.1.2.1 Al-Hafiz Muhammad bin Ibrahim al-Wazir**

---

<sup>136</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah ‘Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*, j. 1, c. 2. Dar al-Fikr.

<sup>137</sup> Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, j. 1, c. 2. t. tmpt : Dar al-Fikr, h. ج – ب.

Menurut Imam al-Hafiz Muhammad bin Ibrahim al-Wazir di dalam kitab beliau yang bernama *al-Qawa'id Wa Asyar 'Ilayh al-Alamah al-Syawkani Fi Syarh Nayl al-Autar* :-

*“Di sisi saya, ada sebuah kitab daripada kitab-kitab hukum yang telah diringkaskan bagi sesiapa yang ingin mengkhendaki atau mengeluarkan hukum-hukum ijtihad. Bermula hadith-hadith yang dihukumkan halal atau diharamkan, mereka mengumpul kesemuanya di dalam kitab-kitab yang sohih. Lalu mereka menerangkan atau memberi penjelasan akan kesahihan daripada yang tersembunyi seperti kitab Muntaqa karangan Ibn Taymiyyah dan apa yang terbaik akannya”.*

#### 3.1.2.2 Imam Badr al-Munir

Manakala menurut Imam Badr al-Munir ialah :-

*“Kitab Ahkam karangan al-Hafiz Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah yang diberi nama al-Muntaqa sama seperti mana namanya dan apa yang terbaik baginya. Padanya (al-Muntaqa) kebanyakan daripada hadith-hadith yang mulia dan daripada imam-imam yang termasyhur”.*

#### 3.1.3 Sumber Rujukan Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*

Berdasarkan *Muqaddimah* di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*, Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah menyebut seramai tujuh orang tokoh 'ulama' hadith yang dijadikan sebagai *Takhrij al-Hadith* atau tempat pengambilan hadith-hadith yang disusun di dalam kitab beliau. Tujuh orang tokoh 'ulama' hadith tersebut ialah :-

- 3.1.3.1 Imam al-Bukhari<sup>138</sup> kitab *Sohih Bukhari*.
- 3.1.3.2 Imam Muslim<sup>139</sup> kitab *Sohih Muslim*.
- 3.1.3.3 Imam Ahmad<sup>140</sup> bin Hanbal kitab *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*.
- 3.1.3.4 Imam al-Tarmidhi<sup>141</sup> kitab *Jami' Abi 'Isa al-Tarmidhi kitab Jami' Abi 'Isa al-Tarmidhi*.
- 3.1.3.5 Imam al-Nasa'i<sup>142</sup> kitab *Sunan al-Nasa'i*.
- 3.1.3.6 Imam Abu Dawud<sup>143</sup> kitab *Sunan Abu Dawud*.
- 3.1.3.7 Imam Ibn Majah<sup>144</sup> kitab *Sunan Ibn Majah*.

---

<sup>138</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardazabah al-Ja'fi al-Bukhari. Di lahirkan di Bukhara pada hari Jumaat, 13 Syawal tahun 194 Hijrah bersamaan 21 Julai, 810 Masihi. Meninggal dunia pada malam Sabtu, iaitu malam hari raya Aidilfitri, 30 Ramadhan 256 Hijrah bersamaan 31 Ogos 870 Masihi. Dan lihat juga: Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Dhahabi (1998), *Kitab Tadhkirah al-Hufaz*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 104. Dan lihat juga: Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *Siyar A'lam al-Muhadthin*, c. 1. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, h. 138.

<sup>139</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu al-Husin Muslim bin al-Hajaj bin Muslim al-Qusyairi al-Nisaburi. Di lahirkan di Naisabur pada tahun 204 Hijrah bersamaan 820 Masihi. Beliau meninggal dunia di Naisabur pada hari Ahad tahun 261 Hijrah bersamaan 875 Masihi. Dan lihat juga: *op. cit.*, h. 19, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Dhahabi (1998), *Ibid.*, h. 125. Dan Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *Ibid.*, h. 220.

<sup>140</sup> Nama sebenar Imam Ahmad bin Hanbal ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal Ibn Halal al-Syibani. Beliau lahir pada bulan Rabi'ul al-Awwal pada tahun 164 Hijrah. Meninggal dunia pada tahun 241 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 19-20.

<sup>141</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah Ibn Musa bin al-Dahak al-Silmi al-Tarmidhi. Imam al-Tarmidhi. Dilahirkan di Turmudh pada bulan Zulhijjah tahun 209 Hijrah bersamaan 824 Masihi. Beliau meninggal dunia pada 13 Rejab, tahun 279 Hijrah bersamaan 892 Masihi. Dan lihat juga: *Ibid.*, h. 20. Dan lihat juga: Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *op. cit.*, h. 392.

<sup>142</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syuaib bin 'Ali bin Bahar bin Sanan al-Nasa'i. Dilahirkan pada tahun 215 Hijrah. Meninggal dunia di satu tempat yang bernama al-Ramlah di Palestin pada tahun 303 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 21.

<sup>143</sup> Nama sebenar beliau ialah Sulaiman bin al-Asy'ath bin Ishaq bin Basyir bin Syadad bin 'Amru bin 'Imran al-Azdi al-Sijistani. Manakala menurut kitab *Tadhkirah al-Hufaz* nama sebenar beliau ialah Sulaiman bin al-Asy'ath bin Ishak bin Basyir bin Syadad bin 'Amru al-Azdi al-Sijistani. Dilahirkan pada tahun 202 Hijrah dan meninggal dunia di Basrah pada hari Jumaat 14 Syawal tahun 275 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 21. Dan Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Dhahabi (1998), *Kitab Tadhkirah al-Hufaz*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 127.

<sup>144</sup> Nama Sebenar beliau ialah Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid bin 'Abdullah bin Majah al-Qazwini Maula Rabi'ah Ibn 'Abdullah. Manakala menurut kitab *Siyar A'lam al-Muhadthin* nama sebenar Imam Ibn Majah ialah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid Ibn Majah al-Raba'i al-Qazwaini. dilahirkan pada tahun 209 Hijrah dan meninggal dunia pada bulan Ramadhan tahun 273 Hijrah. Dan pendapat lain mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 275 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 21, Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *Siyar A'lam al-Muhadthin*, c. 1. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, h. 474. Dan Huda Mukhsin (1985), *Pengenalan Kitab-kitab Hadith al-Sunan al-Sittah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 158.

Jelaslah di sini, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah mengambil hadith-hadith yang dimuatkan di dalam kitab beliau daripada kitab-kitab hadith dan tokoh-tokoh ‘ulama’ hadith yang berotoriti. Yang mana tidak perlu disangkal lagi kewibawaan tokoh-tokoh ‘ulama’ hadith tersebut.

### **3.1.4 Kitab *Syarh Bagi Kitab al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam***

Kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* merupakan kitab *Syarh* bagi kitab *al-Muntaqa’ Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*.

Kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*<sup>145</sup> ini dikarang oleh Syaikh al-Imam al-Mujtahid al-‘Alamah al-Rabani Qadi Qadah al-Qatru al-Yamani Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani. Beliau meninggal dunia pada tahun 1255 hijrah.

Kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* terdiri daripada 8 *juzu’* yang mana setiap sebuah buku atau kitab mempunyai 2 *juzu’* sekaligus.

Isi kandungan kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* sama seperti kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*. Cuma yang membezakan kedua-dua kitab ini ialah, kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* mempunyai *Syarah (Syarh)*

---

<sup>145</sup> Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. ج-ب.



atau keterangan yang lebih terperinci dari segi bahasa, nahu, *i'rab*, hukum hadith (*Ahkam al-Hadith*) dan *istinbat* atau pengajaran yang boleh diambil dari hadith tersebut.

Isi kandungan kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* ini juga mempunyai 54 buah *kitab* atau tajuk. Ia dimulai dengan tajuk atau *kitab al-Taharah* ( كتاب الطهارة ) dan diakhiri dengan *kitab al-Aqdiyat wa al-Ahkam* ( كتاب الأقضية والأحكام ) . Di dalam setiap *kitab* ini terdapat 56 buah *bab-bab* besar ( أبواب ) dan juga *bab-bab* kecil ( باب ). Manakala jumlah hadith-hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang terdapat di dalam kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* ini juga sebanyak 5029 buah hadith.

Keistimewaan kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* ini ialah ia mempunyai sebuah kitab ringkasan yang bertajuk *Bustan al-Ahbar Mukhtasar Nayl al-Autar*<sup>146</sup> karangan Fadilah Syaikh Faisal bin ‘Abd al-‘Aziz al-Mubarak yang terdiri daripada 2 *juzu*’.

### 3.1.5 Isi Kandungan Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayhi Wasallam*

Isi kandungan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alaihi Wasallam* ini mempunyai 54 buah *kitab* atau tajuk. Ia dimulai dengan tajuk atau *Kitab*

---

<sup>146</sup> Fadilah Syaikh Faisal bin ‘Abd al-‘Aziz al-Mubarak (1998), *Bustan al-Ahbar Mukhtasar Nayl al-Autar*, c. 1. al-Riyad: Dar Asybailiya.

*al-Taharah* ( كتاب الطهارة ) dan diakhiri dengan *Kitab al-Aqdiyat wa al-Ahkam* ( كتاب الأقضية والأحكام ). Di dalam setiap *kitab* ini terdapat 56 buah *bab-bab* besar ( أبواب ) dan juga *bab-bab* kecil ( باب ). Manakala jumlah hadith-hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ini ialah 5029 buah hadith (*Sila lihat lampiran jadual 3.1*).

### **3.1.6 Metodologi Penulisan Dan Penyusunan Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam***

Di dalam topik ini, tumpuan akan diberikan terhadap metodologi atau kaedah penulisan dan penyusunan hadith di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* yang berkaitan dengan bilangan hadith, penyusunan *kitab* dan *bab*, penggunaan istilah-istilah dan kategori hadith yang terkandung di dalamnya.

#### **3.1.6.1 Bilangan Hadith Dan Penyusunan *Kitab* Atau Tajuk Dan *Bab-bab***

Bilangan hadith yang terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah sebanyak 5029 buah hadith. Hadith-hadith tersebut telah dikategorikan berdasarkan *Kitab-kitab* ( كتاب ), *Abwab* ( أبواب ) dan *Bab* ( باب ).

Metodologi atau kaedah penyusunan *Kitab-kitab* ( كتاب ) di dalam *kitab al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ini dimulai dengan

*Kitab al-Taharah* ( كتاب الطهارة ) dan diakhiri dengan *Kitab al-Aqdiyat Wa al-Ahkam* ( كتاب الأقدية والأحكام ). Jumlah kesemua *kitab* ini adalah sebanyak 54 buah *kitab* atau tajuk.

Di samping itu, hadith-hadith yang terdapat di dalam setiap kitab akan dikategorikan mengikut *bab-bab besar* ( أبواب ) yang tertentu. Yang mana jumlah *bab-bab besar* ( أبواب ) tersebut sebanyak 56 buah *Abwab* ( أبواب ). Manakala di dalam setiap *bab-bab besar* ( أبواب ) mengandungi *bab-bab* ( باب ) kecil yang meliputi pelbagai persoalan *Fiqh*.

#### 3.1.6.2 *Takhrij* Atau Sumber Pengambilan Hadith

Berdasarkan *muqaddimah* di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*, Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah menyebut sebanyak tujuh buah kitab hadith yang dijadikan sebagai *takhrij al-Hadith* atau tempat pengambilan hadith-hadith yang disusun di dalam kitab beliau iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*.

Tujuh buah kitab hadith tersebut ialah *Sohih Bukhari*, *Sohih Muslim*, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, *Jami' Abi 'Isa al-Tarmidhi*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Abi Dawud* dan *Sunan Ibn Majah*.

Jelaslah disini, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah mengambil hadith daripada kitab-kitab hadith yang berotoriti yang tidak perlu disangkalkan lagi kewibawaan kitab-kitab hadith tersebut.

### 3.1.6.3 Penggunaan Istilah-istilah

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah menghuraikan empat istilah khusus yang digunakan di dalam hadith-hadith susunan beliau. Penggunaan empat istilah tersebut bertujuan untuk menyatakan sumber rujukan hadith-hadith susunan beliau dari tokoh-tokoh ‘ulama’ hadith. Empat istilah tersebut ialah *Akhrajah* (أخرجاه), *Rawah al-Khamsah* (رواه الخمسة), *Rawah al-Jama’ah* (رواه الجماعة) dan *Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه).

Empat istilah ini sebenarnya menggambarkan tujuh orang tokoh perawi hadith yang dijadikan sumber rujukan utama terhadap hadith-hadith di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*. Tujuh orang tokoh perawi hadith tersebut ialah Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa’i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah. Apabila hadith-hadith tersebut tidak termasuk dalam kategori istilah-istilah ini, beliau hanya menyebut nama perawi-perawi hadith. Di samping itu, terdapat juga nama perawi hadith selain daripada tujuh orang tokoh-tokoh hadith di atas.

Di dalam topik ini, tumpuan akan diberikan bagi menghuraikan maksud setiap istilah tersebut di samping membawakan contoh hadith-hadith yang berkaitan. Di samping itu beberapa contoh yang tidak ada kaitan dengan empat istilah ini akan turut dipaparkan bagi membuat satu perbandingan diantara hadith-hadith tersebut.

#### 3.1.6.3.1 *Akhrajah* (أخرجاه)

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*, Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah menerangkan maksud *Akhrajah* (أخرجاه) ialah dua orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim. Penggunaan istilah *Akhrajah* (أخرجاه) ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* tersebut datangnya dari periwayatan dua orang tokoh hadith seperti yang dinyatakan di atas.

Contoh hadith yang menggunakan istilah "*Akhrajah* (أخرجاه)" di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ialah seperti berikut:-

Kitab al-Taharah, Abwab al-Siwak Wa Sunan al-Fitrah dan باب جواز اتخاذ

الشعر واکرامه واستحباب تقصيره . Hadith yang ke 207.<sup>147</sup>

<sup>147</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *op. cit.*, , j. 1, c. 2, h. 74.

وفي لفظ : كان شعره رجلا ليس بالجمع ، ولا السبط بين أذنيه وعاتقه.

أخرجاه.

### 3.1.6.3.2 *Rawah al-Khamsah* (رواه الخمسة)

Menurut Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah, *Rawah al-Khamsah* (رواه الخمسة) bermaksud Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa’i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah. Penggunaan istilah *Rawah al-Khamsah* (رواه الخمسة) bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith hanya daripada lima orang perawi yang disebutkan tadi.

Contoh hadith yang menggunakan istilah “*Rawah al-Khamsah* ( رواه الخمسة)” di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* ialah seperti berikut:-

Kitab al-Solah, باب حجة من كفر تارك الصلاة, Hadith yang ke 509.<sup>148</sup>

---

<sup>148</sup> *Ibid.*, h. 191.

وعن بريدة رضى الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وآله

وسلم يقول (( العهد الذى بيننا وبينهم الصلاة , فمن تركها فقد كفر)). رواه

### الخمسة.

#### 3.1.6.3.3 *Rawah al-Jama'ah* (رواه الجماعة)

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*, Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah menerangkan maksud "*Rawah al-Jama'ah*" (رواه الجماعة) ialah tujuh orang tokoh utama perawi hadith iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa'i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah.

Penggunaan istilah "*Rawah al-Jama'ah*" (رواه الجماعة) ini bertujuan menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* tersebut datangnye dari periwayatan tujuh orang tokoh hadith seperti yang dinyatakan tadi.

Contoh hadith yang menggunakan istilah "*Rawah al-Jama'ah*" (رواه الجماعة) di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah seperti berikut :-

Kitab al-Munasik, Abwab Ma Yatajanabihi al-Muhrim Wa Ma Yubahu Lihi.

Hadith yang ke 2467.<sup>149</sup> . باب ماجاء في نكاح المحرم وطئه

وعن ابن عباس رضى الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وآله وسلم

تزوج ميمونة وهو محرم. رواه الجماعة

#### 3.1.6.3.4 *Muttafaq 'Alayh* (متفق عليه)

Di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*, Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah telah menerangkan maksud “*Muttafaq 'Alayh* (متفق عليه)” ialah sumber periwayatan hadith tiga orang perawi hadith. Tokoh-tokoh hadith yang disebutkan itu ialah Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhari dan Imam Muslim.

Contoh hadith yang menggunakan istilah “*Muttafaq 'Alayh* (متفق عليه)” di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah seperti berikut :-

Kitab al-Munasik, Abwab Ma Yatajanabihi al-Muhrim Wa Ma Yubahu Lihi.

Hadith yang ke 2503.<sup>150</sup> . باب حرم المدينة , وتحريم صيده وشجره

وعن عباد بن تميم عن عمه أن رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم قال

(( ان ابراهيم حرم مكة ودعائها ، وانى حرمت المدينة ، كما حرم ابراهيم

<sup>149</sup> *Ibid.*, j. 2, h. 247.

<sup>150</sup> *Ibid.*, h. 256.



Manakala contoh hadith yang tidak termasuk di dalam kategori istilah-istilah tersebut ialah:-

Kitab al-Munasik, Abwab Ma Yatajanabihi al-Muhrim Wa Ma Yubahu Lihi.

Hadith yang ke 2466.<sup>151</sup> . باب ما جاء في نكاح المحرم , وحكم وطنه

وعن أبي عطفان عن أبيه عن عمر رضى الله عنه أنه فرق بينهما ،

• يعنى رجلا تزوج وهو محرم. رواه مالك في الموطاء ، والدارقطنى

Hadith ini adalah riwayat daripada Imam Malik di dalam kitab beliau *al-Muwatta'* dan juga riwayat dari al-Darqutni. Jelaslah disini, hadith ini tidak termasuk di dalam kategori-kategori istilah yang telah dibincangkan tadi.

#### 3.1.6.4 Kategori (*Sanad*) Perawi Hadith

Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* sebagai sebuah karya dibidang *matan al-Hadith Ahkam* telah memberi penekanan kepada aspek (*sanad*) perawi hadith. Apabila Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah membawa atau mendatangkan (*sanad*) perawi dan (*matan*) teks hadith di dalam kitab

<sup>151</sup> *Ibid.*, h. 247.

*al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ini, beliau turut mendatangkan atau membawa hukum (*sanad*) perawi hadith tersebut diambil dibawah nota kaki atau terus dibawah (*sanad*) perawi dan (*matan*) teks hadith tersebut.

Contoh hukum (*sanad*) perawi hadith dari mana (*sanad*) perawi dan juga (*matan*) teks hadith tersebut diambil di bawah nota kaki ialah seperti berikut:-

Kitab الضمانات والعصب . النهي عن جده وهزله Bab . Hadith yang ke 3138.<sup>152</sup>

٣١٣٨ عن عبد الله بن السائب بن يزيد عن أبيه عن جده أنه سمع

رسول الله - صلى الله عليه وسلم - يقول : (( لا يأخذن أحدكم

متاع أخيه لاعبا ولا جادا )) وقال سليمان (( لعبا ولا جدا )) . ((

ومن أخذ عصا أخيه فليردها )) . لم يقل ابن بشار ابن يزيد وقال قال

رسول الله - صلى الله عليه وسلم - . رواه أحمد وأبو داود

والترمذی

---

٣١٣٨ قال الترمذی : حسن غريب ، لا نعرفه الا من حديث ابن أبي ذئب

اه وقد سكت عنه أبو داود والمنذرى . وأخرجه البيهقي وحسن اسناده .

---

<sup>152</sup> *Ibid.*, h. 406.

وقال الخطابي معناه أن يأخذه على وجه الهزل ثم يجسه عنه ولا يردده

فيصير جدا اه

Contoh hukum (*sanad*) perawi hadith terus dibawah (*sanad*) perawi dan (*matan*) *teks* hadith tersebut ialah seperti berikut:-

Kitab al-Syafa'at, Hadith yang ke 3180.<sup>153</sup>

وعن عبد الملك بن أبي سليمان ، عن عطاء ، عن جابر ، قال : قال رسول  
الله صلى الله عليه وآله وسلم (( الجار أحق بشفعة جاره ، ينتظر بما ، وان  
كان غائبا ، اذا كان طريقهما واحدا ، رواه الخمسة الا النسائي  
وعبد الملك هذا ثقة مأمون ، ولكن قد أنكر عليه هذا الحديث .  
قال شعبة : سهى فيه عبد الملك . فان روى حديثا مثله طرحت  
حديثه ، ثم ترك شعبة التحديث عنه . وقال أحمد : هذا الحديث  
منكر . وقال ابن معين لم يروه غير عبد الملك ،  
وقد أنكروه عليه . قلت : ويقوى ضعفه رواية جابر الصحيحة  
المشهورة المذكورة في أول الباب

### 3.1.6.5 Nota Kaki

<sup>153</sup> *Ibid.*, h. 418.

Penggunaan nota kaki juga terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*. Keistimewaan penggunaan nota kaki ini bertujuan untuk menerangkan sumber pengambilan hadith, hukum hadith (*Ahkam Hadith*), makna perkataan, terjemahan perawi hadith, *Nahu, I'rab* dan sebagainya secara ringkas dan terperinci.

### 3.1.6.6 Terjemahan Perawi (*Sanad*) Hadith

Kadang-kadang Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah membawa atau mendatangkan terjemahan perawi (*sanad*) atau biodata perawi (*sanad*) secara ringkas. Contoh terjemahan perawi (*sanad*) hadith didalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah seperti berikut:-

Kitab al-Taharah, Abwab Tathir al-Najasad Wa Zikr Ma Nas 'Alayh Minha. Bab I'tibar al-'Adad Fi al-Wulugh. Hadith yang ke 33.<sup>154</sup>

وعن عبد الله بن المغفل قال : أمر رسول الله صلى الله عليه وآله  
وسلم بقتل الكلاب ثم قال (( ما بالهم وبال الكلاب ؟ )) ثم رخص  
في كلب الصيد و كلب الغنم وقال : (( اذا ولغ الكلب فلى الاناء  
فاغسلوه سبع مرات وغفروه الثامنة بالتراب )) رواه الجماعة ، الا  
الترمذى والبخارى

---

<sup>154</sup> *Ibid.*, j. 1. h. 19.

عبد الله بن مغفل المزني من مشاهير الصحابة . وهو أحد البكائين

في غزوة تبوك . وأحد العشرة الذين بعثهم عمر لتفقيه الناس

بالبصرة ، وأول من دخل من باب مدينة تستر . مات سنة ٥٩ أو

٦٠

Jelaslah di sini, dibawah nota kaki di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ini, beliau terangkan siapakah dia '**Abd Allah bin al-Mughaffal** secara ringkas. Ini memudahkan pengkaji-pengkaji kitab ini untuk mengetahui siapakah sebenarnya perawi tersebut.

#### 3.1.6.7 Terjemahan Makna Perkataan

Di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ini, Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah juga kadang-kala membawa atau menghuraikan terjemahan makna perkataan di dalam sesuatu hadith tersebut. Ini bertujuan untuk menjelaskan makna serta kehendak sebenar perkataan yang dikehendaki atau aspek-aspek lain yang berhubungkait dengannya.

Contoh terjemahan makna perkataan di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah seperti berikut:-

Kitab al-Taharah, Abwab al-Miyah. Bab Tuhuriyah Ma' al-Bahr Wa Ghairihi. Bilangan hadith yang keempat.<sup>155</sup>

---

<sup>155</sup> *Ibid.*, h. 6.

وقد جاء عن علي رضي الله عنه في حديث له قال فيه : ثم أفاض رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم ، فدعا بسجل من ماء زمزم ، فشرب منه وتوضاء . رواه الامام أحمد.

Di dalam nota kaki hadith yang keempat tersebut, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah menerangkan makna atau maksud sebenar perkataan **السجل** .

Iaitu :-

**السجل** : الدلو المملؤ . فان لم يكن به ماء فليس بسجل . وقال ابن دريد : دلو واسعة ، وفي الصحاح : الدلو الضحمة . وفي الحديث دليل على طهارة الماء المستعمل لرفع الحديث ، وهو قول الجمهور . ومن أذعى النجاسة طولب بالدليل .

#### 3.1.6.8 *Nahu* Dan *I’rab*

Di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* ini, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah juga kadang-kadang membawa atau menghuraikan *Nahu* dan *I’rab* di dalam sesuatu hadith tersebut. Contoh penggunaan *Nahu* dan *I’rab* di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* adalah seperti berikut:-

Kitab al-Taharah, Abwab al-Miyah. Bab Taharah al-Ma' al-Mutawada' Bih.  
Hadith yang keenam.<sup>156</sup>

وفي الحديث صلح الحديبية من رواية المسور بن مخزوم ومروان بن  
الحكم : ما تنخم رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم نخامة الا  
وقعت في كف رجل منهم ، فذلك بها وجهه وجلده . واذا توضع  
كادوا يقتتلون على وضوءه . وهو بكماله لأحمد والبخارى

Di dalam nota kaki hadith yang keenam tersebut Imam Majd al-Din 'Abd al-  
Salam Ibn Taymiyyah menerangkan mengenai *Nahu* dan *I'rab* bagi perkataan الحديبية.

Iaitu :-

الحديبية - بوزن دويهية - بشر أو شجرة كانت قرب مكة ....

Contoh lain bagi penggunaan *Nahu* dan *I'rab* di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ialah:-

Kitab al-Solah, Abwab Sitr al-'Aurat, Bab الصلاة في ثوب الحرير والعصب. Hadith  
yang ke 294.<sup>157</sup>

---

<sup>156</sup> *Ibid.*, h. 6-7.

<sup>157</sup> *Ibid.*, h. 282.

وعن عقبة بن عامر قال : أهدى الى الرسول الله صلى الله عليه وسلم

فروج حرير ، فالبسه ، ثم صلى فيه ، ثم انصرف ، فنزعه نزعا عنيفا

شديدا كالكاره له ، ثم قال (( لا ينبغي هذا للمتقين )) متفق عليه

Di dalam nota kaki hadith yang ke 294 tersebut, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam

Ibn Taymiyyah menerangkan mengenai *Nahu* dan *I’rab* bagi perkataan *فروج*. Iaitu:-

الفروج - بفتح الفاء والضم الراء مشددة ، وآخره جيم - هو القباء

المفرج من خلف.....

#### 3.1.6.9 Penggunaan Simbol atau Bentuk (◉)

Penggunaan simbol atau bentuk (◉) juga terdapat di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*. Keistimewaan penggunaan simbol atau bentuk (◉) ini bertujuan untuk memberi perhatian dan menerangkan mengenai sesuatu perkataan dengan lebih terperinci lagi.

Contoh penggunaan simbol atau bentuk (◉) di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* adalah seperti berikut :-

Kitab al-Taharah, Abwab Hukum al-Takhli. Bab النهي عن الاستحمام بدون الثلاثة .

Hadith yang ke 153.<sup>158</sup>

<sup>158</sup> *Ibid.*, h. 57-58.



وعن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وآله وسلم, قال : لا من

استمر فليوتر , من فعل فقد أحسن ومن لا فلا حرج , رواه أحمد

وأبو داود وابن ماجه. وهذا محمول على أن القطع في الوتر ( )

سنة فيما إذا زاد على ثلاث , جمعابين النصوص.

Di nota kaki kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ini, Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah menerangkan mengenai perkataan yang menggunakan simbol atau bentuk ( ). Iaitu:-

( ) في الخطبة (( على وتر ))

## 3.2 Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

### 3.2.1 Pengenalan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*<sup>159</sup>

Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* adalah sebuah kitab utama karangan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani. Kitab ini merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan matan-matan (*teks*) hadith terpilih yang menjurus terhadap hukum-

<sup>159</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1998), *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Riyad: Dar al-Samai'i. h. 8.

hukum Islam. Di dalam *Muqaddimah* (مقدمة) kitab ini telah dinyatakan bahawa kitab *Bulugh al-Maram* merupakan sebuah karya ringkasan yang meliputi *dalil* daripada hadith-hadith di dalam hukum-hukum Syariah.

Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* terdiri daripada dua jilid. Isi kandungan kitab *Bulugh al-Maram* dimulai dengan *Kitab al-Taharah* (كتاب الطهارة) (dan diakhiri dengan *Kitab al-Jami'* (كتاب الجامع)). Di dalam setiap *kitab* ini terdapat bab (باب). Manakala jumlah hadith-hadith hukum (*Hadith-hadith Ahkam*) yang terkumpul atau terdapat di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* sebanyak 1,359 buah hadith. Sebenarnya terdapat banyak pendapat berhubung bilangan hadith yang terdapat di dalam kitab ini.

Hadith-hadith hukum (*Hadith-hadith Ahkam*) yang terdapat di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini diambil daripada *Sohih Bukhari*, *Sohih Muslim*, *Musnad Imam Ahmad Bin Hanbal* dan *Jami' Abi 'Isa al-Tarmidhi*. Di antara kitab-kitab sunan pula yang diambil sebagai rujukan oleh beliau ialah kitab *Sunan Abi 'Abd al-Rahman al-Nasa'i*, kitab *Sunan Abi Dawud al-Sajastani*, dan kitab *Sunan Ibn Majah al-Qazuwaini*.

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani menggunakan metod atau cara penulisan yang tersendiri. Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani telah menghuraikan enam istilah khusus yang digunakan di dalam hadith-hadith susunan beliau. Penggunaan enam

istilah tersebut bertujuan untuk menyatakan sumber rujukan hadith-hadith susunan beliau dari tokoh-tokoh ‘ulama hadith yang telah dibincangkan tadi. Enam istilah atau metodologi tersebut ialah:

3.2.1.1 *al-Sab’ah* (السبعة) : Tujuh orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah.

3.2.1.2 *al-Sittah* (الستة) : Enam orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah. Seorang sahaja yang digugurkan iaitu Imam Ahmad bin Hanbal.

3.2.1.3 *al-Khamsah* (الخامسة) : Lima orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah. Dua orang digugurkan iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim.

3.2.1.4 *al-Arba’ah* (الأربعة) : Empat orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah.

3.2.1.5 *al-Thalathah* (الثلاثة) : Tiga orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, dan Imam Nasa’i .

3.2.1.6 *Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه) : Imam Bukhari dan Imam Muslim.

### 3.2.2 Sumber Rujukan Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menyebut seramai tujuh orang tokoh ‘ulama’ hadith yang dijadikan sebagai *Takhrij al-Hadith* atau tempat pengambilan hadith-hadith yang disusun di dalam kitab beliau. Tujuh orang tokoh ‘ulama’ hadith tersebut ialah :-

3.2.2.1 Imam Ahmad<sup>160</sup> bin Hanbal kitab *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*.

3.2.2.2 Imam al-Bukhari<sup>161</sup> kitab *Sohih Bukhari*.

3.2.2.3 Imam Muslim<sup>162</sup> kitab *Sohih Muslim*.

3.2.2.4 Imam Abu Dawud<sup>163</sup> kitab *Sunan Abu Dawud*.

3.2.2.5 Imam al-Tarmidhi<sup>164</sup> kitab *Jami’ Abi ‘Isa al-Tarmidhi*.

3.2.2.6 Imam al-Nasa’i<sup>165</sup> kitab *Sunan al-Nasa’i*.

3.2.2.7 Imam Ibn Majah<sup>166</sup> kitab *Sunan Ibn Majah*

<sup>160</sup> Nama sebenar beliau ialah Imam Ahmad bin Hanbal ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal Ibn Halal al-Syibani. Beliau lahir pada bulan *Rabi’ul al-Awwal* pada tahun 164 Hijrah. Meninggal dunia pada tahun 241 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 19-20.

<sup>161</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu ‘Abdullah Muhammad bin Isma’il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardazabah al-Ja’fi al-Bukhari. Di lahirkan di Bukhara pada hari Jumaat, 13 Syawal tahun 194 Hijrah bersamaan 21 Julai, 810 Masihi. Meninggal dunia pada malam Sabtu, iaitu malam hari raya Aidilfitri, 30 Ramadhan 256 Hijrah bersamaan 31 Ogos 870 Masihi. Dan lihat juga: Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1998), *Kitab Tadhkirah al-Hufaz*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 104. Dan lihat juga: Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *Siyar A’lam al-Muhadthin*, c. 1. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, h. 138.

<sup>162</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu al-Husin Muslim bin al-Hajaj bin Muslim al-Qusyairi al-Nisaburi. Di lahirkan di Naisabur pada tahun 204 Hijrah bersamaan 820 Masihi. Beliau meninggal dunia di Naisabur pada hari Ahad tahun 261 Hijrah bersamaan 875 Masihi. Dan lihat juga: *op. cit.*, h. 19, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1998), *Ibid.*, h. 125. Dan Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *Ibid.*, h. 220.

<sup>163</sup> Nama sebenar beliau ialah Sulaiman bin al-Asy’ath bin Ishaq bin Basyir bin Syadad bin ‘Amru bin ‘Imran al-Azdi al-Sijistani. Manakala menurut kitab *Tadhkirah al-Hufaz* nama sebenar beliau ialah Sulaiman bin al-Asy’ath bin Ishak bin Basyir bin Syadad bin ‘Amru al-Azdi al-Sijistani. Dilahirkan pada tahun 202 Hijrah dan meninggal dunia di Basrah pada hari Jumaat 14 Syawal tahun 275 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 21. Dan Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi (1998), *Kitab Tadhkirah al-Hufaz*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 127.

<sup>164</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Surah Ibn Musa bin al-Dahak al-Silmi al-Tarmidhi. Imam al-Tarmidhi. Dilahirkan di Turmudh pada bulan Zulhijjah tahun 209 Hijrah bersamaan 824 Masihi. Beliau meninggal dunia pada 13 Rejab, tahun 279 Hijrah bersamaan 892 Masihi. Dan lihat juga: *Ibid.*, h. 20. Dan lihat juga: Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *op. cit.*, h. 392.

<sup>165</sup> Nama sebenar beliau ialah Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad bin Syuaib bin ‘Ali bin Bahar bin Sanan al-Nasa’i. Dilahirkan pada tahun 215 Hijrah. Meninggal dunia di satu tempat yang bernama al-Ramlah di Palestin pada tahun 303 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 21.

<sup>166</sup> Nama Sebenar beliau ialah Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yazid bin ‘Abdullah bin Majah al-Qazwini Maula Rabi’ah Ibn ‘Abdullah. Manakala menurut kitab *Siyar A’lam al-Muhadthin* nama sebenar Imam Ibn Majah ialah Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid Ibn Majah al-Raba’i al-Qazwaini. dilahirkan pada tahun 209 Hijrah dan meninggal dunia pada bulan Ramadhan tahun 273 Hijrah. Dan pendapat lain mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 275 Hijrah. Dan lihat juga: Muhammad bin ‘Ali bin

Jelaslah di sini, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah mengambil hadith-hadith yang dimuatkan di dalam kitab beliau daripada kitab-kitab hadith dan tokoh-tokoh ‘ulama’ hadith yang berotoriti. Yang mana tidak perlu disangkal lagi kewibawaan tokoh-tokoh ‘ulama’ hadith tersebut.

### 3.2.3 Kitab Syarh Bagi Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

Kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam*<sup>167</sup> merupakan kitab *Syarh* bagi kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

Kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam* dikarang oleh al-Imam Muhammad bin Isma’il al-Amir al-Yamani al-San’ani. Beliau meninggal dunia pada tahun 1182 hijrah. Kitab ini telah ditulis pada kurun ke 9 hijrah. Kitab ini merupakan sebuah kitab yang mensyarahkan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Kitab ini mempunyai 3 jilid. Sebagai sebuah kitab syarah, kitab ini mensyarahkan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* dengan lebih terperinci lagi.

Isi kandungan kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam* sama seperti kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Cuma yang membezakan kedua-dua kitab ini ialah, kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam* mempunyai Syarah (*Syarh*) atau keterangan yang lebih

---

Muhammad al-Syawkani (t.t.), *Ibid.*, h. 21, Ahmad Mukhtar Ramzi (2005), *Siyar A’lam al-Muhadthin*, c. 1. Beirut: Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah, h. 474. Dan Huda Mukhsin (1985), *Pengenalan Kitab-kitab Hadith al-Sunan al-Sittah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 158.

<sup>167</sup> Muhammad bin Isma’il al-Amir al-Yamani al-San’ani (t.t.), *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam’i Adillah al-Ahkam*, j. 1. al-Azhar: Maktabah ‘Atif.

terperinci dari segi bahasa, *Nahu*, *I'rab*, hukum hadith (*Ahkam Hadith*) dan *Istinbat* atau pengajaran yang boleh diambil dari hadith tersebut.

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam'i Adillah al-Ahkam* boleh dikategorikan sebagai kitab *syarh al-Hadith* yang berwibawa dan berotoriti sebagai rujukan *teks* dan syarah hadith. Walaupun tidak setanding dengan kitab-kitab *syarh al-Hadith* yang sudah terkenal.

Kitab ini termasuk koleksi hadith-hadith hukum yang harus diketahui dan diamalkan oleh seluruh umat Islam. Sesuai dengan tajuknya *Subul al-Salam* yang bermaksud "*Jalan-jalan keselamatan*".

#### 3.2.4 Isi Kandungan Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* terdiri daripada dua jilid. Isi kandungan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini dimulai dengan *Kitab al-Taharah* (كتاب الطهارة) dan diakhiri dengan *Kitab al-Jami'* (كتاب الجامع). Di dalam setiap *kitab* ini terdapat bab (باب). Manakala jumlah hadith-hadith hukum yang terkumpul atau terdapat di dalam kitab *Bulugh al-Maram* ini ialah sebanyak 1,359 buah hadith. Sebenarnya terdapat banyak pendapat berhubung bilangan hadith yang terdapat di dalam kitab ini (*Sila lihat lampiran jadual 3.2*).

### 3.2.5 Metodologi Penulisan Dan Penyusunan Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

Di dalam topik ini, tumpuan akan diberikan terhadap metodologi atau kaedah penulisan dan penyusunan hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* yang berkaitan dengan bilangan hadith, penyusunan *kitab* dan *bab*, penggunaan istilah-istilah dan kategori hadith yang terkandung di dalamnya.

#### 3.2.5.1 Bilangan Hadith Dan Penyusunan *Kitab* Atau Tajuk Dan *Bab-bab*

Bilangan hadith yang terdapat di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* adalah sebanyak 1,359 buah hadith. Hadith-hadith tersebut telah dikategorikan berdasarkan *Kitab-kitab* (كتاب) dan *Bab* (باب).

Metodologi atau kaedah penyusunan *Kitab-kitab* (كتاب) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini dimulai dengan *Kitab al-Taharah* (كتاب الطهارة) dan diakhiri dengan *Kitab al-Jami'* (كتاب الجامع). Jumlah kesemua *kitab* ini adalah sebanyak 16 buah *kitab* atau tajuk.

Di samping itu, hadith-hadith yang terdapat di dalam setiap kitab akan dikategorikan mengikut *bab* (باب) yang tertentu. Yang mana jumlah *bab* (باب) tersebut sebanyak 97 buah *bab* (باب) yang meliputi pelbagai persoalan *Fiqh*.

### 3.2.5.2 *Takhrij* Atau Sumber Pengambilan Hadith<sup>168</sup>

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menyebut sebanyak tujuh buah kitab hadith yang dijadikan sebagai *Takhrij al-Hadith* atau tempat pengambilan hadith-hadith yang disusun di dalam kitab beliau iaitu kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

Tujuh buah kitab hadith tersebut ialah *Sohih Bukhari*, *Sohih Muslim*, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, *Jami’ Abi ‘Isa al-Tarmidhi*, *Sunan al-Nasa’i*, *Sunan Abi Dawud* dan *Sunan Ibn Majah*.

Jelaslah disini, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah mengambil hadith daripada kitab-kitab hadith yang berotoriti yang tidak perlu disangkalkan lagi kewibawaan kitab-kitab hadith tersebut.

### 3.2.5.3 Penggunaan Istilah-istilah<sup>169</sup>

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menghuraikan enam istilah khusus yang digunakan di dalam hadith-hadith susunan beliau. Penggunaan enam istilah tersebut bertujuan untuk menyatakan sumber rujukan hadith-hadith susunan beliau dari tokoh-tokoh ‘ulama’ hadith. Enam istilah tersebut ialah *al-Sab’ah* (السبعة), *al-Sittah* (الستة),

---

<sup>168</sup> Ishak Hj. Sulaiman (1996), *op. cit.*, h. 135.

<sup>169</sup> *Ibid.*, h. 135.



*al-Khamsah* (الخمسة), *al-Arba'ah* (الأربعة), *al-Thalathah* (الثلاثة) dan *Muttafaq 'Alayh* (متفق عليه).

Enam istilah ini sebenarnya menggambarkan tujuh orang tokoh perawi hadith yang dijadikan sumber rujukan utama terhadap hadith-hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Tujuh orang tokoh perawi hadith tersebut ialah Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa'i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah. Apabila hadith-hadith tersebut tidak termasuk dalam kategori istilah-istilah ini, beliau hanya menyebut nama perawi-perawi hadith. Di samping itu, terdapat juga nama perawi hadith selain daripada tujuh orang tokoh-tokoh hadith di atas.

Di dalam topik ini, tumpuan akan diberikan bagi menghuraikan maksud setiap istilah tersebut di samping membawakan contoh hadith-hadith yang berkaitan. Di samping itu beberapa contoh yang tidak ada kaitan dengan enam istilah ini akan turut dipaparkan bagi membuat satu perbandingan diantara hadith-hadith tersebut.

#### 3.2.5.3.1 *al-Sab'ah*<sup>170</sup>(السبعة)

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani telah menerangkan maksud *al-Sab'ah* (السبعة) ialah tujuh orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa'i dan Imam Ibn Majah. Penggunaan istilah *al-Sab'ah* (السبعة) ini

---

<sup>170</sup> *Ibid.*, h. 191.

bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* tersebut datangnya dari periwayatan tujuh orang tokoh hadith seperti yang dinyatakan di atas.

Contoh hadith yang menggunakan istilah “*al-Sab’ah* (السبعة)” di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ialah seperti berikut:-

Kitab al-Solah, باب الأذان . Hadith yang ke 155.<sup>171</sup>

وعن مالك بن الحويرث رضى الله تعالى عنه قال : قال أنا النبي صلى الله عليه

وسلم : (إذا حضرت الصلاة , فليؤذن لكم أحدكم). الحديث , أخرجه

السبعة.

### 3.2.5.3.2 *al-Sittah* (الستة)<sup>172</sup>

Menurut Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani, *al-Sittah* (الستة) bermaksud enam orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah. Penggunaan istilah *al-Sittah* (الستة) bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith hanya daripada enam orang perawi yang disebutkan tadi. Walaupun istilah *al-Sittah* (الستة) ini disebut penggunaannya di dalam *Muqaddimah* (مقدمة) kitab

<sup>171</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalani (2004), *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah, h. 48.

<sup>172</sup> *Op.cit.*, h. 194-195.

*Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, tetapi setelah penulis membuat penelitian tiada satu hadithpun yang menggunakan istilah *al-Sittah* (الستة) ini. Ini menunjukkan bahawa Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani gagal membuktikan hadith yang diriwayatkan menggunakan istilah tersebut.

#### 3.2.5.3.3 *al-Khamsah* (الخمسة)

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menerangkan maksud *al-Khamsah* (الخمسة) ialah lima orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah. Penggunaan istilah *al-Khamsah* (الخمسة) ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* tersebut datangnya dari periwayatan lima orang tokoh hadith seperti yang dinyatakan di atas.

Contoh hadith yang menggunakan istilah “*al-Khamsah* (الخمسة)” di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ialah seperti berikut:-

Kitab al-Solah dan شروط الصلاة . Hadith yang ke 160.<sup>173</sup>

---

<sup>173</sup> *Op.cit.*, h. 49.

عن علي بن طلق رضى الله تعالى عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه

وسلم : (( اذا فسا أحدكم فى الصلاة , فليصرف , وليتوضأ وليعد

)) الصلاة).

رواه الخمسة , وصححه ابن حبان.

#### 3.2.5.3.4 *al-Arba'ah* (الأربعة)

Berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani telah menerangkan maksud *al-Arba'ah* (الأربعة) ialah empat orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa'i dan Imam Ibn Majah. Penggunaan istilah *al-Arba'ah* (الأربعة) ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* tersebut datangnya dari periwayatan empat orang tokoh hadith seperti yang dinyatakan di atas.

Contoh hadith yang menggunakan istilah "*al-Arba'ah* (الأربعة)" di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ialah seperti berikut:-

Kitab al-Buyu' dan باب التفليس والحجر . Hadith yang ke 732.<sup>174</sup>

<sup>174</sup> *Ibid.*, h. 186-187.

وعن عطية القرظي رضى الله عنه تعالى عنه , قال : عرضنا على النبي صلى  
الله عليه وسلم يوم قريظة , فكان من أنبت قتل , ومن لم ينبت خلى سبيله  
, فكانت ممن لم ينبت , فخلى سبيلي . رواه الأربعة , وصححه ابن حبان  
والمحاكم .

#### 3.2.5.3.5 *al-Thalathah* (الثلاثة)

Berdasarkan *muqaddimah* di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menerangkan maksud *al-Thalathah* (الثلاثة) ialah tiga orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, dan Imam Nasa’i. Penggunaan istilah *al-Thalathah* (الثلاثة) ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* tersebut datangnya dari periwayatan tiga orang tokoh hadith seperti yang dinyatakan di atas.

Contoh hadith yang menggunakan istilah “*al-Thalathah* (الثلاثة)” di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ialah seperti berikut:-

Kitab al-Taharah dan باب المياه . Hadith yang ke 2.<sup>175</sup>

---

<sup>175</sup> *Ibid.*, h. 11.

وعن أبي سعيد الخدري رضي الله تعالى عنه, قال : قال رسول الله صلى

الله عليه وسلم : ((ان الماء طهور لا بنجسه شيء)). أخرجه الثلاثة

وصححه أحمد

### 3.2.5.3.6 *Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه)

Berdasarkan *muqaddimah* di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menerangkan maksud *Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه) ialah dua orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim. Penggunaan istilah “*Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه)” ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* tersebut datangnya dari periwayatan dua orang tokoh hadith seperti yang dinyatakan di atas.

Contoh hadith yang menggunakan istilah “*Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه)” di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ialah seperti berikut:-

Kitab al-Jihad. Hadith yang ke 1086.<sup>176</sup>

وعن ابن عباس رضي الله تعالى عنهما قال : قال رسول الله صلى الله عليه

وسلم : ((لا هجرة بعد الفتح , ولكن جهاد ونية)). متفق عليه

---

<sup>176</sup> *Ibid.*, h. 276.

Manakala contoh hadith yang tidak termasuk di dalam kategori istilah-istilah tersebut ialah:-

Kitab al-Solah dan صلاة الكسوف . Hadith yang ke 404.<sup>177</sup>

وعن ابن عباس رضي الله تعالى عنهما قال : ما هبت الريح قط, الا

حشا النبي صلى الله عليه وسلم على ركبتيه, وقال: ((اللهم /اجعلها

.رحمة, ولا تجعلها عذابا)). رواه الشافعي والطبراني

Hadith ini adalah riwayat daripada Imam al-Syafi'i dan Imam al-Tabarani. Jelaslah disini, hadith ini tidak termasuk di dalam kategori-kategori istilah yang telah dibincangkan tadi.

#### 3.2.5.4 Kategori Sanad Hadith

Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* sebagai sebuah karya dibidang *matan al-Hadith Ahkam* (Hadith Hukum) telah memberi penekanan kepada aspek *sanad* (perawi) hadith. Apabila Imam Ibn Hajar al-'Asqalani membawa atau mendatangkan *sanad* (perawi) dan *matan (teks)* hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini, beliau turut mendatangkan atau membawa hukum *sanad* (perawi) hadith tersebut diambil dibawah nota kaki atau terus dibawah *sanad* (perawi) dan *matan (teks)* hadith tersebut.

Contoh hukum *sanad* (perawi) hadith dari mana *sanad* (perawi) dan juga *matan (teks)* hadith tersebut diambil di bawah nota kaki ialah seperti berikut:-

<sup>177</sup> *Ibid.*, h. 247.

Kitab al-Solah dan صلاة العيدين . Hadith yang ke 399.<sup>178</sup>

وعن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه, أنه أصابهم مطر في يوم (400)

عيد, فصلى بهم النبي صلى الله عليه وسلم صلاة العيد في المسجد.

رواه أبو داود باسناد لين.

---

400 – (ضعيف) أبو داود (1160).

Contoh hukum *sanad* (perawi) hadith terus didatangkan bersama *sanad* (perawi) dan *matan* (*teks*) hadith tersebut ialah seperti berikut:-

Kitab al-Nikah dan , باب اللعان , hadith yang ke 940.<sup>179</sup>

عن ابن عباس أن النبي صلى الله عليه وسلم أمر رجلا حين أمر المتلاعنين أن

يتلاعنا أن يضع يده على فيه عند الخامسة يقول انها موجبة. رواه أبو داود

والنسائي, ورجاله ثقات.

### 3.2.5.5 Nota Kaki

Penggunaan nota kaki juga terdapat di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Keistimewaan penggunaan nota kaki ini bertujuan untuk menerangkan

---

<sup>178</sup> *Ibid.*, h. 105.

<sup>179</sup> *Ibid.*, h. 237.



sumber pengambilan hadith, hukum hadith (*Ahkam al-Hadith*), makna perkataan dan sebagainya secara ringkas dan terperinci.

#### 3.2.5.6 Terjemahan Makna Perkataan

Di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani juga kadang-kala membawa atau menghuraikan terjemahan makna perkataan di dalam sesuatu hadith tersebut. Ini bertujuan untuk menjelaskan makna serta kehendak sebenar perkataan yang dikehendaki atau aspek-aspek lain yang berhubungkait dengannya.

Contoh terjemahan makna perkataan di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* adalah seperti berikut:-

Kitab al-Nikah dan باب عشرة النساء. Bilangan hadith yang ke 876.<sup>180</sup>

وعن ابن عمر رضى الله تعالى عنهما, أن النبي صلى الله عليه وسلم لعن

الواصلة والمستوصلة, والواشمة والمستوشمة. متفق عليه.

Di dalam nota kaki hadith yang ke 876 tersebut, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani menerangkan makna atau maksud sebenar perkataan *المستوصلة*, *الواصلة* dan *المستوشمة*.

Iaitu:-

---

<sup>180</sup> *Ibid.*, h. 221.

الواصلة: التي تصل شعرها بشعر آخر. المستوصلة: التي تطلب أن يوصل

شعرها. المستوشمة: التي تطلب أن توشم.

### 3.2.5.7 Penggunaan Simbol atau Bentuk ( )

Penggunaan simbol atau bentuk ( ) secara berturut-turut juga terdapat di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Keistimewaan penggunaan simbol atau bentuk ( ) ini bertujuan untuk memberi perhatian yang lebih terperinci mengenai sumber rujukan hadith tersebut diambil.

Contoh penggunaan simbol atau bentuk ( ) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* adalah seperti berikut :-

Kitab al-Hajj, Bab المواقيت . Hadith yang ke 591.<sup>181</sup>

وعن عائشة رضی الله تعالى عنها أن النبي صلى الله عليه وسلم وقت

لأهل العراق ذات عرق. رواه أبو داود والنسائي, وأصله عند مسلم

( ) من حديث جابر, الا أن راويه شك في رفعه. وفي صحيح

البخاري ( ) : أن عمر هو الذي وقت ذات عرق. وعند أحمد

<sup>181</sup> Ibid., h. 154.

وأبي داود والترمذي (ﷺ) عن ابن عباس, أن النبي صلى الله عليه

وسلم وقت لأهل المشرق العقيق.

Di nota kaki kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani menerangkan mengenai sumber rujukan hadith tersebut diambil menggunakan simbol atau bentuk (ﷺ) yang berturutan. Iaitu :-

(ﷺ) (صحيح) مسلم (18/1183).

(ﷺ) (صحيح) البخاري (1531).

(ﷺ) (صحيح) احمد (1/344), وأبو داود (1740), والترمذي (832).

### 3.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani merupakan tokoh ‘ulama’ besar dan masyhur yang meninggalkan hasil karya mereka dalam pelbagai bidang ilmu. Di mana ilmu-ilmu tersebut boleh diambil *manfaat* daripadanya.

Salah satu hasil karya mereka yang paling terkenal dalam ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ialah kitab *al-Muntaqa’ Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

Kitab *al-Muntaqa' Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini merupakan antara kitab yang paling lengkap dan menyeluruh yang membahaskan semua topik atau tajuk yang berkaitan dengan ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*).

Kitab *al-Muntaqa' Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini juga mempunyai banyak keistimewaan yang tersendiri yang harus dikaji oleh pengkaji-pengkaji atau pencinta-pencinta ilmu Islam khususnya ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*).

Daripada huraian perbincangan di dalam bab ini jelas memperlihatkan ciri-ciri ilmiah pada hadith-hadith susunan Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani yang menghimpunkan pelbagai kategori *sanad* (perawi) dan *matan (teks)* hadith sama ada *Sohih*, *Hasan* dan sebagainya. Metodologi atau kaedah penulisan seperti ini amat penting kepada pengkaji ilmu hadith masa kini supaya dapat menilai tahap penapisan sesuatu hukum Islam yang telah diperolehi oleh 'ulama' seperti dibidang hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini.

## BAB 4

### **KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KITAB *AL-MUNTAQA MIN AKHBAR AL-MUSTAFA SOLLA ALLAH 'ALAYH WASALLAM* DENGAN KITAB *BULUGH AL-MARAM MIN ADILLAH AL-AHKAM* SEBAGAI KITAB HADITH HUKUM (*HADITH AHKAM*)**

Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini dipilih sebagai satu fokus kajian kerana ianya merupakan kitab yang menghimpunkan *matan-matan* atau *teks-teks* hadith terpilih yang menjurus terhadap hukum-hukum Islam.

Di dalam bab ini, tumpuan akan difokuskan terhadap kajian perbandingan antara kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* dan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* sebagai kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Kajian perbandingan di dalam bab ini akan dilihat dari sudut persamaan serta perbezaan kedua-dua kitab tersebut, keistimewaan dan kelemahan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*, keistimewaan dan kelemahan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* serta kesimpulan bab.

#### **4.1 Persamaan Antara Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* Dan Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam***

**4.1.1 Kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) tersebut merupakan kitab matan (*teks*) hadith hukum (*Hadith Ahkam*) yang tidak perlu disangkal lagi kewibawaannya.**

**4.1.2 Metodologi atau penyusunan hadith-hadith tersebut di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini telah dikategorikan berdasarkan *Kitab* ( كتاب ) dan *Bab* ( باب ).**

Contoh penggunaan *Kitab* ( كتاب ) dan *Bab* ( باب ) di dalam kitab *al-Muntaqa Min*

*Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ialah : كتاب التيمم (باب تيمم الجنب :

182 (للصلاة اذا لم يجد ماء

---

<sup>182</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *op. cit.*, h. 160.

Manakala contoh penggunaan *Kitab* (كتاب) dan *Bab* (باب) di dalam kitab

كتاب الحج 1- باب فضله وبيان من فرض : *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

عليه<sup>183</sup>

**4.1.3 Kedua-dua tokoh tersebut menggunakan *Takhrij* atau sumber pengambilan hadith daripada kitab-kitab hadith yang berautoriti yang tidak perlu disangkalkan lagi kewibawaan kitab-kitab hadith tersebut.**

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani merupakan ‘ulama’ yang teliti di dalam menghasilkan sesebuah karya hadith khususnya di dalam bidang ilmu hadith hukum (*Hadith Ahkam*). Ini terbukti dengan ketekunan dan ketelitian kedua-dua tokoh tersebut melakukan rujukan dari pelbagai kitab utama yang berkaitan dengan ilmu al-Hadith. Antaranya adalah seperti berikut:-

4.1.3.1 *Sohih Bukhari*

4.1.3.2 *Sohih Muslim*

4.1.3.3 *Musnad Imam Ahmad b. Hanbal*

4.1.3.4 *Jami’ Abi ‘Isa al-Tarmidhi*

4.1.3.5 *Sunan al-Nasa’i*

4.1.3.6 *Sunan Abi Dawud dan*

4.1.3.7 *Sunan Ibn Majah*

---

<sup>183</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalani (1998), *op. cit.*, h. 151.

#### 4.1.4 Kedua-dua tokoh tersebut menggunakan istilah-istilah yang tersendiri di dalam menghasilkan kaedah penulisan yang menarik

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah menggunakan empat istilah di dalam kaedah penulisan kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*. Empat istilah tersebut ialah :-

1. *Akhrajah* (أخرجاه) : Imam Bukhari dan Imam Muslim.
2. *Rawah al-Khamsah* (رواه الخمسة) : Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa’i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah.
3. *Rawah al-Jama’ah* (رواه الجماعة) : Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad b. Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa’i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah,
4. *Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه) : Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhari dan Imam Muslim.

Manakala berdasarkan *Muqaddimah* (مقدمة) di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menghuraikan enam istilah khusus yang digunakan di dalam hadith-hadith susunan beliau. Penggunaan enam



istilah tersebut bertujuan untuk menyatakan sumber rujukan hadith-hadith susunan beliau dari tokoh-tokoh ‘ulama hadith yang telah dibincangkan tadi. Enam istilah tersebut ialah:

1. *al-Sab’ah* (السبعة) : Tujuh orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah.
2. *al-Sittah* (الستة) : Enam orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah. Seorang sahaja yang digugurkan iaitu Imam Ahmad bin Hanbal.
3. *al-Khamsah* (الخمسة) : Lima orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah. Dua orang digugurkan iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim.
4. *al-Arba’ah* (الأربعة) : Empat orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa’i dan Imam Ibn Majah.
5. *al-Thalathah* (الثلاثة) : Tiga orang tokoh ‘ulama’ hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, dan Imam Nasa’i .
6. *Muttafaq ‘Alayh* (متفق عليه) : Imam Bukhari dan Imam Muslim.

**4.1.5 Di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini juga terdapat penggunaan nota kaki, terjemahan makna perkataan dan penggunaan simbol atau bentuk.**

4.1.5.1 Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*

Keistimewaan penggunaan nota kaki dan penggunaan simbol atau bentuk di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* bertujuan untuk menerangkan sumber pengambilan hadith, hukum hadith (*Ahkam al-Hadith*), makna perkataan, terjemahan perawi (*Sanad*) hadith, *Nahu*, *I'rab* dan sebagainya secara ringkas dan terperinci.

Manakala contoh penggunaan terjemahan makna perkataan di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* adalah seperti berikut:-

Kitab al-Taharah, Abwab al-Miyah. Bab Tuhuriyah Ma' al-Bahr Wa Ghairihi. Bilangan hadith yang keempat.<sup>184</sup>

وقد جاء عن علي رضي الله عنه في حديث له قال فيه : ثم أفاض رسول الله

صلى الله عليه وآله وسلم ، فدعا بسجل من ماء زمزم ، فشرب منه

وتوضاء . رواه الامام أحمد.

<sup>184</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *op. cit.*, h. 6.

Di dalam nota kaki hadith yang keempat tersebut, Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah menerangkan makna atau maksud sebenar perkataan **السجل** .

Iaitu :-

السجل : الدلو المملؤ . فان لم يكن به ماء فليس بسجل . وقال ابن

دريد : دلو واسعة ، وفي الصحاح : الدلو الضحمة . وفي الحديث دليل

على طهارة الماء المستعمل لرفع الحديث ، وهو قول الجمهور . ومن ادعى

النجاسة طولب بالدليل.

#### 4.1.5.2 Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*

Penggunaan nota kaki dan penggunaan simbol atau bentuk juga terdapat di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Keistimewaan penggunaan nota kaki dan penggunaan simbol atau bentuk ini bertujuan untuk menerangkan sumber pengambilan hadith, hukum hadith (*Ahkam al-Hadith*), makna perkataan dan sebagainya secara ringkas dan terperinci.

Di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ini, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani juga kadang-kala membawa atau menghuraikan terjemahan makna perkataan di dalam sesuatu hadith tersebut. Ini bertujuan untuk menjelaskan makna serta

kehendak sebenar perkataan yang dikehendaki atau aspek-aspek lain yang berhubungkait dengannya.

Contoh terjemahan makna perkataan di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* adalah seperti berikut:-

Kitab al-Nikah dan باب عشرة النساء. Bilangan hadith yang ke 876.<sup>185</sup>

وعن ابن عمر رضى الله تعالى عنهما, أن النبي صلى الله عليه وسلم لعن

الواصلة والمستوصلة, والواشمة والمستوشمة. متفق عليه.

Di dalam nota kaki hadith yang ke 876 tersebut, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani menerangkan makna atau maksud sebenar perkataan *المستوصلة*, *الواصلة* dan *المستوشمة*.

Iaitu:-

الواصلة: التي تصل شعرها بشعر آخر. المستوصلة: التي تطلب أن يوصل

شعرها. المستوشمة: التي تطلب أن توشم.

**4.1.6 *Sanad* (perawi) hadith di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini didatangkan atau dibawa dengan ringkas.**

---

<sup>185</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalani (1998), *op. cit.*, h. 221.

Contoh penggunaan *sanad* (perawi) *hadith* di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*<sup>186</sup> ialah :

كتاب الصلاة (باب افتراضها, ومتى كان) (499) عن عبدالله بن عمر قال  
قال رسول الله صلى الله عليه وسلم واله وسلم (( بنى الاسلام على خمس :  
شهادة أن لا اله الا الله, وأن محمدا رسول الله واقام الصلاة, وايتاء الزكاة,  
وحج البيت, وصوم رمضان)) متفق عليه.

Manakala contoh penggunaan *sanad* (perawi) *hadith* di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*<sup>187</sup> ialah :

كتاب الصلاة 1. باب المواقيت (133) وعن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه  
قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ((إذا اشتد الحر فأبردوا بالصلاة,  
فان شدة الحر من فيح جهنم)). متفق عليه.

#### 4.1.7 Kedua-dua kitab *hadith* hukum (*Hadith Ahkam*) ini mempunyai kitab *Syarh* yang berwibawa dan terkenal.

<sup>186</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *op. cit.*, h.186.

<sup>187</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1998), *op. cit.*, h.42.

Kitab *Syarh* bagi kitab *al-Muntaqa' Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ialah kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*<sup>188</sup>

Kitab *Nayl al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* ini dikarang oleh Syaikh al-Imam al-Mujtahid al-'Alamah al-Rabani Qadi Qadah al-Qatru al-Yamani Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani. Beliau meninggal dunia pada tahun 1255 hijrah.

Manakala Kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam'i Adillah al-Ahkam*<sup>189</sup> merupakan kitab *Syarh* bagi kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

Kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram Min Jam'i Adillah al-Ahkam* ini dikarang oleh al-Imam Muhammad bin Isma'il al-Amir al-Yamani al-San'ani. Beliau meninggal dunia pada tahun 1182 hijrah. Kitab ini telah ditulis pada kurun ke 9 hijrah.

#### **4.1.8 Di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) dimulai dengan**

**tajuk atau (*Kitab*) كتاب perbahasan yang sama.**

Contoh tajuk atau (*Kitab*) كتاب perbahasan yang sama di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) tersebut ialah :- كتاب الطهارة (*Kitab al-Taharah*).

---

<sup>188</sup> Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkani (t.t.), *op. cit.*, h. ب - ج.

<sup>189</sup> Muhammad bin Isma'il al-Amir al-Yamani al-San'ani (t.t.), *op. cit.*

**4.1.9 Hadith-hadith yang terdapat di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini mempunyai nombor atau bilangan hadith. Ini memudahkan pembaca untuk mengetahui bilangan hadith tersebut.**

Contoh penggunaan nombor atau bilangan hadith di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* ialah :

Kitab al-Taharah. Bab ما جاء في فضل طهور المرأة . Hadith yang ke 14.<sup>190</sup>

**14** . وعن ابن عباس رضي الله عنهما ان رسول الله صلى الله عليه وآله

وسلم ((كان يغتسل بفضل ميمونة)) رواه احمد ومسلم.

Manakala contoh penggunaan nombor atau bilangan hadith di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* ialah :

Kitab al-Janaiz. Hadith yang ke 425.<sup>191</sup>

**(425)** عن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه قال : قال رسول الله صلى الله

عليه وسلم: ((أكثرُوا ذكرَ هاذم اللذات: الموت)). رواه الترمذي والنسائي،

وصححه ابن حبان.

<sup>190</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah ' Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *op. cit.*, h. 11.

<sup>191</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1998), *op. cit.*, . h. 113.

#### **4.1.10 Persamaan yang terdapat di dalam kedua-dua kitab hadith hukum**

**(*Hadith Ahkam*) ini ialah kedua-duanya mempunyai *Muqaddimah* (مقدمة) di awal bab.**

*Muqaddimah* (مقدمة) kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini membantu pembaca untuk lebih mengenali dan mengetahui mengenai kedua-dua kitab dan tokoh-tokoh tersebut secara lebih terperinci dan mendalam lagi.

#### **4.1.11 Persamaan yang terdapat di dalam kedua-dua kitab hadith hukum**

**(*Hadith Ahkam*) ini ialah kedua-duanya menggunakan kaedah perbincangan pengajian '*Ulum al-Hadith*.**

Pengajian '*Ulum al-Hadith* dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Iaitu:-

1. Hadith *Riwayah* (حديث رواية)
2. Hadith *Dirayah* (حديث دراية)

#### **4.1.12 Matan-matan (*teks*) hadith di dalam kedua-dua kitab tersebut menjurus kepada *Fiqh al-Hadith*.**

Di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini menekankan persoalan *Fiqh al-Hadith* yang mana perbincangan kedua-dua kitab ini menekankan



persoalan-persoalan di dalam ilmu *Fiqh*. Seperti persoalan mengenai sembahyang, *Taharah*, *Tayyamum* dan sebagainya

#### **4.2 Perbezaan Antara Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* Dan Kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam***

**4.2.1** Kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam* merupakan kitab yang pertama di dalam bidang hadith hukum (*Hadith Ahkam*) berbanding kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*.

Ini dapat dibuktikan melalui tarikh kewafatan kedua-dua tokoh tersebut iaitu Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah meninggal pada tahun 652 hijrah manakala Imam Ibn Hajar al-'Asqalani meninggal pada tahun 852 hijrah. Tempoh perbezaan tersebut ialah selama 200 tahun.

#### **4.2.2 Perbezaan dari sudut pegangan atau pandangan *madhab*.**

Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah merupakan *madhab* Hanbali.

Ini dapat dibuktikan dan ada diterangkan di dalam *muqaddimah* (مقدمة) kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam*.

#### 4.2.3 Perbezaan dari sudut penambahan perkataan *Abwab* (أبواب)).

Metodologi atau penyusunan hadith-hadith di dalam kedua-dua kitab hadith hukum (*Hadith Ahkam*) ini telah dikategorikan berdasarkan *Kitab* (كتاب) dan *Bab* (باب). Tetapi Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah di dalam kitab beliau iaitu kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah ‘Alayh Wasallam* menggunakan perkataan *Abwab* bagi bab-bab besar (أبواب)) dan juga perkataan *bab* bagi bab-bab kecil (باب). Beliau menambah perkataan *Abwab* (أبواب)). Ini berbeza dengan kitab *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* karangan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani yang tidak menggunakan perkataan *Abwab* (أبواب)) tersebut tetapi terus perkataan *Bab* (باب).

Contoh penggunaan perkataan *Abwab* (أبواب)) di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*<sup>192</sup> ialah :

كتاب الطهارة

أبواب المياه

(باب طهورية ماء البحر وغيره)

#### 4.2.4 Perbezaan dari sudut jumlah dan maksud atau makna istilah.

Imam Majd al-Din 'Abd al-Salam Ibn Taymiyyah hanya menggunakan empat istilah sahaja di dalam kitab *al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam*. **Empat** istilah tersebut ialah :-

1. *Akhrajah* (أخرجاه) : Imam Bukhari dan Imam Muslim.
2. *Rawah al-Khamsah* (رواه الخمسة) : Imam Ahmad b. Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa'i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah.
3. *Rawah al-Jama'ah* (رواه الجماعة) : Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad b. Hanbal, Imam al-Tarmidhi, Imam al-Nasa'i, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah.

---

<sup>192</sup> Majd al-Din Abi al-Barakah 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harani (1974), *op. cit.*, h.4.

4. *Muttafaq 'Alayh* (متفق عليه) : Imam Ahmad b. Hanbal, Imam Bukhari dan Imam Muslim.

Manakala Imam Ibn Hajar al-'Asqalani menggunakan **enam** istilah di dalam kitab *Bulugh al-Maram Min Adilah al-Ahkam*. Enam istilah tersebut ialah:

1. *al-Sab'ah* (السبعة) : Tujuh orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa'i dan Imam Ibn Majah.
2. *al-Sittah* (الستة) : Enam orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa'i dan Imam Ibn Majah. Seorang sahaja yang digugurkan iaitu Imam Ahmad bin Hanbal.
3. *al-Khamsah* (الخمسة) : Lima orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa'i dan Imam Ibn Majah. Dua orang digugurkan iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim.
4. *al-Arba'ah* (الأربعة) : Empat orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasa'i dan Imam Ibn Majah.
5. *al-Thalathah* (الثلاثة) : Tiga orang tokoh 'ulama' hadith iaitu Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmidhi, dan Imam Nasa'i .

6. *Muttafaq 'Alayh* (متفق عليه) : Imam Bukhari, dan Imam Muslim.

#### 4.2.5 Perbezaan dari sudut persamaan maksud atau makna tetapi penggunaan *istilah* yang lain

Perbezaan dari sudut persamaan maksud atau makna tetapi penggunaan *istilah* yang lain ialah:

**Jadual 4.1: Jadual perbezaan dari sudut persamaan maksud atau makna tetapi penggunaan *istilah* yang lain**

Kitab <i>al-Muntaqa Min Akhbar al-Mustafa Solla Allah 'Alayh Wasallam</i>	Kitab <i>Bulugh al-Maram Min Adilah al-Ahkam</i>
<i>Rawah al-Jama'ah</i> (رواه الجماعة)	<i>al-Sab'ah</i> (السبعة)
<i>Rawah al-Khamsah</i> (رواه الخمسة)	<i>al-Khamsah</i> (الخمس)
<i>Akhrajah</i> (أخرجه)	<i>Muttafaq 'Alayh</i> (متفق عليه)

Jelaslah di sini, walaupun kedua-dua tokoh hadith tersebut menggunakan *istilah* yang tersendiri di dalam penulisan mereka tetapi masih ada perbezaan jumlah *istilah* yang digunakan dan maksud atau makna *istilah* tersebut.

#### 4.2.6 Perbezaan dari sudut jumlah penggunaan *istilah-istilah*.

Walaupun kedua-dua imam tersebut iaitu Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah dan Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani menggunakan *istilah* yang disebutkan di atas tetapi dari segi penggunaan istilah-istilah tersebut Imam Majd al-Din ‘Abd al-Salam Ibn Taymiyyah lebih banyak atau lebih meluas menggunakannya berbanding Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani.

Di dalam kajian ini, penulis mendapati Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani tidak banyak menggunakan *istilah* tersebut. Jadi jelaslah disini, walaupun beliau menerangkan di dalam *Muqaddimah* (مقدمة) kitab *Bulugh al-Maram Min Adilah al-Ahkam* mengenai penggunaan *istilah-istilah* tersebut tetapi sebenarnya penggunaan *istilah-istilah* tersebut tidak banyak dan tidak meluas.

#### **4.2.7 Perbezaan dari sudut metodologi atau kaedah penyusunan dan penulisan kitab.**

